ABDUL RAZAK SALLEH
HARRY RAMZA
MOHAMMAD ALINOR ABDUL KADIR

DIASPORA

Adat dan Kekerabatan
Alam Minangkabau

"Sebuah Kepelbagaian Kajian Pemikiran"



Penerbit
KEMALA INDONESIA
Jakarta
www.kemalapublisher.com

Diaspora Adat dan Kekerabatan Alam Minangkabau; sebuah kepelbagaian kajian pemikiran

Editor

ABDUL RAZAK SALLEH
HARRY RAMZA
MOHAMMAD ALINOR ABDUL KADIR

ISBN 978-602-14781-2-7

Penerbit
Kemala Indonesia, Jakarta
INDONESIA

Judul : Diaspora Adat dan Kekerabatan Alam
Minangkabau: Sebuah kepelbagaian kajian pemikiran.
Cetakan pertama : 24 April, 2015
Edisi : I (Pertama)
Editor : Abdul Razak Salleh, Harry Ramza dan Mohammad Alinor Abdul Kadir.
E – mail : admin@kemalapublisher.com

Dilarang mengutip atau memperbanyak sebagian atau seluruh isi buku ini dalam bentuk apapun (seperti cetakan, fotokopi, mikrofilm, VCD, CD-ROM, dan rekaman suara) tanpa izin tertulis dari pemegang hak cipta/Penerbit.

ISBN 978-602-14781-2-7
Typeset menggunakan : Adobe InDesign
BISAC Subject Heading : 002000; 002010; 006000; 015000; 048000

Kata kunci : Diaspora Minangkabau, kajian pemikiran Minangkabau adat dan kekerabatan.

Kerjasama antara
Ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia
No. 1, Lorong Raja Uda 2
Kampong Baru
50300 Kuala Lumpur
Malaysia

dengan,
Penerbit Kemala Indonesia
Jalan Raya Tengah Haji Ilyas No.47
Kampung Tengah, Kramat Jati, Jakarta Timur, 13540
Indonesia
Telp No. +62-8779 4021
Fax No. +62-8779 4021
E-mail: admin@kemalapublisher.com
Website : www.kemalapublisher.com



Hak Cipta @ Copyright 2015 oleh
Kemala Indonesia Publisher, Jakarta

Semua naskah diterbitkan pada buku ini dilindungi hak cipta. Semua hak penyediaan, khususnya terjemahan kedalam bahasa asing. Tidak diperbolehkan untuk dapat membuat kembali atau dihasilkan kembali dalam segala bentuknya atau dengan kata lain, elektronik atau mekanik, termasuk fotocopy, rekaman atau setiap penyimpan informasi tanpa seizin penulis dan penerbit buku ini. Membuat kembali dalam catatan kuliah, radio dan pemancar televisi, film magnetik atau sama bentuk apapun juga merupakan masalah mengenai hak cipta.

Daftar Isi

Daftar Isi iii
Kata Pengantar v
Kata Sambutan Presiden Ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia vi
MUKADIMAH 1
MESYUARAT PERTAMA 2
MESYUARAT KEDUA 2
MESYUARAT KETIGA 3
MESYUARAT KEEMPAT 5
MESYUARAT KELIMA 7
MESYUARAT KEENAM 8
GERAK KERJA 10
MAKLUMAT ASAS TENTANG KARYA ULAMA-ULAMA MINANGKABAU 11
SENIBINA MINANGKABAU 17

I. Membangkik Batang Tarandam Demokrasi Minangkabau
Aidinil Zetra 23
1. 1. Mengenal Demokrasi Minangkabau 23
1. 2. Menyusur Galur Demokrasi ke Nagari 24

II. Kajian Perkembangan Ekonomi Di Minangkabau
Fitrimawati 27

III. Penulisan Tarikh dalam Budaya Melayu
Abdul Razak Salleh 29
3. 1. Pengenalan 29
3. 2. Daur Kecil Al - Attas 29
3. 3. Daur Kecil Wilkinson 30
3. 4. Daur Kecil Aceh 31
3. 5. Daur Kecil Campa 32
3. 6. Rujukan 34

IV. Perkembangan Kajian Bahasa Minangkabau
Aslinda 35

V. Teori Pengetahuan, Percakapan dan Kelakuan Sebagai Teras Pendidikan Karekter
Mohammad Alinor Abdul Kadir 38
5. 1. Pengenalan 38
5. 2. Unsur-Unsur Teori Pengetahuan Minangkabau 39
5. 2. 1. Alat Menerima Pengetahuan 40
5. 2. 2. Jenis-Jenis Akal 41
5. 2. 3. Jenis-Jenis Pengetahuan 42
5. 3. Teori Percakapan Minangkabau 43
5. 4. Teori Kelakuan Minangkabau 44
5. 5. Lanjutan 45
5. 6. Rujukan 45

VI. Pemikiran Sir Thomas Stamford Raffles Tentang Perkembangan Budaya Teknologi di Negara Minangkabau Tahun 1817 - 1824
Harry Ramza 47

ABSTRAK 47
6. 1. Keadaan Masyarakat Serantau Minangkabau Menurut Tulisan Raffles . 48
6. 2. Teknologi Tepat – Guna 49
6. 3. Kemampuan dan Keadaan Sosial Masyarakat Negara Minangkabau .. 50
6. 4. Kesimpulan 51
6. 5. Rujukan 52
6. 6. Lampiran 53

VII. Respon Komunitas Islam Moderen Terhadap Aplikasi Ritual Islam Tradisional Disekitar Makam
Afrinaldi 54
ABSTRAK 54
7. 1. Pendahuluan 55
7. 2. Metode Penelitian. 56
7. 3. Temuan Penelitian 60
7. 3. 1. Masa Hidup Sjech Burhanuddin Sebuah Realitas Sejarah 60
7. 3. 2. Aplikasi Ritual Komunitas Islam Tradisional disekitar Makam Sjech 61
7. 3. 3. Kearifan Kultural Komunitas Islam Tradisionalis 63
7. 4. Penutup 64
7. 5. Rujukan 64

VIII. Peran dan Konsep Moehammad Shaleh dalam Perniagaan di Pariaman Sebagai Kawasan Rantau Minangkabau
Harry Ramza 66
ABSTRAK 66
8. 1. Pendahuluan 67
8. 2. Kerjaya Nakhoda dan Peniaga 68
8. 3. Konsep Kemampuan Berfikir Positif dan Terbuka 68
8. 4. Peran Sebagai Keusahawanan Terhadap Masyarakat 69
8. 5. Membina Kejujuran, Keadilan dan Kesejahteraan 70
8. 6. Kesimpulan 71
8. 7. Rujukan 71

IX. Hamka dan Falsafah Tinggi, Pendekatan Ammi
Muhamad Hanapi Jamaludin 72
9. 1. Pengenalan 72
9. 2. Alam Terkembang Jadikan Guru 72
9. 3. Alam Sebagai Tanda : Jajaran Maninjau ke Ufuk Kejayaan 73
9. 4. Kitab Alam dan Kehidupan 73
9. 5. Falsafah Ketuhanan 74
9. 6. Cukuplah Dengan Alam 75
9. 7. Penutup 76

X. Persiapan Masyarakat Minangkabau Menuju Masyarakat Ekonomi ASEAN Melalui Tradisi Merantau dan Berniaga
Arif Murti Rozamuri 77
10. 1. Legenda Singkat Minangkabau 78
10. 2. Merantau 78
10. 3. Berniaga 79
10. 4. Persiapan Terhadap Masyarakat Ekonomi ASEAN..... 81
10. 5. Rujukan 81

LAMPIRAN Prasasti Minangkabau 82

Kata Pengantar

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,

Berkat rahmat *Allah Subhanahu Wata'ala*, ahli-ahli ICMM (Ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia) mampu membuat sebuah buku mengenai Diaspora Adat dan Kekerabatan Alam Minangkabau dari pelbagai kajian pemikiran serta menjadi sebuah cermin identiti masyarakat Minangkabau bahagian dari masyarakat Melayu yang ada di serantau Nu- santara ini.

Kajian kepelbagaian pemikiran ini menunjukkan bahawa masyarakat Minang kabau sebagai masyarakat yang sangat menjunjung tinggi falsafah agama Islam sebagai adat dan budaya dalam kehidupan bermasyarakat. Sejarah peradaban, asas pemikiran serta konsep untuk menghadapi zaman moden menjadi warna-warna dalam buku ini. Segala kritik yang bersifat membina dan mendidik sangat diharapkan bagi kita semua. Kekurangan-kekurangan sebagai insan diharapkan boleh dibaiki untuk kepentingan bersama.

Dengan memberikan segala bentuk sokongan dan kerjasama kepada ICMM daripada semua fihak yang ingin tampil ke hadapan untuk dapat membantu usaha seluruh cendekiawan dalam menjayakan dan memperkasakan umat Islam yang maju dan bermaruah tinggi.

Terima kasih yang tidak berhingga atas terbitnya buku ini, semoga dapat menjadikan manfaat bagi kita bersama.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Editor

Abdul Razak Salleh
Harry Ramza
Mohammad Alinor Abdul Kadir

Kata Sambutan
Presiden
Ikatan Cendekiawan Minangkabau - Malaysia

Assalamualaikum Wr Wb dan Salam Sejahtera,

Suatu hasil kerja yang sangat bagus bagi seluruh masyarakat ICMM (Ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia) secara khas sehingga dapat menerbitkan sebuah buku hasil kajian pemikiran yang berhubung–kait dengan Adat dan Kekerabatan Alam Minangkabau.

ICMM sebagai sarana untuk membina masyarakat Melayu secara khasnya Minangkabau untuk dapat bersatu membangun masyarakat madani dengan ekonomi di serantau nusantara ini. Pembinaan masyarakat dimulakan dari pendidikan manusia serta kefahaman tentang asas-asas kehidupan dan bermasyarakat. Kefahaman yang bermakna landasan agama Islam yang menjadikan tiang utama. Masyarakat Minangkabau merupakan bahagian daripada masyarakat Melayu raya yang memakai budi bahasa, budaya dan perilaku dalam berbagai-bagai bidang kehidupan mereka.

Saya mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli ICMM atas terbitnya buku tentang Diaspora Adat dan Kekerabatan Alam Minangkabau yang menunjukkan betapa tinggi nya budaya Melayu secara khas nya adat masyarakat Minangkabau di Malaysia dan seluruh Nusantara serta antarabangsa. Saya berharap bahawa buku ini dapat menunjukkan jati diri "Kebudayaan dan Ketamadunan Melayu". Cerdik, Bijak dan Pandai dikira daripada tingginya adat dan budaya yang tertanam dalam hati setiap insan. Secara khasnya bahawa buku ini dapat memberikan pengetahuan serta maklumat yang bermanfaat bagi insan yang cemerlang dan menjadi cendekiawan yang berbudaya, Islami serta diterima masyarakat awam.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan petunjuk dan hidayah untuk membina masyarakat yang berkualiti tinggi.

Bangi, 2015

Dato' Dr. Ghazali Dato' Yusoff
Profesor Adjung (Univ. Teknologi Malaysia,
University of Tehran)

MUKADIMAH

Pada mulanya Ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia (ICMM) digagaskan dan diucapkan oleh Sjaftin Ruli Bin Laimin kerana kerap kali melihat kampung leluhur. Hasil kunjungan pada 20hb Agustus 2013 di Surau Jorong Guguk Koto Aur, Pinang Namuang, Koto Tangah, Tilatang Kamang, Kabupaten Agam, Sumatera Barat, Indonesia yang memunculkan sebuah idea mengenai perkara ini. Masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat pada kampung tersebut ialah tidak terlaksana aktifiti–aktifiti sosial kerana kewangan yang tidak mencukupi, sehingga tidak boleh membayar elaun guru mengaji dan gharin Surau. Akibat daripada keadaan ini, beberapa surau terkunci. Oleh kerana itu, aktiviti dakwah Islamiyah tidak berjalan seperti yang diharapkan. Kita dapat membayangkan keberkesanan daripada ketiadaan dakwah Islamiyah yang semakin menurun dalam masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat. Melihat kondisi yang terjadi di kampung halaman ini, maka mucul gagasan untuk memanggil rakan-rakan sekampung serantau untuk duduk bersama dan berhimpun dalam suatu kumpulan. Satu kelab yang merupakan para cendekiawan yang cerdik pandai dan telah pun matang dalam idea dan pengalaman berbagai solusi untuk membenahi kampung halaman. Kelab inilah kelak dinamakan Ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia (ICMM).

Dengan terucapnya gagasan untuk menghimpun masyarakat Minangkabau yang sekarang ini berada di Malaysia, maka satu lembaga amanah zakat independen perlulah diwujudkan untuk merealisasikan segala perancangan, harapan dan cita-cita ICMM di Sumatera Barat. Bukan hanya untuk menyokong gerak kerja ICMM, lembaga amanah zakat ini akan menjadi kekuatan untuk segala permasalahan sosial, budaya dan agama. Lembaga ini kemudian digagaskan dengan nama Lembaga Amanah Minangkabau Malaysia (LAMM). Lembaga amanah zakat LAMM kemudian akan mencontohi konsep dan kaedah Lembaga Tabung Haji Malaysia. Cara pengurusannya pula akan mengikut Lembaga Zakat Selangor yang bersesuaian untuk diterapkan di Selangor. Penubuhan ini hanya terdiri daripada beberapa orang rantau yang berasal dari kampung tersebut; antara lain Sjaftin Ruli Bin Laimin (daripada Kuala Lumpur), Indra (dari Jakarta), Niza (dari Padang). Dari pemikiran dan langkah kerja awal inilah muncul pemikiran membawa idea ini ke Malaysia untuk penubuhan dan kerja lebih besar dan lebih luas.



a) *b)*

Gagasan untuk logo ICMM a) logo ICMM; b) logo LAMM

MESYUARAT PERTAMA

Dalam mewujudkan niat ini, perbincangan pertama kali diadakan tanggal 5 Januari 2014 di rumah makan Suka Menanti, Keramat Kuala Lumpur. Perbincangan ini dihadiri oleh En. Sjaftin Ruli Bin Laimin, En. Abdul Wahdi Bin Zakaria, Ir. Harry Ramza, M.T, Mestra Wirman, Lc, M. Litt, dan En. Dirwan Ahmad Darwis. Mesyuarat ini mencadangkan beberapa program dan permasalahan yang berlaku di Sumatera Barat yang berhubung kait dengan menurunnya tingkat pendidikan, agama dan ekonomi serta sosial budaya.

Dari hasil pertemuan diperoleh bahawa telah banyak tanah pusaka tinggi yang telah tergadai dan telah dikenal pasti sebahagian kecil masyarakat Minangkabau telah berubah keimanan menjadi bukan Muslim. Punca masalah yang berlaku ini, disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi, kos pendidikan yang tinggi, harga baja sangat mahal dan semakin kosongnya surau–surau kampung untuk mendidik anak–anak agar belajar agama dengan baik. Kesimpulan perbincangan mesyuarat, beberapa cadangan Sjaftin Ruli Bin Laimin dan Abdul Wahdi Bin Zakaria serta ahli mesyuarat yang hadir, untuk membawa dan membincangkan bersama ahli Pertubuhan Ikatan Masyarakat Minangkabau Malaysia. Dengan beberapa agenda:

1. Membentuk ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia (ICMM).
2. Lembaga Amanah Minangkabau Malaysia (LAMM).

MESYUARAT KEDUA

Menindak lanjuti hasil daripada mesyuarat yang pertama, dan membincangkan lebih lanjut mengenai idea dan pemikiran untuk mengembangkan umat Islam dan masyarakat Melayu secara khasnya masyarakat Minangkabau di Malaysia, pada tarikh 11 Januari 2014 beberapa pelajar dari Sumatera Barat seperti; Dra.Aslinda, M.Hum dari Universitas Andalas, Sumatera Barat. Dr. Wannofry Samry dari Universitas Andalas, Sumatera Barat, Ir. Harry Ramza, M.T dari Universitas Muhammadiyah Prof. DR. HAMKA, Jakarta., Pn. Fitrimawati, M. Eco dari Universitas Andalas, Sumatera Barat., Mestra Wirman, Lc, M. Litt, bersama usahawan – usahawan berketurunan Minangkabau seperti En. Sjaftin Ruli Bin Laimin, En. Abdul Wahdi Bin Zakaria yang merupakan ahli Pertubuhan Ikatan Kebajikan Masyarakat Minangkabau (PIKMM), Kuala Lumpur membentuk sebuah mesyuarat kecil di rumah makan Suka Menanti, Keramat, Kuala Lumpur.

Dari hasil pertemuan kedua ini, seluruh ahli bersetuju membentuk sebuah organisasi sosial atau kelab untuk membantu menyatukan masyarakat Minangkabau, ulama, cerdik pandai, di mana pun berada, buat masa sekarang khusus yang menetap di Malaysia. Dan rencana seterusnya adalah dunia. Dan seluruh ahli bercadang mengusulkan idea ini kepada Dato' Kaharudin bin Mokmin sebagai YDP PIKMM (Persatuan Ikatan Keluarga Minangkabau Malaysia) beserta AJK PIKMM.



Mesyuarat kedua bersama Ahli Jawatan Kuasa
PIKMM dan pelajar–pelajar berketurunan Minangkabau.

MESYUARAT KETIGA

Kato bajawek, gayuang basambuik, (kata berjawab gayung bersambut), Dato' Kahar menyambut baik dan menyetujui diadakan mesyuarat di rumah beliau. Dari cadangan–cadangan hasil perbincangan pertama dan kedua, maka diadakan mesyuarat ketiga pada 18 Januari 2014 di rumah Dato' Kaharudin Mokmin sebagai Yang Dipertua Pertubuhan Ikatan Kebajikan Masyarakat Minangkabau (PIKMM), Kuala Lumpur. Pembentangan yang telah dibuat serta fikiran–fikiran untuk pengembangan masyarakat berketurunan Minangkabau dimana sahaja, bukan hanya di Malaysia namun di seluruh Nusantara dan bahkan dunia dan disampaikan kehadapan ahli–ahli jawatan kuasa PIKMM.Sangat dipahami bahawa pertubuhan PIKMM ini bukan sebuah pertubuhan politik, namun sebuah pertubuhan sosial dan kebudayaan.

Pada perbincangan mensyuarat ketiga ini, Dato' Kaharudin Mokmin mengatakan dan mencadangkan dengan tegas bahawa PIKMM merupakan pertubuhan yang bergerak antara masyarakat kepada masyarakat secara amnya, kegiatan bukan politik tetapi so sial dan budaya serta pengembangan bundo kandung dalam bentuk 1 Kampung untuk 1 produk supaya ekonomi masyarakat dalam kampung tersebut menjadi kuat dapat menaik taraf pendidikan dan kegiatan agama. Begitu pula dengan AJK PIKMM lainnya, melihat keadaan yang berlaku di negeri Sumatera Barat yang indah telah terjadi perubahan pada masyarakat ini, Datin Rusmiati Harun sebagai Pengetua Biro Wanita, PIKMM juga mendukung cadangan En Sjaftin Ruli bin Laimin di atas yakni mengatakan perlu diada kannya Pertemuan Cendekiawan Minangkabau untuk membincangkan masalah ataupun kes yang berlaku pada masa sekarang. Untuk selesaikan masalah inipula, telah dicadang kan untuk menubuhkan sebuah Lembaga Amanah Zakat serta yang boleh dikumpulkan daripada masyarakat Minangkabau di Malaysia bahkan di luar negara seperti Brunei, Jakarta, Surabaya, Makassar, Netherland, Amerika, Canada, France dan lainnya, serta

mencadangkan untuk membuat Malaysia sebagai Pusat Pengurusan.

Dari beberapa pemikiran inilah Datuk Nakhaie Ahmad selaku penasihat PIK-MM bidang kepakaran undang–undang syariah Islam membuat draft Lembaga Tabung Amanah Minangkabau di bawah Akta Amanah Kerajaan Malaysia. Lembaga Tabung Amanah ini yang akan menjadi tulang belakang pengembangan umat Islam secara khusus yang berketurunan Minangkabau.



Mesyuarat ketiga tentang pengembangan umat Islam
secara khas masyarakat berketurunan Minangkabau di Malaysia.

Pada mesyuarat ketiga, salah seorang profesor dari Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia (UIAM) iaitu Prof. Dr. Irwandi Jaswir mencadangkan untuk pengembangan sumber manusia dalam bentuk penerimaan pelajar yang mempunyai nilai tinggi untuk boleh melanjutkan pengajian ke tahap pendidikan tinggi di UIAM. Beberapa program yang telah berjaya dijalankan ialah pemberian GRA (Grant Research Asistance) untuk tingkat Sarjana (Master) dan Doktor Falsafah (PhD).

Begitupula dengan Dr. Wannofry Samry dengan cadangan, iaitu mencari inovator Minangkabau atau seseorang yang boleh menghasilkan produk yang dapat menjana perekonomian di kampung–kampung dan beberapa cadangan lainnya. Kesimpulan mesyuarat ketiga ini, seluruh ahli mesyuarat sepakat membentuk Lembaga Tabung Amanah yang diperuntukkan bagi seluruh masyarakat Minangkabau di mana pun berada, terutamanya Malaysia. Seluruh ahli juga bersetuju dengan pemikiran pengembangan waris budaya Melayu secara khas keturunan Minangkabau. Seluruh ahli mesyuarat bersetuju ditubuhkan Ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia (ICMM) dengan misi membangun jaringan intelektual Minangkabau seluruh Malaysia dan dunia. Matlamat utama adalah pengembangan pembinaan Minangkabau di masa hadapan. Pertubuhan ini bersifat bebas dari aktifiti politik atau tidak berkait dengan parti manapun. Ahli mesyuarat menyepakati Kumpulan Kerja (Task Force) dengan;

1. Ketua : Datuk Kaharuddin.
2. Ahli – ahli :
    i. Datuk Nakhaie
    ii. Datin Rusmiati
    iii. Datin Noraini binti Sharia
    iv. Prof. Dr. Irwandi Jaswir
    v. Atril Rajo Atjeh
    vi. Azreil Amlir
    vii. Abdul Wahdi Zakaria
    viii. Andi Zainal.
    ix. Sjaftin Ruli Bin Laimin
    x. Enc. Endy.
    xi. Dr. Wannofri Samry.
    xii. Dra. Aslinda, M.Hum.
    xiii. Fitrimawati, M.Ec.
    xiv. Harry Ramza, M.Eng
    xv. Hj. Mohammad
    xvi. Win
    xvii. Dani

dan beberapa orang AJK Biro Wanita PIKMM.

MESYUARAT KEEMPAT

Mesyuarat ini diadakan pada 25 Januari 2014 di rumah Dato' Kaharudin Mokmin sebagai YDP PIKMM. Program–program yang dicadangkan pada mesyuarat ini ialah gerak kerja yang boleh dilakukan secara cepat untuk menyelesaikan masalah semasa yang terjadi pada masyarakat Minangkabau. Beberapa program kerja dan gerak kerja yang boleh dilaksanakan seperti penerbitan Majalah GADANG dan membuat draft pembentukan Lembaga Amanah Minangkabau Malaysia serta mengumpulkan cendekiawan Minang kabau yang ada di Malaysia dan dunia amnya.

Dalam pembuatan draft lembaga amanah Minangkabau, Malaysia telah dirancang oleh Datuk Hj. Nakhaie Ahmad untuk didaftarkan ke pejabat Perdana Menteri, bahagian hal ehwal undang – undang. Draft Lembaga Amanah Minangkabau Malaysia ini dinamakan "Surat Ikatan Amanah". Begitupula dengan majalah GADANG sebagai tempat sarana atau suara PIKMM dan ICMM. Secara kegiatan khas majalah ini dibentuk untuk menyatukan masyarakat Minangkabau yang ada di Malaysia dan serantau Nusantara dan duniaam membina jaringan cendekiawan masyarakat Minangkabau di mana pun berada. Penerbitan Majalah GADANG ini terdiri daripada minima dalam 50 muka surat dan akan dicetak 500 set.

Didalam penerbitan majalah ini Dato' Kaharudin Mokmin sebagai Ketua Editor sangat mengalu-alukan kepada cendekiawan Minangkabau untuk menulis makalah yang berhubungan dengan sosial, adat dan budaya Minangkabau. Untuk mengekalkan dan menjayakan program ini dibentuk beberapa Editor Koresponden seperti; Dr. Wannofry Samry (Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat), Ir. Harry Ramza, M.T (Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. HAMKA, Jakarta), Dra. Aslinda, M. Hum (Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat), Dra. Midawati, M.Sc (Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat), Fitrimawati, M.Ec (Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat) dan Tito Maulana, B.Arch (UKM, Malaysia).



Cadangan Majalah GADANG yang telah terbit.

Majalah GADANG ini tengah menunggu izin daripada Kementrian Dalam Negeri (KDN) dalam penerbitan siri perdana. Beberapa pakar dijemput untuk menulis tentang adat dan kebudayaan Minangkabau dalam majalah Gadang, seperti Dr. Suryadi Sunur dari Pusat Kajian Kebudayaan Nusantara, Universiteit Leiden, Belanda. Profesor Datuk Dr. Firdaus Abdullah dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Dr. Mohd. Alinor Abdul Kadir, dari Akademi Kajian Ketamadunan, Selangor, Malaysia. Akhir mesyuarat keempat ini, ahli–ahli yang hadir sepakat untuk membentuk Pertemuan Cendekiawan Minangkabau untuk membincangkan permasalahan dan memberikan penyelesaian yang ada ditengah masyarakat.

Beberapa cadangan dalam pertemuan Cendekiawan Minangkabau ini;

1. Mengadakan Mesyuarat Agung yang dilaksanakan pada tarikh 15 Jun 2014.
2. Mengadakan pelancaran pertubuhan ICMM.
3. Perlunya pembentukan Pengerusi Cendekiawan. Minangkabau untuk dapat melakukan gerak kerja Ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia, setelah melakukan program kerjasama Biro Wanita, PIKMM dengan Kerajaan Tempatan Padang Panjang dan Bukittinggi di Sumatera Barat.
4. Pengumpulan Mantan Walikota/Bupati/Datuk Bandar, ahli wakil rakyat yang membincangkan pemikiran kemajuan Minangkabau. Cadangan ini disampaikan oleh Dato' Kaharudin Mokmin setelah kerjasama dan membentuk Pendidikan Pesantren Pramuka (atau dikenal dengan Pondok Pendidikan Pengakap) yang berada di Air Pacah, Padang Panjang.
5. Membuat dua cadangan kegiatan "Seminar Intelektual Minangkabau Se-Malaysia" dan "Seminar Intelektual Minangkabau Se-Dunia, dengan matlamat Membangkitkan Batang Terendam". Cadangan ini disampaikan oleh En.Atril Rajo Acheh sebagai

wakil dari Istana Silinduang Bulan di Malaysia, Waris Kerajaan Pagaruyung Darul Qoror, Batusangkar, Sumatera Barat.

MESYUARAT KELIMA

Mesyuarat seterusnya diadakan pada tarikh 26 April 2014 bertempat di Court Port Dikson, Negeri Sembilan. Mesyuarat ini dihadiri oleh:

1. Dr. Alinor : Matematika (asasi@kesturi.net)
2. Prof. Akhrajas : Engginering
3. Mohammad Shafiq : Fisika (sarap89@yahoo.com)
4. Sjaftin Ruli : Usahawan
5. Aslinda : Bahasa dan Budaya
6. Midawati : Sejarah Ekonomi
7. Dr. Nelmawarni` : Sejarah Kebudayaan Islam (nel_bungo@yahoo.com)
8. Harry Ramza : Elektrikal dan elektronik (ramza.harry@gmail.com)
9. Tito Maulana. : Senibina (92maulana@gmail.com).

Pada mesyuarat ini juga sudah ditetapkan syarat-syarat anggota Ikatan Cendikian Minangkabau Malaysia, iaitu:

1. Warga Negara Malaysia.
2. Bukan warga Negara yang menetap di Malaysia
3. Bukan warga Negara yang tidak menetap di Malaysia

Di bawah pertubuhan ini, semua ahli boleh bersatu dalam suatu wadah kesatuan yang bergerak dalam bidang kepakaran masing-masing, antara lain;

1. Kesihatan
2. Ekonomi
3. Agama, Syariat Islam Minangkabau, dll

Perkara agama dan syariat Islam ini sangtlah penting sebagai benteng umat Islam dan Minangkabau yang harus dimulai sejak seseorang itu sebelum berumur 12 tahun. Dalam mesyuarat ini juga peserta mesyuarat telah menetapkan perkara-perkara penting yang harus ada iaitu kepakaran dalam tiap-tiap bidang ilmu. Ahli ini akan melakukan uji kaji sesuai bidang kepakaran masing-masing. Pertubuhan ini juga merancang komunikasi dengan memakai mel-e, untuk membuat jaringan dengan ahli yang berada di Malaysia mahupun di merata dunia. Oleh kerana kita perlu berbincang dan meminta pandangan orang Minang dibelahan bumi lain (misalnya Eropa, Amerika dan lain-lain). Setiap bidang kepakaran mesti terdiri daripada empat orang atau lebih yang diperlukan untuk mengkaji masalah dalam masyarakat untuk keluar daripada masalah mereka.

Adapun Visi dan Misi yang baharu dirancang dan akan dikembangkan semula adalah mengangkat derajat orang Minangkabau di Malaysia, Sumatera Barat dan dunia, untuk membantu mereka yang dalam kesusahan, menahan arus kemurtadan. Secara khas dirancang sebagai berikut:

VISI dan MISI ICMM

1. Menghimpunkan pakar.
2. Mengkaji status masyarakat.
3. Melakukan pengurusan dan pengembangan masyarakat.

Sasaran mesyuarat perdana akan diadakan 15 Jun 2014 mencari 30 orang pakar atau lebih dalam bidang masing-masing. Pada perjalanan selanjutnya, kami membawa rancangan ini kepada Adjunct. Prof. Dato' Dr. Ghazali bin Dato' Mohd. Yusoff. Syukur alhamdulillah kepada Allah beliau dengan senang hati menyambut kami dengan sangat baik rancangan ini beliau bersedia menjadi Timbalan YDP ICMM dan juga beliau bersedia menjadi ahli Lembaga Amanah Minangkabau Malaysia. Pada masa yang sama beliau sanggup diwawancara tentang pengalaman beliau dalam bidang akademik dan

juga ahli korporat untuk dimuat dalam majalah Gadang supaya dapat dikongsi bersama masyarakat Minangkabau Malaysia khususnya dan dunia amnya.

MESYUARAT KEENAM

Mensyuarat ini dilaksanakan pada 15 Juni 2014 bertempat di Rumah Makan Sari Ratu, Kawasan Subang Jaya, Selangor. Acara bermula pada jam 10.30 pagi sehingga 4.00 petang dengan beberapa agenda, iaitu; pelantikan pengerusi majlis, pembentangan kertas kerja oleh Dr. Mohammad Alinor Abdul Kadir serta pelantikan ahli jawatan kuasa, atau ketua masing -masing bidang ilmu atau kajian.

Dari hasil mensyuarat yang diketuai oleh Profesor Ajung Dato' Dr. Ghazali Dato' Yusoff dengan beberapa ahli mesyuarat, Prof. Dato' Dr. Firdaus Abdullah, Prof. Dato' Dr. Abdul Razak Salleh, Dr. Mohammad Alinor Abdul Kadir, Dato' Nakhaie Ahmad, Dato' Kaharudin bin Mokmin, Dato' Astaman Abdul Aziz. Beberapa pengerusi mesyuarat serta ahli-ahli yang mengikuti mesyuarat memberikan beberapa cadangan :

Dato' Kaharudin bin Mokmin

1. Perlunya masyarakat Melayu secara khusus Minangkabau untuk meningkatkan pendidikan.
2. Membangun rumah pertemuan sebagai tempat silaturahim antara sesama masyarakat Minangkabau diserantau Nusantara dan seluruh dunia.
3. Perlunya diadakan pertemuan ICMM sekerap mungkin.
4. Menyumbangkan wang dan fikiran untuk mengembangkan budaya Minangkabau.

Dr. Mohammad Alinor Abdul Kadir

1. Perlu adanya gerak kerja dan matlamat ICMM memantau pencapaian bangsa Minangkabau yang telah lepas.
2. Perlu mengkaji manuskrip dan batu bersurat Minangkabau.
3. Membentuk kumpulan sesuai kepakaran dan membuat pandangan kehadapan dalam masa 10 tahun dan 100 tahun.

Nazariah bt Hj Abbas

1. Mencadangkan aktifiti tentang kajian undang-undang.
2. Mengkaji undang-undang di Malaysia, serta melakukan cara bagaimana mewar-war undang-undang tersebut.

Pn. Azizah

1. Melihat kembali tentang sejauh mana kajian-kajian sosial ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat awam.
2. Perlunya membentuk hala tuju tentang ICMM.
3. Perlunya masyarakat awam tahu bahawa daerah Kampung Baru merupakan kawasan dengan tingkat penghidupan sosial rendah atau tingkat paling miskin.

Datuk Astaman Abdul Aziz

1. Masyarakat Melayu secara khas Minangkabau perlu mengetahui tentang *Parenting School*.
2. Perlu adanya aktifiti tentang bengkel-bengkel *Parenting Skill*.

Dato' Nakhaie Ahmad

1. Semakin banyak kes tidak adanya bapak.

2. Bagaimana perjuangan Melayu dengan cara baru serta warna yang baru.
3. Krisis Melayu moden sehingga sekarang ialah semakin sedikitnya pemimpin masyarakat.

Prof. Dato' Dr. Firdaus Abdullah

1. Perlunya kebijaksanaan untuk membaiki kembali berbagai-bagai warisan adat Minangkabau.
2. Perlunya tindakan yang dapat dilakukan secara praktikal untuk membangun masyarakat.
3. Perlunya melakukan kajian yang sesuai atau yang mungkin dapat dilakukan bagi masyarakat.

dari beberapa cadangan ahli-ahli disepakati bahawa perlu dibentuk pasukan petindak Cendekiawan Minangkabau dengan beberapa kumpulan sesuai dengan kepakaran, iaitu;

1. Kumpulan Pendidikan: Dr. Mohammad Alinor Abdul Kadir dan Prof. Dato. Dr. Abdul Razak Salleh.
2. Kumpulan Ekonomi dan Perniagaan: Dato' Dr. Ghazali Dato' Yusoff sebagai pe ngetua., En. Sjaftin Ruli bin Laimin, En. Hamdi Nakhaie dan Abdul Wahdi Zakaria sebagai ahli.
3. Kumpulan Advokasi: Nazariah bt Hj. Abbas sebagai pengetua., Datin Noraini Sahariah, Pn. Azizah dan En. Atril sebagai ahli.
4. Kumpulan Teknologi Maklumat: Ir. Harry Ramza, MT sebagai pengetua., Tito Maulana dan Inggo Laredabona sebagai ahli.
5. Kumpulan Sosial dan Kesihatan: Drg. Risyda sebagai pengetua., Haiyan Nakhaie dan En. Win sebagai ahli.
6. Kumpulan Dakwah Islamiah: Dato' Nakhaie Ahmad sebagai pengetua., Datin Rusmiati Harun dan Metsra Wirman sebagai ahli.

Pasukan petindak ini yang akan menjalankan kegiatan serta membina masyarakat ketaraf yang lebih baik serta menjalankan hala tuju ICMM membangun masyarakat Melayu secara am dan masyarakat Minangkabau secara khas.

GERAK KERJA

ICMM sebenarnya merupakan sebuah unit yang bergabung dengan PIKMM bertujuan untuk menggerakkan pembangunan menyeluruh yang didasarkan kepada masyarakat Minangkabau di Malaysia, Indonesia dan dunia seluruhnya. Pembangunan menyeluruh itu bermaksud suatu pembangunan yang optimum berteraskan kajian permasalahan/pencapaian keadaan dahulu dan sekarang, lalu dicadangkan strategi pembangunan untuk masa mendatang. Ini amatlah penting dilaksanakan memandangkan dunia kini hanyalah dianggap "kampung global", lalu segala perkara yang boleh berlaku atau mahu dilakukan, akan berlaku dalam masa yang singkat.

Bangsa Minangkabau mesti mendapat manfaat sebaiknya tentang perkara baik yang akan berlaku, dan waspada sebaiknya untuk perkara yang tidak baik. Maka, disebabkan hal yang sedemikian, keahlian ICMM dijemput dari kalangan ahli yang

biasa berinteraksi dengan hal-hal sebegini, terutamanya pensyarah, penyelidik universiti, penyelidik industri, pengamal industri, budayawan, agamawan, ahli politik, dll, dalam kalangan warga Malaysia, warga Indonesia dan warga dunia amnya yang bersuku Minangkabau. Untuk melaksanakan apa yang disebut pembangunan menyeluruh itu, beberapa tahap awal pelaksanaannya mestilah ditakrifkan dengan baik. Contohnya, apakah bidang-bidang kehidupan yang akan diteliti? Siapakah ahli-ahli yang dirasakan bersesuaian untuk melakukan tinjauan? Bagaimanakah dihebahkan hasil tinjauan? dan lain-lain isu utama.

Pelaksanaan kegiatan ini akan dikawal selia oleh sejumlah orang ahli yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan memantau perjalanan kegiatan ini. Hasil tinjauan akan dibincangkan secara berkala untuk mendapatkan saranan yang lebih baik berbanding dapatan awal. Kemudiannya, langkah ke hadapan mengatasi segala kelemahan perjalanan kehidupan masyarakat tersebut akan disuarakan kepada pihak-pihak berkuasa yang mampu menyelesaikannya. Ataupun ICMM sendiri berusaha menyelesaikan sesuatu permasalahan tersebut sekemampuannya. Untuk itu, kami mencadangkan sekitar 20 skop bidang utama ahli-ahli ICMM yang akan melakukan tinjauan dengan cermat bergantung kepada kepakaran masing-masing keahlian jemputan ICMM diakhir kertaskerja ini.

Bidang–Bidang Kajian ICMM

1. Sejarah : Mengkaji sejarah mula dan berkembangnya Bangsa Minangkabau menggunakan teks bertulis seperti prasasti dan manuskrip, juga teks lisan seperti pantun, peribahasa, bidalan, artifak seperti bangunan, peralatan, dan lainnya.
2. Bahasa dan Sastera : Mengkaji perkembangan Bahasa Minangkabau dan dialeknya, juga mengkaji Sastera Minangkabau.
3. Industri : Mengkaji bagaimana industri kecil, sederhana dan besar diamalkan.
4. Budaya : Mengkaji kesenian, makanan, pakaian dan lainnya.
5. Teknologi dan Kejuruteraan : Mengkaji perkembangan peralatan, pertukangan, kepandaian dan keahlian Minangkabau melahirkan pelbagai artifak berasaskan kayu, batu, besi, emas, perak, tanah liat dan sebagainya.
6. Prasasti dan Manuskrip : Mengkaji bukti-bukti sejarah keilmuan yang dirakamkan oleh sarjana-sarjana silam.
7. Ulama dan Ilmuwan : Mengkaji tokoh-tokoh Minangkabau yang mengembangkan keilmuwan mereka melalui tulisan dan syarahan/kuliah.
8. Politik dan Pengurusan Masyarakat : Mengkaji struktur pengurusan masyarakat dan politik Minangkabau, menerusi teks-teks bertulis mahupun sistem amalan yang hidup sampai sekarang.
9. Persuratkhabaran dan Kewartawanan : Mengkaji sejarah dan perkembangan persuratkhabaran yang tumbuh seawal 1843 di Minangkabau.
10. Ekonomi dan Kewangan : Mengkaji struktur ekonomi, kewangan, perbankan, sewa, cukai di Minangkabau semenjak awal sehingga sekarang.
11. Perniagaan dan Perdagangan : Mengkaji penghasilan barangan, perniagaan dan perdagangan Minangkabau.
12. Pelancongan : Mengenal pasti tempat-tempat di ranah Minangkabau yang boleh dikembangkan sebagai tempat tumpuan pelancongan, menambah kepada yang sedia

ada.

13. Pendidikan : Mengkaji sistem pendidikan yang diamalkan semenjak dahulu sehingga sekarang. Jika perlu mencadangkan integrasi pendidikan.
14. Pertanian dan Perikanan serta Perternakan: Mengkaji industri pertanian dan perikanan serta perternakan yang diamalkan.
15. Agama dan Kepercayaan : Mengkaji amalan agama semenjak awal.
16. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK/ICT) : Mengkaji peranan TMK dalam kehidupan masyarakat.
17. Psikologi : Mengkaji cara berfikir masyarakat Minangkabau.
18. Perubatan dan Kesihatan : Mengkaji amalan perubatan tradisional dan moden yang diamalkan.
19. Seni Bina : Mengkaji artifak yang dimanfaatkan untuk perubahan, perkapalan, penstoran, persidangan, dan sebagainya.
20. Sains Tulen : Mengkaji tinggalan matematik, fizik, kimia, biologi, dan lainnya dalam teks bertulis dan pendidikan subjek-subjek itu kini.
21. Undang-undang: Mengkaji undang-undang yang diamalkan semenjak awal.

MAKLUMAT ASAS TENTANG KARYA ULAMA-ULAMA MINANGKABAU
(Mohammad Alinor Abdul Kadir)

<u>Syekh Ahmad Abdul Latif Al-Khatib Al-Minangkabawi</u> (1860-1916)

1. Izhharuz zaghlil kazibin fi Tasyabbuhihi bis Shadiqin.
2. 'Alam Al-Hussab fi 'Ilm Al-Hisab (1895)
3. Al-Ayatul Bayyinat lil Munshifin fi Izalati Ba'dh Muta'assibin.
4. As-Saiful Battar fi Mahqi Kalimati Ba'dh Ahlil Aghtirar.
5. Fathul Mubin fi ma yata 'allaqu bi urumiddin.
6. Ad-Da'il Masmu' fir Radd 'ala man Yuwarits al-Ikhwn wal Aulad akhwat ma'a wujulid Ushul wal Furu'.
7. Al-Manhajul Masyru'.
8. Khittatul Mardhiyyah fi Raddi Syubhati man Qala bibid'ati talaffudzi bin Niyyati.
9. Ar-Riyadhul Wardhiyyah fil Ushulit Tauhidiyyah wal Furu'il Fiqhiyyah
10. An-Nafahat Syarh Waroqat
11. Sulhul Jum'ati
12. Iqna'un Nufus
13. Raf'ul Iltibas
14. Irsyadul Haraya
15. Tanbihul Awam
16. Istbatuz Zein.

<u>Syekh Muhammad Sa'ad bin Tinta Mungka Tuo</u> (1859-1922)

1. Irgamu Unufil Mata'annitin fi Inkarihim Rabithatal Washilin.
2. Tanbihul Awam 'ala Taghrirat ba'dhil Anam.

<u>Syekh Muhammad Dalil Bayang</u> (1864-1923)

1. Targhub Ila Rahmatillah.

2. Nazhm Darul Mau'izhah/Miftahul Haq.
3. Majmu' Musta'mal yang Menyatakan Pada Syarat yang Terkandung dalam Agama Islam.

Syekh Khatib Muhammad Ali al-Fadani

1. Burhanul Haq Radd 'ala Tsamaniyah Masa'il al-Jawab min Su'alis Sa'il al-Qathi'ah al-Waqi'ah Ghayatut Taqrib.
2. Miftahus Shadiqiyyah fi Ishtilahin Naqsyabandiyah Raddu fi Zhannil Kadzibah.
3. Risalah al-Mau'izhah wat Tazdkirah : Pengajaran dan Peringatan Keputusan Rapat di Padang 15 Juli 1919.
4. Intisharul I'tisham fit Taqlidi 'alal Awam Raddu Tamyiz al-Taqlid minal Ittiba'.
5. Manaqib Syekh Mushtafa al-Khalidi Sungai Pagu
6. Masalah Thalabin Nikah
7. Miftahud Din lil Mubtadi
8. Sifat Dua Puluh Kecil
9. Tanbihum fi Istilahin Naqsyabandi
10. Mas'alatul Arba'in alal Burhan Aqidatil Iman
11. Nazham Nasehat
12. Sya'ir Nabiyullah Ayub
13. Sya'ir Muhammad Rasulullah
14. Nazhm Ya'qub wa Yusuf
15. Sya'ir Hari Raya
16. Burhanul Qathi'ah
17. Menyembahyangkan Mayit
18. Keputusan Mekah
19. Burhanul Musaddi
20. Ushuluddin
21. Al-Khatimah Yuhajjuhu
22. Asal Usul
23. Irsyadiyah fi Ulumin Nahwi
24. Irsyadiyah fis Sharf
25. Irsyadiyah fil Fiqh
26. Irsyadiyah fil Ushul
27. Irsyadiyah fil Hisab wal Kalam
28. Irsyadiyah fit Tajwid.

Syekh Muhammad Thaib Umar Sungayang (1874 - 1920)

1. Aqidatul Iman.

Syekh Yahya al-Khalidi Magek (1857-1940)

1. Kitab Jalan Kebahagiaan
2. Sifat Dua Puluh (tauhid)
3. Mushtalah Hadist
4. Nahwu dan Sharaf
5. Kumpulan Hadist

6. Thariqat Naqsyabandiyah
7. Asma'ul Husna
8. Hukum-Hukum Fiqih
9. Fara'idh
10. Khushushiyat Surat dalam al-Quran.

Syekh Taher Djalaluddin al-Falaki al-Minangkabawi (1869-1956)

1. Perisai Orang Beriman, Pengisai Mazhab Orang Qadiyan.
2. Natijatul Umur : Pendapatan Kira-Kira Pada Taqwim Tarikh Hijri dan Miladi, Hala Qiblat dan Waktu Sembahyang yang boleh digunakan selama hidup.
3. Irsyadul Khaidhi lil 'Ilmil Fara'id
4. Huraian yang Membakar, Taman Persuraian Haji
5. Ithaful Murid Ilmit Tajwid
6. Ta'yidud Tazkirah
7. Jadwa'il Pati Kiraan
8. Nukhbatut Taqrirat Ulama Syafi'iyyah
9. Kiriman Seni pada Huruf Ma'ani
10. Ke Tanah Inggeris
11. Kamus Bahasa Melayu
12. Kaifiyyatul Amal fil Wasiyat
13. Sya'ir Kelakuan Jima' dengan Istri
14. Cerita Perang Paderi.

Syekh Dr. Abdul Karim Amrullah (1879-1949)

1. Qathi'u Riqab al-Mulhidin fi Aqa'idil Mufsidin
2. Umdatul Anam fi Ilmil Kalam
3. Al-Fawa'id al-'Aliyah fi Ikhtilafil Ulama fi Hukmi Talafuzh bin Niyyah.
4. Pedoman Guru Pembetulkan Qiblat Faham Keliru
5. Aiqazhun Niyam Fima Ibtida' min Umuril Qiyam
6. Sendi Aman Tiang Selamat.
7. Pembuka Mata : Menerangkan Nikah Bercina Buta
8. Sullamul Wushul Yarqi bihi Sama'u ilmil Ushul
9. Al-Qaulus Shahih
10. Al-Mishbah li Tanwiri Qulubiz Za'imin
11. Al-Burhan : Mentafsirkan Dua Puluh Dua Puluh dari pada
12. Al-Quran
13. Al-Faraidh
14. Al-Kawakib ad-Durriyyah
15. Al-Basha'ir : Dalil-Dalik yang kuat, pemandangan yang hebat, penolak segala kesamaran dan Syubhat.
16. Izhharu Asatir Mudhillin fi Tasyabbuhihim bil Muhtadin
17. As-Suyuful Qathi'ah
18. Darul Mafasid
19. Syamsul Hidayah
20. Mursyidut Tujjar

21. Pertimbangan Adat Limbago Minangkabau
22. Dinullah
23. Al-Ifsah
24. Kitabur Rahmah
25. Cermin Terus
26. An-Nida
27. Asy-Syir'ah
28. Hanya Allah
29. Al-Insan.

Syekh Jalaluddin al-Kusai Sungai Landai.

1. Risalah Rukun Syarat Sembahayang dan Rukun Iman serta dengan Akidah Iman.

Syekh Abdul Wahid as-Shalihi Tabek Gadang

1. Kitab Aqa'idul Iman

Syekh Hasan Bashri Maninjau

1. Mursyidut Thulab : Pencerdikkan segala si-Penuntut

Syekh Muhammad Jamil Jaho (1875-1940)

1. Tazkiratul Qulub fi Muraqabati Allamal Ghuyub
2. Kasyafatul 'Awishah fi Syarh Matan al-Ajurumiyah
3. Nujumul Hidayah fi Raddi 'ala Ahlil Ghiwayah
4. Sumusyul Lamiyah fi Aqidah Ahlil Diyanah
5. Suluh Bendang
6. Hujjatul Balighah
7. Maqalatur Radhiyyah.

Syekh Muhammad Jamil Jambek (1862-1947)

1. Penerangan Tentang Asal-Usul Tarikat Naqsyabandiyah dan Segala yang berhubungan dengan dia.
2. Muqaddimah fi Hisabil Falakiyah Mukhtashar Mathla' as-sa'id fi hisabat al-Khawakib.

Syekh Sulaiman ar-Rasuli Candung (1871-1970)

1. Al-Aqwalul Mardiyah fi al-'Aqaid ad-Diniyyah
2. Al-Qaulul Kasyif fi Radd 'ala man I'tiradh 'ala Akabir
3. Ibthal Hazzhi Ahlil 'Ashbiyah fi Tahrim Qira'atil Qu'ran bi
4. 'Ajamiyah
5. Izalatul Dhalal fi Tahrim Iza' was Su'al
6. Tsamaratul Ihsan fi Wiladati Sayyidil Ihsan
7. Kisah Muhammad 'Arif : Pedoman Hidup di Alam Minangkabau menurut gurisan Adat dan Syara'.
8. Dawa'ul Qulub fi Qishah Yusof wa Ya'qub
9. Pertalian Adat dan Syara' yang terpakai di Alam Minangkabau Lareh nan Duo Lu-

hak nan Tigo.
10. Kitab Asal Pangkat Penghulu dan Pendiriannya
11. Kisah Mi'raj
12. Kisah Mu'az dan Nabi Wafat
13. Kitab Pedoman Puasa
14. Risalah al-Qaulul Bayan fi Tafsiril Qur'an
15. Tablighul Amanah fi Izalatil Munkarat wasy Syubhah
16. Dha'us Siraj fil Isra' wal Mi'raj
17. Tanbihul Ghafilin fi Wafati sayyidil Mursalin
18. Al-Aqwalul Washithah fiz Zikri war Rabithah
19. Al-Aqwalul 'Aliyah fi Thariqatin Naqsyabandiyah
20. Jawahirul Kalamiyah fi I'tiqat Ahlussunnah wal Jama'ah
21. Al-Qaulul Bayan fi Fadhilati Lailati Nishf Sya'ban
22. Sabilus Salamah fi Wiridi Sayyidil Ummah
23. Pedoman Islam Tiang Keamanan.

Syekh Muhammad Zein Batusangkar (meninggal 1957)
1. Risalah Irsyadul Awam ilal Islam
2. Sirajul Muairilal Islam
3. Kasyiful Ghummah
4. Sirajul Ghulam

Syekh Muda Abdul Qadim Belubus (1878-1957)
1. As-Sa'adatul Abdiyah fima Ja'a bihin Naqsyabandiyah menyatakan wirid-wirid amalan Tharikat Naqsyabandiyah.
2. As-Sa'adatul Abdiyah fima ja'a bihin Naqsyabandiyah Bagian Natijah.
3. Risalah Tsabitul Qulub
4. Al-Manak : Mempusakai dari ayah, Syekh Mudo Abdul Qadim Belubus.

Syekh Harun bin Abdul Ghani Toboh Pariaman
1. Falahan Mubtadi
2. Mafatihul Fikriyah
3. Sejarah Syekh Burhanuddin Ulakan

Syekh Ibrahim Musa Parabek (1882-1963)
1. Hidayatus Shibyan ila Risalah Syekh Syuyukhuna Sayyid Ahmad Zaini Dahlan
2. Ijabatus Suul fi Syarh Husulul Ma'mul.

Syekh Abu Bakar Ali Naqsyabandi Maninjau
1. Rahsia Sjari'at dan Thariqat

Syekh Janan Thaib Bukittinggi
1. Al-Muqmatus Shakhram fi Raddi 'ala man Ankara Ilmal Kalam bi Kalami Malayu al Syahir.

Syekh Sidi Jamadi Koto Tangah Padang

1. Tahqiq Syathari.
2. Sya'ir Ilwal Jalan.
3. Sya'ir Siriah.
4. Sya'ir Riwayat Hidup.
5. Munadjatullah.
6. Pertahanan Tharikat Naqjabandijah (4 jilid).
7. Rahsia Mutiara Tharikat Naqsjabandijah (6 jilid).
8. Mas'alah Seribu (5 jilid).
9. Pembuka Rahasia Allah.
10. Intisari Tarikat Sufijah.
11. Majalah Tiga Serangkai.

Tuanku Mudo Abdul Hamid Hakim (1893-1959)

1. Mabadil Awwaliyah
2. As-Sulam
3. Al-Bayan
4. Al-Mu'inul Mubin
5. Al-Hidayah ila ma yanbaghi minaz ziyadah 'alal Bidayah
6. Tahzibul Akhlaq

Zainuddin Labai el-Yunusi (1890-1926)

1. Durusul Fiqih
2. Adabul Fatah
3. Al-Aqa'idud Diniyyah

SENIBINA MINANGKABAU (*Tito Maulana*)

Rumah tradisional di Negeri Sembilan sedikit sebanyak menyerupai bentuk rumah adat yang terdapat di Minangkabau. Secara fizikal, memang terdapat kemiripan antara rumah adat di negeri Sembilan dengan rumah adat minangkabau iaitu pada hujung tepi bumbung yang melentik. Namun ianya jauh berbeza dengan rumah adat minangkabau, iaitu pada gonjong nya. Rumah adat minangkabau secara ekstrim dan filosofis menonjolkan rekabentuk gonjongnya. Lain dengan rumah adat di negeri Sembilan yang bumbungnya melentik dibahagian hujung namun tidak bergonjong.

Dari segi konstruksi pula sudah tentu keduanya sangat berlainan. Untuk membuat bumbung lentik hanya memerlukan sebatang tulang bumbung, sedangkan untuk membuat gonjong memerlukan teknik dan bahan yang berlainan seperti rotan besar atau kayu yang dibentuk secara bersambung-sambung.



Istana Silinduang Bulan, Batu Sangkar



Istano Basa Pagaruyung



Rumah Gadang, Sungai Tarab, Batu Sangkar



Rumah Gadang, Koto Gadang



Rumah Gadang Gonjong Anam, Koto Anau


nan.desrian@gmail.com

Istano Rajo Balun, Muara Labuh



Rumah Adat Sutan Nan Kodoh Koto Nan Ampek, Payakumbuh



Muzium Negeri Sembilan



Rumah Gadang, Padang Panjang



Istana Seri Menanti, Negeri Sembilan



Pusat Dokumentasi Sumatera Barat

I

Membangkik Batang Tarandam Demokrasi Minangkabau

Aidinil Zetra

Jurusan Ilmu Politik, Fakultas Ilmu-ilmu Sosial dan Politik
Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat, INDONESIA

Jabatan Ilmu Politik, Fakulti Sain Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

Pada masa ini demokrasi telah menjadi pilihan utama hampir di segenap penjuru dunia. Tidak hanya negara-negara kaya, negara-negara miskin dan sedang berkembangpun akhir - akhir ini telah merubah sistem politiknya daripada yang sebelumnya cenderung autoriter kepada sistem politik demokratik. Harapan di balik itu tidak lain ialah terwujudnya kehidupan masyarakat yang lebih makmur dan sejahtera sebagai janji utama demokrasi.

Namun kenyataan yang wujud di sejumlah negara, termasuk di Indonesia, realiti yang muncul ialah perbezaan antara harapan dengan kenyataan atau dikenali sebagai paradoks demokrasi, iaitu perbezaan antara apa yang dijanjikan oleh sistem politik demokrasi dengan apa yang dirasakan oleh masyarakat. Dengan kata lain janji yang tidak kunjung terpenuhi. Pertanyaanya ialah mengapa sistem politik demokrasi Barat yang banyak diamalkan di banyak negara termasuk Indonesia gagal menghantarkan rakyatnya kepada kehidupan yang lebih baik? Apakah sistem demokrasi Barat itu tidak sesuai dengan karakteristik sosiokultural masyarakat setempat? Bagaimana dengan nilai-nilai demokrasi yang terkandung dalam kebudayaan lokal Indonesia khususnya Minangka bau? Apakah nilai-nilai demokrasi ini dapat dibangkitkan kembali sebagai satu alternatif model demokrasi ke depan?. Tulisan ini cuba mengenal pasti karakteristik demokrasi yang pernah wujud dalam sejarah kehidupan masyarakat Minangkabau dan mengaktualisasikan nilai-nilai demokrasi berkenaan dalam kehidupan moden sekarang ini, sama ada di Indonesia mahupun di pelbagai komuniti di Nusantara ini.

1. 1. Mengenal Demokrasi Minangkabau

Masyarakat Minangkabau memiliki banyak keunikan di antara pelbagai etnik di Nu santara. Dari segi kekerabatan, masyarakat Minangkabau menganut sistem matrilineal di tengah-tengah masyarakat Indonesia bahkan Nusantara yang menganut sistem patrilineal. Minangkabau adalah kumpulan etnik terbesar di dunia yang mengikuti sistem matrilineal. Dari segi budaya politik Minangkabau memiliki keunikan di mana nilai-nilai budayanya relatif demokratik di tengah-tengah budaya politik feodal, yang semenjak dahulunya telah menguasai Nusantara.

Namun berbeza dengan demokrasi Barat, nilai-nilai demokrasi Minangkabau tidak bersifat individual ego-sentrik seperti di Barat tetapi lebih bersifat komunal, kolektif dan sentrifugal. Demokrasi dalam budaya Minangkabau meskipun bersifat populis,

namun tidak bersifat mutlak. Keputusan yang paling utama dalam demokrasi Minang kabau ialah berasaskan kebenaran (kamanakan barajo ka mamak, mamak barajo ka kamanakan, kamanakan barajo ka panghulu, pangkulu barajo ka mufakat, mufakat barajo ka kabanaran, kabanaran badiri sandirinyo). Demokrasi Minangkabau bukan berorientasi kekuasaan, seperti tercermin dalam petuah adat, "Raja Adil Raja Disembah, Raja Zalim Raja Disanggah.". Mengikut Mochtar Naim mengatakan budaya Minangkabau merupakan perpaduan antara budaya adat yang sifatnya lokal dengan unsur syariah dari theologi Islam, dengan adagium: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah. Oleh itu Budaya Minangkabau menempatkan adat di bawah supremasi syarak (Kitabullah). Budaya seperti ini juga digunakan di seluruh dunia Melayu yang juga mencakup Malaysia di Semenanjung, Patani di Siam, Sarawak, Brunei dan Sabah di Borneo, dan-Moro, di Filipina. Di Indonesia sendiri, budaya Minangkabau kerap terhimpit oleh nilai-nilai budaya Jawa yang dominan mempengaruhi budaya politik dan birokrasi pemerintahan.

Salah satu sifat yang kerap dilekatkan kepada masyarakat Minangkabau ialah masyarakatnya yang dinamik, yang memandang perubahan sebagai sebuah peristiwa biasa. Ungkapan dalam masyarakatnya mengatakan "*sakali air gadang, sakali tapian baraliah – sakali musim batuka, sakali caro baganti* (sekali banjir datang, sekali tepian mandi berpindah – sekali musim bertukar, sekali cara kebiasaan berganti). Adagium ini menunjukkan bahawa setiap nilai-nilai dan norma-norma serta adat resam yang berkembang dalam masyarakat sentiasa berubah dan dinamik. Secara tradisional masyarakat Minangkabau mengenal dua sistem politik pemerintahan iaitu sistem Koto Piliang dan Bodi Caniago. Sistem politik Koto Piliang lebih bersifat aristokratik, manakala Bodi Caniago bersifat demokratik. Kedua sistem politik itu berkembang dari ajaran dua ajaran nenek moyang Orang Minangkabau iaitu Datuk Katumanggungan dan Datuk Perpatih Nan Sabatang. Sistem politik Koto Piliang dikembangkan dari ajaran Datuk Katumanggungan dan sistem politik Bodi Caniago didasarkan pada ajaran Datuk Perpatih Nan Sabatang. Masing-masing sistem ini dalam masyarakat Minangkabau disebut sebagai lareh, iaitu lareh Koto Piliang dan lareh Bodi Caniago.

Sistem politik Koto Piliang Koto Piliang yang aristoktratik dilambangkan dengan pepatah adat "*Bajanjang naiak batanggo turun* (berjenjang naik bertangga turun). Artinya kekuasaan itu bersifat bertingkat-tingkat dengan wewenang yang bersifat menegak. Manakala sistem politik Bodi Caniago pula dilambangkan dengan pepatah adat "*Duduak samo randah, tagak samo tinggi*" (duduk sama terendah, berdiri sama tinggi). Ertinya kuasa itu bersifat mendatar dan egaliter.

1. 2. Menyusur Galur Demokrasi ke Nagari

Dalam amalan kehidupan masyarakat Minangkabau kedua aliran berkenaan bertemu dalam satu sistem yang berakar pada prinsip musyawarah untuk mufakat. Secara tradisional asas ini dapat dijumpai dalam kehidupan masyarakat di peringkat Nagari. Nagari di Minangkabau ialah komuniti sosial adat yang padanannya ialah Desa di Jawa, berorientasi kerakyatan dengan semangat demokrasi tulen yang tumbuh dari bawah dan terlembaga dalam kehidupan masyarakat. Nagari di Minangkabau lebih sebagai republik-republik kecil di mana masing-masingnya menjalankan sistem sosial dan politiknya sendiri. Setiap Nagari menentukan dasar dan peraturannya sendiri tanpa campur tangan nagari lain bahkan oleh Raja Pagaruyung sekalipun. Hal inilah yang membuat antara Nagari satu dengan Nagari lain (bahkan terkadang bersebelahan) sangat memungkinkan menerapkan aturan adat yang berbeza. Satu komuniti boleh disebut Nagari manakala ia telah memenuhi beberapa persyaratan seperti tergambar dalam undang-undang Nagari: "*babalai bamusajik, basuku banagari, bakorong bakampuang, bahuma-babendang, balabuah batapian, basawah baladang, bahalaman-bapamedanan dan bapandam-bapusaro*".

Delapan syarat sebuah Nagari iaitu:

1. Mempunyai balai adat sebagai tempat mengatur pemerintahan nagari dan masjid sebagai tempat beribadah.
2. Didiami oleh paling kurang empat suku yan berbeza.
3. Mempunyai sistem keamanan dan produksi.
4. Mempunyai sistem keamanan dan produksi.
5. Mempunyai sistem transportasi dan perdagangan.
6. Mempunyai wilayah pertanian dan harta benda yang menjadi sumber kehidupan.
7. Mempunyai sistem yang mengatur masyarakat..
8. Mempunyai wilayah dan sistem pemakaman.

dengan adanya persyaratan Nagari harus memiliki minimal empat suku, maka perkara itu memberi isyarat secara simbolis bahawa masyarakat tidak boleh terdiri dari satu masyarakat tidak boleh terdiri dari satu kumpulan suku sahaja, kerana perkara ini boleh membentuk masyarakat autokrasi. Dengan adanya ketentuan adat bahawa Nagari harus dihuni oleh empat suku yang berbeza, secara tidak langsung mengarahkan Nagari kepada kehidupan yang demokratik. Wakil suku secara bersama-sama membina masyarakat Nagari dalam forum Kerapatan Adat Nagari.

Sistem demokrasi di Minangkabau sebenarnya bermula daripada suku. Dalam Kerapatan Adat Nagari (KAN) masing-masing suku diwakili oleh seorang penghulu sebagai pemimpin suku masing-masing. Para pemimpin suku ini tidak ditentukan atau diangkat oleh KAN, tetapi oleh ahli suku yang ada di suku masing-masing. Musyawarah untuk mufakat ialah kata kunci dalam sistem demokrasi dalam adat Minangkabau. Semua masalah dalam suku dan Nagari sentiasa diselesaikan dan diputuskan menerusi musyawarah. Jarak sosial antara pemimpin dan warganya dalam sistem demokrasi Minangkabau relatif dekat. Perkara ini menyebabkan mekanisme pengawalan dalam kehidupan masyarakat berjalan dengan baik. Penghulu tidak boleh berbuat semahunya kerana: "*Penghulu itu ibarat kayu gadang di tangah padang. Ureknyo tampek baselo, dahannya tampek bagantuang, Daunnyo tampek tampek balinduang, tampek balinduang kepanasan, tampek balinduang kehujanan, tampek balinduang kehujanan, batangnya tampek basanda, kapai tampek batanyo, kapulang tampek babarito, pusek jalo pumpunan ikan, hukumnya adie, katonyo bana* menurut Idrus Hakimi Datuk Rajo Penghulu pada tahun1978. ("Penghulu itu ibarat kayu besar di tangah padang. Uratnyo tempat bersila, dahannya tempat bergantung, daunnyo tempat tempat berlindung, tempat berlindung kepanasan, tempat berlindung kehujanan, tempat berlindung kehujanan, batangnya tempat bersandar, jika pergi tempat bertanya, jika pulang tempat berberita, pusat jala kumpulan ikan, hukumnya adil, katanya benar).

Jadi fungsi pemimpin menurut ajaran Minangkabau ialah untuk melindungi dan memberikan kesejahteraan para pengikutnya (Sairin 1995). Pada peringkat Nagari, penghulu akan menjadi wakil dari sukunya dalam Kerapatan Adat Nagari (KAN). Kedudukan penghulu dalam KAN sejajar dengan penghulu lainnya. Namun dalam memimpin nagari seorang dari penghulu ditetapkan menjadi pemimpin KAN secara bergantian mengikut tempoh tertentu (Sairin 1995). Mekanisme demokrasi yang terdapat dalam kehidupan Nagari juga dilaksanakan menerusi musyawarah. Nilai-nilai budaya mengatur perkara musyawarah ini antara lain: "*kok bulek buliah digolongkan, kok picak lah buliah dilayangkan, indak ado karuah nan indak janiah, indak ado kusuik nan indak salasai*". Pengalaman berdemokrasi di Nagari telah menginspirasi sejarah kehidupan demokrasi di Indonesia. Pada masa sebelum dan permulaan kemerdekaan aspirasi budaya Minangkabau yang relatif demokratik banyak menjiwai demokrasi yang diperjuangkan bangsa Indonesia. Ramai tokoh Minangkabau yang muncul ke panggung politik kebangsaan dan menyumbangkan pengalaman demokrasi dalam membangun kehidupan politik Indonesia.

Begitu sistem politik di NKRI ini berpindah di era Orde Lama kepada Soekarno untuk menjadi Presiden seumur hidup dengan kuasa absolut tak terbatas, jadi Pemimpin

Besar Revolusi, Bapak Bangsa, dan seterusnya, maka demokrasi yang bersifat komunal, kolektif dan sentrifugal yang diilhami dari kehidupan nilai-nilai Budaya Minangkabau menjadi sirna. Yang berlaku kemudian ialah penjungkir-balikan demokrasi yang masih berupa bibit muda yang dicangkokkan dari luar itu, di zaman Orde Lama dikikis habis dan sistem kekuasaan dikembalikan ke cara semula yang diwarisi dari nenek-moyang dahulu yang sifatnya feodal-etatik-sentripetalsinkretik dan nepotik itu. Meskipun pelbagai istilah yang diguna pakai tetap sama seperti yang digunakan di negara-negara demokrasi Barat dan moden, sama ada di bidang eksekutif, legislatif, yudikatif, dan alat-alat kelengkapan formal kenegaraan lainnya, tetapi dalam kandungannya tidakdijumpai nilai-nilai demokrasi. Bahkan nilai-nilai demokrasi Minangkabau terpinggirkan oleh nilai-nilai feodalisme yang sifatnya absolut, etatik, sentripetal, nepotik, bahkan despotik oleh kekuasaan regim Orde Lama dan Orde Baru yang berkolaborasi dengan penguasa ekonomi, industri dan perniagaan yang Membangkit Batang Tarandam, Mengembalikan Demokrasi Yang Terpendam.

Era reformasi telah membuka peluang bagi warga negara untuk berpartisipasi dalam kehidupan politik. Masyarakat lokal yang sebelumnya terpinggirkan dalam sistem politik autoriter, kini kembali mendapat tempat dalam proses pengambilan keputusan yang menyangkut hajat hidup orang banyak dan dalam memilih pemimpin. Tidak itu saja, nilai-nilai budaya lokal yang beragam kembali mewarnai kehidupan politik bangsa. Tidak terkecuali nilai-nilai demokrasi yang terkandung dalam budaya Minangkabau. Semenjak diterapkan polisi autonomi daerah di Indonesia semenjak 2001, masyarakat Minangkabau telah membangkit semula khasanah kehidupan politik tradisional. Mereka terkenal dengan istilah "Kembali ke Nagari". Masalahnya ialah kembali ke Nagari yang mana? Kerana model pemerintahan Nagari dalam setiap period sejarah berbeza-beza. Dan kembali ke sistem pemerintahan nagari sebagai sistem pemerintahan terendah pengganti desa bukan mudah.

Bibliografi

HAMKA. 2006. Islam dan Adat Minangkabau. Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd.
M. Nasroen. 1971. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
Taufik Abdullah. 1985. Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, Disertasi, Universitas Sumatera Utara, Medan.

II

Kajian Perkembangan Ekonomi Di Minangkabau

Fitrimawati

Jurusan Manajemen, Fakultas Ekonomi
Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat, INDONESIA

Jabatan Pengurusan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

Secara bertahap perekonomian Sumatera Barat mulai bergerak positif. Pada masa menga lami tekanan akibat dampak gempa bumi tahun 2009, pertumbuhan ekonomi hanya mencapai 0,90%. Namun kini perekonomian Sumatera Barat telah membaik, dengan tingkat pertumbuhan di atas rata-rata nasional. Pada data tahun terakhir ini, ekonomi Sumatera Barat tumbuh sebesar 6,35%. Ini lebih baik dibandingkan tahun sebelumnya yang hanya sebesar 6,25%. Pada tahun 2013 perekonomian Sumatera Barat telah tumbuh mencapai 7,3%. Hal ini dicerminkan dari Pendapatan Domestik Regional Bruto (PDRB) mencapai Rp 110,104 triliun, dengan PDRB per kapita sebesar Rp 22,41 juta. Laju pertumbuhan perekonomian daerah Sumatera Barat yang cukup pesat tersebut didukung oleh laju pertumbuhan ekspor non migas dengan komoditas andalan batu bara, semen, kulit manis, karet, kopi, kayu lapis, kayu olahan, gambir, rotan, dan minyak pala. Komoditi ini berasal dari sektor pertanian. industri, jasa, pertambangan, keuangan dan perbankan dan pariwisata.

Pada tahun terakhir ini, sektor pertanian mengalami pertumbuhan relatif tinggi, didorong oleh menggeliatnya subsektor tanaman bahan makanan. Kinerja sektor perkebunan yang cukup baik telah menopang pertumbuhan industri pertanian sebesar 4,07%. Sektor jasa memberikan kontribusi yang sangat besar pada pertumbuhan ekonomi Sumatera Barat. Sektor jasa ini berasal dari keuangan, hotel, restoran, dan agen perjalanan. Perkembangan berbagai indikator perbankan pada tahun terakhir menunjukkan perbaikan seiring dengan pemulihan kondisi ekonomi pasca gempa. Seiring dengan bertumbuhnya perekonomian Sumatera Barat, maka jumlah tenaga kerja yang diperlukan semakin bertambah pula. Hal ini telah mendorong turunnya akan pengangguran di provinsi ini. Sepanjang tahun terakhir, jumlah penduduk yang menganggur mengalami penurunan dari 162.500 orang menjadi 146.970 orang. Tingkat pengangguran terbuka (TPT) menurun dari 7,14% menjadi 6,25%. Angka tersebut berada dibawah rata-rata nasional pada periode akhir 2011 yang mencapai 6,56%. Pada Februari 2012, jumlah angkatan kerja Sumatera Barat mencapai 2.204.218 orang, bertambah 90.712 orang dibandingkan dengan jumlah angkatan kerja pada Februari 2011.

Tingginya pertumbuhan ekonomi Sumatera Barat dalam tiga tahun terakhir, telah menurunkan tingkat kemiskinan di provinsi ini dari 8,99% menjadi 8%.Walau demikian jumlah penduduk yang hidup di bawah garis kemiskinan masih cukup tinggi dari jumlah penduduk Sumatera Barat. Jumlah desa tertinggal di propinsi ini masih cukup banyak.

Masalah kemiskinan yang memerlukan penanggulangan secara khusus dan menyeluruh ini, merupakan tantangan bagi pembangunan daerah Sumatera Barat. Namun demikian, permasalahan pertumbuhan ekonomi yang dicapai Sumatera Barat belum merata di seluruh wilayah Sumatera Barat. Kegiatan ekonomi di Propinsi Sumatera Barat terkonsentrasi di wilayah bagian tengah propinsi ini. Bagian timur, pantai barat, dan kepulauan di sekitar propinsi ini, tingkat perkembangan wilayah serta kesejahteraan dan kemakmuran rakyatnya relatif tertinggal.

Berdasarkan potensi dan permasalahan diatas maka untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang cukup tinggi dan merata di seluruh kabupaten dan kota di Sumatera Barat dibutuhkan tenaga kerja yang berkualitas dan produktif. Sektor industri dan jasa, yang berperan sebagai penggerak percepatan laju pertumbuhan ekonomi daerah, memerlukan tenaga kerja dengan produktivitas yang tinggi. Di Propinsi Sumatera Barat kondisi tenaga kerja yang tersedia umumnya belum memenuhi tuntutan tenaga kerja yang berkualitas, khususnya dalam sektor ekonomi yang cepat pertumbuhannya. Dengan demikian, untuk mempercepat laju pertumbuhan ekonomi Propinsi Sumatera Barat, tan¬tangannya adalah membentuk serta mengembangkan sumber daya manusia yang berkualitas, yaitu sumber daya manusia yang produktif dan berjiwa wiraswasta yang mampu mengisi, mencipta¬kan, dan memperluas lapangan kerja serta kesempatan berusaha.

Pertumbuhan ekonomi yang perlu dipercepat tersebut juga memerlukan dukungan prasarana dasar yang memadai, antara lain transportasi, tenaga listrik, pengairan, air bersih, dan telekomunikasi. Meskipun telah meningkat, ketersediaan prasarana dasar daerah Sumatera Barat belum memenuhi kebutuhan ataupun tuntutan kualitas pelayanan yang terus meningkat. Oleh karena itu, tantangan yang dihadapi adalah meningkatkan ketersediaan dan kualitas serta memperluas jangkauan pelayanan prasarana dasar, khususnya air bersih, dan tenaga listrik serta sistem transportasi antarmoda secara terpadu dan optimal, dengan mengikutsertakan dunia usaha. Selanjutnya, untuk meningkatkan laju pertumbuhan ekonomi juga dibutuhkan investasi yang besar, sedangkan kemampuan investasi pemerintah terbatas sehingga untuk memenuhi kebutuhan tersebut diperlukan peningkatan investasi oleh masyarakat khususnya dunia usaha. Sehubungan dengan itu, Propinsi Sumatera Barat harus mampu menarik dunia usaha agar menanamkan modal untuk mengembangkan potensi berbagai sumber daya pembangunan di propinsi ini.

Bibliografi

Effendi, N. 1999. Minangkabau rural markets: Their system, roles and functions in the market community of West Sumatra.

Elfindri, Saputra, W., dan Ayunda, D. 2010. Minang Entrepreneurship: Filosofi dan raha sia sukses etnis Minang membangun karakter kewirausahawan.

Games, D. 2011. Menuju kebangkitan kewirausahaan di Sumatera Barat: Saatnya kaum muda terdidik tampil. Padang: Andalas University Press.

III

Penulisan Tarikh dalam Budaya Melayu

Abdul Razak Salleh

Pusat Pengajian Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

3. 1. Pengenalan

Menurut adat, pada kebiasaannya semua surat, manuskrip dan prasasti (batu bersurat) Melayu mesti diakhiri dengan termaktub, iaitu satu kenyataan penutup yang menunjukkan tarikh, waktu dan tempat surat atau manuskrip itu ditulis, dan kadang-kadang mengandungi doa. Kandungan maklumat termaktub yang disampaikan dalam satu-satu surat atau manuskrip itu berbeza-beza, tetapi biasanya ia mengandungi nama tempat surat itu ditulis, tahun hijrah, bulan, nama hari, masa surat itu ditulis, dan tahun Melayu dalam daur kecil. Untuk surat Melayu sila rujuk Gallop (1994). Yang menariknya ialah penulisan tarikh yang menggunakan daur kecil itu (Ahmat Adam 1999, 2009; Abdul Razak 2000, 2001, 2002, 2009).

3. 2. Daur Kecil Al-Attas

Mengikut Al-Attas (1988), daur kecil, yang merupakan kitaran masa 8 tahun, mempunyai nama khusus yang terdiri daripada abjad Arab (Jawi) seperti berikut; *Alif, Ha, Jim, Zai, Dal, Ba, Wau* dan *Dhal*. Beliau mengatakan bahawa daur kecil ini dicipta khusus oleh orang-orang Melayu di Nusantara, dan kitaran tersebut bermula pada tahun pertama Hijrah. Terdapat juga daur besar, yang merupakan kitaran masa 120 tahun. Jadi daur kecil merupakan analogi bagi dekad (10 tahun) sementara daur besar itu pula merupakan analogi bagi abad atau kurun (100 tahun). Ada satu lagi daur yang merupakan kitaran masa 12 tahun (Wilkinson 1959).

Untuk menentukan nama sesuatu tahun hijrah itu, kita menggunakan aritmetik bahagi dengan 8 dan melihat bakinya, iaitu aritmetik integer modulo 8. Nombor untuk tahun hijrah itu dibahagi dengan 8, dan bakinya, yang merupakan integer 0 hingga 7, akan menentukan nama tahun tersebut (lihat Jadual 1).

JADUAL 1 Daur Kecil Al-Attas

Tahun	Nama Tahun	Baki
1	Alif	1
2	Ha	2
3	Jim	3
4	Zai	4
5	Dal	5
6	Ba	6
7	Wau	7
8	Dhal	8

Al-Attas (1988) memberi penjelasan tentang pemilihan huruf-huruf yang berkenaan dan dengan mempertimbangkan hasil tambah nilai berangka huruf-huruf itu: Alif (1), Ha (5), Jim (3), Zai (7), Dal (4), Ba (2), Wau (6) dan Dhal (700), iaitu (1 + 5 + 3 + 7 + 4 + 2 + 6 + 700) 728, beliau membuat kesimpulan bahawa kemungkinan sistem tersebut mula digunakan pada tahun 728 Hijrah.

Yang lebih menarik lagi tentang daur kecil ini ialah, terdapat nama-nama yang berbeza bagi sesuatu tahun yang digunakan itu. Bagaimanakah perbezaan tersebut boleh terjadi?

Kita lihat contoh-contoh berikut. Contoh yang pertama ialah daripada manuskrip Melayu yang paling awal, iaitu 998H/1590M (Al-Attas 1988).

Contoh 1. "Tamm waqt yawm al-sabt yawm min shahr al-Rabi' al-mubarak sanat hiya al-thamin wa wa tis'ami'at min al-hijrat al-nabawiyyah wa al-nusrat al-mardiyyah. afdal al-salat wa akmal ." (Al-Attas 1988);

yang petikan transkripsi jawi kepada rumi ini seperti berikut:

"The book of al-Nasafi is completed at the time of the Forenoon on Saturday the Fourth Day of the Blessed Month of Rabi' al-Akhir, in the Year Ba' which is Nine Hundred and Ninety-Eight years after the Prophetic Emigration and the well-Pleasing Victory. To their Possessor be the most excellent of Blessings and the most perfect of Salutations!" (Al-Attas 1988),

dan seterusnya terjemahan dalam bahasa Melayu ialah

"Buku al-Nasafi telah disempurnakan pada waktu duha hari Sabtu empat hari bulan Rabiulakhir yang dimuliakan, dalam tahun Ba, iaitu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Lapan tahun selepas penghijrahan Nabi dan kemenangan yang menggembirakan. Kepada Pemiliknya, setinggi-tinggi rahmat dan penghormatan yang paling sempurna."

Dengan membahagi tahun 998 Hijrah itu dengan 8 diperoleh
998 □ 8 = 124 baki 6
dan daripada Jadual 1, baki 6 itu berpadanan dengan tahun Ba. Maka memang betullah nama tahun yang tercatat pada manuskrip tersebut.

Contoh 2. "... 1313 tahun Alif." (Al-Khatib 1896).
Dengan membahagi 1313 dengan 8 diperoleh 164 baki 1. Daripada Jadual 1 didapati bahawa tahun 1313H itu ialah tahun Alif, yang berpadanan dengan nama tahun yang dicatat oleh Sheikh Al-Khatib.

Ahmad Abdul Latif Al-Khatib (1860-1916) dikenali juga sebagai Sheikh Ahmad Abdul Latiff Al-Khatib al-Minangkabaui. Beliau telah mengarang buku Matematik dalam bahasa Melayu dan menggunakan tulisan Jawi berjudul 'Alam al-hussab fi 'ilm al-hisab yang diterbitkan di Kaherah pada tahun 1313H / 1896M.

Contoh 3. "… seribu dua puloh esa tahun, pada tahun du al-awal …"(Samad 1989: 321) Apabila 1021 dibahagi dengan 8, diperoleh 127 dengan baki 5. Daripada Jadual 1 didapati bahawa tahun 1021H (1612M) itu ialah tahun Dal. Akan tetapi mengapa dalam contoh itu ditulis du al-awal?

3. 3. Daur Kecil Wilkinson

Terdapat variasi yang lain bagi daur kecil ini yang digunakan di alam Melayu, seperti yang dinyatakan oleh Wilkinson (1959) (lihat Jadual 2).

JADUAL 2 Daur Kecil Wilkinson

Tahun	Nama Tahun	Baki
1	Alif	1
2	Ha	2
3	Jim	3
4	Za	4
5	Dal	5
6	Ba	6
7	Wau	7
8	Dal	0

Catatan. Za itu mungkin perlafazan Zai dan begitu juga agaknya dengan Dal (tahun yang kelapan) itu yang mungkin perlafazan Dhal oleh mereka yang tidak dapat membezakan bunyi huruf-huruf berkenaan. Oleh sebab terdapat dua tahun Dal daripada variasi ini, maka pengguna merujuk kepada tahun-tahun tersebut sebagai Dal Awal (tahun kelima) dan Dal Akhir (tahun kelapan). Jelaslah tahun du al-awal yang terdapat dalam Contoh 3 itu merujuk kepada tahun Dal Awal.

Contoh 4. "… 25 Safar tahun 'dal' [1050H]." (Al-Raniri 1050H/1640).
1050 / 8 = 131 baki 2
Ini sepatutnya tahun Ha. Akan tetapi tahun Dal itu betul mengikut sistem Aceh. Sebenar nya Raniri datang ke Aceh dalam tahun 1637 (1047H).

3. 4. Daur Kecil Aceh

Sistem daur kecil yang digunakan oleh orang Aceh mempunyai cara pengiraan yang ber-beza untuk menentukan nama tahun Hijrah itu. Setelah membahagi dengan 8 dan mem-peroleh bakinya, kita perlu membilang sebanyak nombor baki tersebut bermula daripada huruf Wau (Hurgronje 1906) (lihat Jadual 3). Perhatikan bahawa dalam sistem Aceh ini terdapat juga dua tahun Dal, iaitu tahun kelima (baki 7) dan tahun kelapan (baki 2) yang masing-masingnya juga disebut sebagai Dal Awal dan Dal Akhir.

JADUAL 3 Daur Kecil Aceh

Tahun	Nama Tahun	Baki
1	Alif	3
2	Ha	4
3	Jim	5
4	Zai	6
5	Dal	7
6	Ba	0
7	Wau	1
8	Dal	2

Pada tahun Hijrah 1035 (1626M) orang Jawa memperkenalkan pula sistem daur kecilnya yang dikenali sebagai windu (Al-Attas 1988). Nama tahunnya berbeza sedikit daripada daur kecil Melayu. Jadi tahun Alif dalam windu itu berpadanan dengan baki 3 (1035 / 8 = 129 baki 3) dan begitulah seterusnya (Jadual 4). Perhatikan bahawa terdapat dua tahun Jim, iaitu tahun ketiga (baki 5) dan tahun kelapan (baki 2). De Casparis (1978) merujuk kepada tahun-tahun tersebut sebagai Jimawal dan Jimakir.

JADUAL 4 Sistem Windu

Tahun	Nama Tahun	Baki
1	Alif	3
2	Ha	4
3	Jim	5
4	Zai	6
5	Dal	7
6	Ba	0
7	Wau	1
8	Jim	2

Contoh 5. Pada Batu Tarsilah Sultan-Sultan Brunei, tahun Hijrah 1221 (1807M) ditulis dengan betul sebagai tahun Dal mengikut pengiraan daur kecil (iaitu 1221 / 8 = 152 baki 5, tahun Dal). Sebaliknya dalam sebuah manuskrip Terengganu yang menggunakan tahun yang sama, menamakan tahun tersebut sebagai Jim. Jelaslah yang manuskrip Terengganu itu merujuk kepada windu (Al-Attas 1988). Kemungkinan juga yang penulis manuskrip tersebut telah merujuk kepada sistem Aceh.

Contoh 6. Tamat hari Isnin, kepada hari dua puluh sa, kepada bulan Muharam, sanat zai Hijratul Nabi 1230 – Hikayat Raja Pasai (Jones 1999).

Tahun Hijrah 1230 dibahagi dengan 8 menghasilkan 153 baki 6 yang sememangnya merupakan tahun Zai mengikut Sistem Windu. Naskhah Hikayat Raja Pasai yang dimaksudkan sememangnya disalin di pulau Jawa. Manuskrip asalnya ditulis di Sumatera yang mungkin telah menggunakan daur kecil Al-Attas tersebut.

Catatan. Nampaknya seolah-olah pengiraan yang aneh untuk daur kecil Aceh itu dicipta selepas pengenalan sistem windu. Akan tetapi ini masih belum terbukti. Kajian lanjut boleh dilakukan berdasarkan manuskrip-manuskrip Aceh yang ditulis sebelum 1035H.

3. 5. Daur Kecil Campa

Orang Campa juga mempunyai daur kecil mereka sendiri (Mohd. Khair 1987). Perhatikan perbezaan dari segi nama tahun itu. Susunan huruf-huruf itu adalah mengikut nilai berangkanya dari 1 hingga 8. Akan tetapi pengarang masih belum menemui contoh penggunaan sistem Campa ini kecuali Contoh 7.

Contoh 7. "Hijrah seribu dua ratus dua puluh tiga tahun, kepada tahun Ra." (Samad 1989). 1223 / 8 = 152, baki 7. Mengikut Jadual 1, ini sepatutnya tahun Wau.

Akan tetapi sistem Campa (Jadual 5) memberikan tahun Zai. Kemungkinan penulis warkah tersebut merujuk kepada kalendar yang ada padanya dan memang didapatinya pada kalendar tersebut tecatat huruf Arab (Jawi) Ra, yang sebenarnya Zai yang telah hilang titiknya.

JADUAL 5 Daur Kecil Campa

Tahun	Nama Tahun	Baki
1	Alif	1
2	Ba	2
3	Jim	3
4	Dal	4
5	Ha	5
6	Wau	6
7	Zai	7
8	Haa	0

Catatan. Kemungkinan huruf Jawi Wau itu tidak ditulis dengan jelas sehingga kelihatan seperti huruf Ra. Ini selari dengan pendapat sejarahwan tempatan bahawa Hang Lekir dan Hang Lekiu itu sebenarnya orang yang sama. Nama yang asal ialah Hang Lekiu. Hang Lekir timbul apabila huruf wau pada Lekiu itu ditulis sehingga kelihatan seperti huruf ra.

Contoh 7. Surat Melayu yang mula-mula menggunakan angka Muslim Timur ditulis oleh Encik Lu Nga' dari Perlis dalam tahun 1785 kepada Francis Light (Gallop; Surat 21, Gambar 152). Dalam surat tersebut ditulis tarikh
"… lima likur bulan Jamadilawal hari Selasa, pada sanat 1199 tahun Ha."
1199 / 8 = 149, baki 7
yang sepaptutnya tahun Wau. Kekeliruan timbul kerana terdapat dua tahun Dal (lihat Jadual 2). Penulis surat tersebut mungkin menyangkakan bahawa tahun Dal untuk tahun Hijrah 1197 (baki 5) itu sebagai tahun kelapan (baki 7). Lalu beliau mengira dua tahun yang berikutnya, yang memberikan tahun Ha.

Mari kita cuba menggunakan sistem daur kecil, iaitu merujuk kepada Jadual 1.

(1) Kita mulakan dengan cuba mendapatkan nama untuk tahun ini (2015), iaitu 1436 Hijrah.

1436 / 8 = 179 baki 4.

Baki 4 itu berpadanan dengan huruf Zai. Maka tahun hijrah 1436 ini adalah tahun Zai, iaitu tahun keempat dalam sistem daur kecil. Tahun lepas (1435) adalah tahun Jim.

(2) Untuk Batu Bersurat Terengganu, 702 / 8 = 87 baki 6. Jadi Batu Bersurat Terengganu itu selesai dipahat pada 4 Rejab sanat 702 Hijrah (22 Februari 1303), iaitu tahun Ba.

(3) Hari Kemerdekaan Indonesia, Jumaat, 17 Ogos 1945 bersamaan dengan 8 Ramadan 1364 tahun Zai, kerana 1364 / 8 = 170 baki 4.

(4) Hari Kemerdekaan Malaysia, Sabtu, 31 Ogos 1957 bersamaan dengan 5 Safar 1377 tahun Alif, kerana 1377 / 8 = 172 baki 1.

(5) Tarikh penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia ialah hari Isnin, 18 Mei 1970, bersamaan dengan 15 Safar 1390 tahun Ba, kerana 1390 / 8 = 173 baki 6.

Sejak 1997 pengarang telah cuba menyemarakkan semula penggunaan daur kecil ini dengan menggunakannya untuk Warkah Berita PERSAMA (Persatuan Sains Matematik Malaysia) untuk keluaran Januari – Jun 1997 (Syaaban 1417 tahun Alif – Safar 1418 tahun Ha), hingga keluaran Januari – Disember 2006 (Safar 1427 tahun Ha – Muharam 1428 tahun Jim) yang sepatutnya (Safar 1427 tahun Jim – Muharam 1428 tahun Zai). Pengarang juga menggunakan daur kecil dalam semua surat-menyurat, kertas kuiz dan ujian pertengahan semester sehingga ke hari ini.

Rotman (2000) menggunakan integer modulo 7 untuk menentukan hari bagi sesuatu tarikh dan begitu juga dengan Abu Osman (1985, 1986) yang menggunakannya untuk menentukan hari bagi sesuatu tarikh (Masehi dan Hijrah). Najhan Azima (2006) telah menyediakan atur cara untuk mendapatkan hari bagi sesuatu tarikh itu dan juga padanan tarikh Hijrahnya, dan juga atur cara sebaliknya.

Nota :
Disarankan agar lebih ramai ahli masyarakat bangsa Melayu kembali memulai penggunaan tahun Melayu yang telah lama dipinggirkan warisannya ini.

3. 6. Rujukan

Abdul Razak Salleh 2000. Sukatan dalam Budaya Melayu sebelum Abad ke-20. *Kesturi* 10(1&2): 1-40.

Abdul Razak Salleh. 2001. Daur: Penulisan Tarikh Melayu. Prosiding Simposium Kebangsaan Sains Matematik Ke-8. Universiti Putra Malaysia Terengganu: 163-166.

Abdul Razak Salleh. 2002. Memeriahkan pengajaran Aljabar Niskala. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Matematik 2002. Universiti Pendidikan Sultan Idris : 43-51.

Abdul Razak Salleh. 2009. *Matematik dalam Budaya Melayu*. Syarahan Perdana Profesor. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abu Osman Md Tap. 1985. Menentukan hari bagi suatu tarikh: suatu penggunaan modulo n. *Menemui Matematik* 7: 121-129.

Abu Osman Md Tap. 1986. Penentuan hari bagi tarikh hijrah. *Menemui Matematik* 8: 67-77.

Ahmad Abdul Latif al-Khatib. 1313H (1895). '*Alam al-Hussab Fi 'Im al-Hisab*. Kaherah: Mesir.

Ahmat Adam. 1999. Islamic elements in the art of Malay traditional court letter-writing. *Manu* 3: 28-46.

Ahmat Adam. 2009. Pusaka yang hilang: Sistem kalendar Melayu yang kini hanya tinggal sejarahnya. Siri Wacana ATMA. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 12 Mac.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1988. *The Oldest Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Department of Publications, Universiti Malaya.

Al-Raniri. 1050H. Asrar al-insan. Perpustakaan Negara Malaysia MS 1194 B: 8-79.

De Casparis, J.G. 1978. *Indonesian Chronology*. Leiden/Koln: E. J. Brill.

Gallop. A.T. 1994. *Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.

Hurgronje, C.S. 1906. *The Achehnese*. Terj. O'Sullivan, A.W.S. Leiden: Brill : 373.

Mohd. Khair Haji Md. Taib, Haji. 1987. *Takwim Hijriah Khairiah*. Bangi: Penerbit Uni versiti Kebangsaan Malaysia.

Najhan Azima binti Nawai. 2006. Alkhwarizmi menentukan hari dan tarikh Hijrah. Kajian Ilmiah Tahun Akhir, Pusat Pengajian Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rotman, J.J. 2000. *A First Course in Abstract Algebra*. Ed. ke-2. New Jersey: Prentice Hall.

Samad Ahmad, A. 1989. Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wilkinson, R.J. 1959. A Malay-English Dictionary (Romanised). Bahagian I (A-K) dan Bahagian II (L-Z). London: McMillan.

IV

Perkembangan Kajian Bahasa Minangkabau

Aslinda

Program Studi Linguistik, Fakultas Ilmu Budaya
Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat, INDONESIA

Jabatan Ilmu Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

Bahasa adalah suatu konvensyen lambang bunyi yang dipakai sebagai alat perhubungan di dalam lingkungan satu kelompok manusia (Kamus Dewan 2007), dan ianya mesti dikaji dalam suatu konteks perbualan. Bahasa juga berhubung rapat dengan sosio-budaya suatu etnik, namun menurut Hetti Waluati Triana pada tahun 2009 kajian bahasa masih menumpukan perhatian pada penghuraian soal dalaman bahasa sehingga perkara sosio-budaya yang wujud dan berperanan ketika bahasa beroperasi dan dioperasikan sering terasingkan. Secara garis besarnya ada dua bidang kajian bahasa iaitu kajian bahasa dalaman dan kajian bahasa yang terikat dengan konteks perbualan yang berhubung kait dengan adat resam dan budaya etnik masyarakat pendukungnya. Kajian bahasa dalaman hanya mengkaji bahasa dalam bidang kajian murni sahaja tanpa melihat siapa pengguna bahasa tersebut dan dalam konteks bagaimana bahasa itu digunakan. Bahagian ini terdiri dari pada Fonologi dan Fonetik yang mengkaji soal fonem dan bunyi bahasa (missal fonem vokala,i, u, e o, konsonan b, c, d, f, dan lannya), Morfologi (hanya mengkaji morfem dan proses terjadinya, misalnya awalan ber kalau digabungkan dengan kata dasar ajar akan berubah menjadi bel+ajar, Sintaksis mengkaji soal ayat yang beragam pula jenisnya, misalnya ayat pasif, ayat aktif, sementara Dialektologi mengkaji bahasa yang digunakan dalam kawasan atau daerah tertentu yang membedakannya dengan bahasa yang digunakan oleh masyarakat lain yang mendiami kawasan lain pula. Adapun kajian bahasa yang terikat konteks adalah berhubung kait dengan bagaimana bahasa itu digunakan.

Perkara ini dapat dipahami dalam contoh seorang ibu berkata kepada anak lelakinya "Rambutmu panjang-Nak". Dalam ayat ini si Ibu sebetulnya menyuruh anaknya memotong rambut. Tetapi ketika teman perempuannya yang berkata "Rambut Abang panjang". Ayat ini boleh jadi diartikan "*Handsome* Abang berambut panjang, nampak macho/ jantan". Di Minangkabau Sumatera Barat, aturan perbualan dalam bahasa Minang berhubungkait dengan kesantunan adat resam budaya Minangkabau iaitu "*Kato Nan Ampek*", 'tuturan yang empat' (*kato mandaki, kato mandata, kato malereng dan kato manurun*). Kato mandaki digunakan kepada kawan tutur yang lebih tua, kato mandata digunakan bila bercakap dengan kawan tutur seusia, kato malereng digunakan kepada kawan tutur yang saling menyegani yang tidak boleh bertutur secara langsung. Tuturan ini banyak menggunakan kiasan dalam perbualan, misal kepada menantu, mertua harus

pandai menjaga setiap perkataan supaya menantu tidak tersinggung. Hal ini dituangkan dalam mamangan "pukul anak sindir menantu, manusia tahan kias, kerbau tahan palu", (Aslinda 2001). Pemaparan soal kajian bahasa Minangkabau ini masih sangat terbatas, dalam erti belum dilakukan secara cermat dan terperinci kerana keterbatasan ruang dan waktu. Kecenderungan awal kajian pada akhir tahun 1970-an adalah kajian yang dilakukan perihal dalaman bahasa yang dilakukan oleh pensyarah Universiti Negeri Padang iaitu "Morfologi dan Sintaksis Bahasa Minangkabau" yang dilakukan oleh Kim Hoa Nio et al (1979). Pengkaji asing telah pun melakukan penelitian soal dalaman bahasa iaitu Gerard Moussay pada tahun 1981 yang mengkaji bahasa Minang dengan tajuk "La Lang Minangkabau", yang seterusnya juga melanjutkan kajiannya kepada "Kamus Bahasa Minangkabau" yang sangat terperinci yang dilakukan selama bertahun-tahun dengan masuk kepelosok negeri Minangkabau di Sumatera Barat.

Kajian linguistik dalaman lainnya bertajuk "Tata Bahasa Minangkabau"tahun 1993 dilakukan oleh Asni Ayub et al. Kim Hoa Nio pula pada tahun 1982 menulis buku dengan tajuk "Struktur bahasa Minangkabau dialek Lima Puluh Kota, Agam, Tanah Datar, dan Pesisir Selatan. Proyek Penelitian Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah Sumatera Barat. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen P&K. Dalam bentuk tesis, pensyarah Universitas Andalas yang menempuh pendidikan di Universitas Gadjah Mada tahun 1995 telah pula melakukan penyelidikan dengan tajuk "Ketaktunggalan dalam Bahasa Minangkabau" oleh Ramadani Gafar. Seterusnya Reniwati telah pun menulis "Bahasa Minangkabau dan Dialek Negeri Sembilan : Suatu Tinjauan Perbandingan Linguistik Historis Komparatif yang dimuat dalam Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora Volume 1, Nomor 1 April 2012.

Kajian bahasa yang terikat konteks perbualan telah pula dikaji ramai oleh para pensyarah dan mahasiswa iaitu "Kajian Pragmatik terhadap Bahasa Minangkabau yang dipakai pada Upacara Pengangkatan Penghulu" Tesis Master Universitas Negeri Padang yang dilakukan pada tahun 2000. Seterusnya masih tesis Master tahun 2001 dari UNP dengan tajuk "Praanggapan dan Implikatur dalam Bahasa Persidangan (analisis Tuturan Hakim-Saksi di Pengadilan Negeri Kelas 1 A Padang" yang dilakukan oleh Herwandi. Selanjutnya hasil penyelidikan pensyarah UNP yang dilakukan oleh Juprizal et.al 2006 dengan bertajuk "Pentajukan dalam Bahasa Minangkabau dan Kaitannya dengan Upaya Pembinaan Sosial budaya Masyarakat Minangkabau. Seterusnya Aslinda tahun 2000 menulisTesis Master di Gadjah Mada dengan tajuk "*Kato Nan Ampek, Tuturan dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Tinjauan Sosio linguistik"*. Tesis ini juga dijadikan artikel yang dimuat Dalam Jurnal Sosio Humanika. Volume 14, Nomor 2, Mei 2001. Yogyakarta: Berkala Penelitian Pascasarjana Ilmu-Ilmu Sosial-Humaniora Universitas Gadjah Mada. Ngusman Abdul Manaf, Abdurrahman, dan Amril Amir telah pula menulis kertas kerja dengan tajuk "*Kesantunan berbahasaMinangkabau dalam tindak tutur memerintah pada interaksi suami istri*". Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Humaniora Humanus Volume VI Nomor 1 Tahun 2003.Tulisan seterusnya adalah Rina Marnita As. 2005."Perubahan sosial budaya dan dampaknya terhadap pemakaian bahasa Minangkabau". Dalam Fadlillah, ZuriatidanYusriwal (Editor) dinamika bahasa, filologi, sastra dan budaya. Padang: Andalas University Press. Hetti Waluati Triana. 2009 menulis "Bahasa, kesantunan, dan perubahan sosial: analisis terhadap perilaku tutur menolak etnik Minangkabau moden". Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selanjutnya Ike Revita di Gadjah Mada pada tahun 2007 menulis disertasi Ph.D dengan tajuk "Permintaan dan penolakan dalam Bahasa Minangkabau: Sebuah Tinjauan Sosiopragmatik.

Hasil kajian bahasa Minangkabau juga sudah ada yang diterbitkan menjadi sebuah buku oleh Universiti Putra Malaysia yang ditulis oleh Media Sandra kasih pada tahun 2004 dengan tajuk "Kata Sapaan Bahasa Minangkabau". Selanjutnya Aslinda 2004. Juga menulis "Interferensi Bahasa Minangkabau terhadap Bahasa Indonesia". Dalam Sastri Yunizarti Bakry & Media Sandra Kasih. Editor. Menelusuri Jejak Melayu - Minangkabau. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia. Selain itu Aslinda. 2003. Juga menulis "Basa-basi dalam konteks masyarakat bahasa Minangkabau". Dalam Hasanud-

din WS & Ermanto (Editor) Pelangi bahasa. Padang: UNP Press. Selanjutnya Kasih, M.S. 2004. Sistem kata sapaan anak-anak dan remaja dalam bahasa Minangkabau: suatu analisis sosio linguistik. Linguistik Indonesia: Jurnal Ilmiah Masyarakat Linguistik Indonesia. Tahun ke 22, Nomor 2: 179-184. Hasil kajian selanjutnya Media Sandra Kasih. 2002 menulis“ Sistem sapaan kekeluargaan Bahasa Minangkabau dan Bahasa Malaysia”. In Sastri Yunizarti Bakry & Media Sandra Kasih (Eds) Menelusuri Jejak Melayu Minangkabau. Yayasan Citra Budaya Indonesia. Indonesia.

Hasil kajian Bahasa Minangkabau juga dapat dibaca dalam bentuk prosiding seminar seperti yang ditulis oleh Pramono tahun 2008 yang bertajuk “Ditulis dengan Melayu, Dibaca dengan Minangkabau: Beberapa Aspek Sosio-kultural Kebahasaan dalam Tradisi Pernaskahan Minagkabau”.

Bibliografi

Aslinda, 2000. “*Kato Nan Ampek*” Tuturan dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik. Yogyakarta: Tesis Master, Universitas Gadjah Mada.

Moussay, Gerard, 1981. La Langue Minangkabau. Paris: Association Archipel.

Navis, A. A. (ed), 1983. Dialektika Minangkabau: Dalam Kemelut Sosial dan Politik. Padang: Genta Singgalang Press.

V

Teori Pengetahuan, Percakapan dan Kelakuan Sebagai Teras Pendidikan Karekter

Mohammad Alinor Abdul Kadir

Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI), Selangor, MALAYSIA

5. 1. Pengenalan

Apabila seseorang penyelidik mahu merungkai sesuatu sejarah, tetapi bukan hanyalah mahu tamat pada merungkai sejarah itu sahaja, tetapi mahu pergi jauh membangunkan maklumat-maklumat yang digelintarnya daripada rungkaian tadi, lalu beliau mestilah melakukan tugas sedikit berat membandingkan maklumat-maklumat sejarah tadi de ngan maklumat-maklumat semasa. Itupun, kalaulah dia mahu melihat betapa relevannya maklumat-maklumat sejarah tadi dalam kehidupan semasa kini. Kalau tidak, sejarah akan tamat pada sejarah sahaja, tidak lebih. Itulah yang kami mahu lakukan di sini, iaitu menggali teori pengetahuan, percakapan dan kelakuan yang terbenam dalam lipatan sejarah Minangkabau, lalu membandingkannya dengan pencapaian teori-teori sepertinya di Eropah.

Kenapakah Eropah? Kerana teori-teori yang dinukilkan di sanalah semenjak kurun dalam16M yang kini mendominasikan perbahasan-perbahasannya kalangan warga universiti dan cendekiawan. Selainnya dianggap telah dirangkumkan didalamnya. Kami berpendapat, jika proses ini dilaksanakan, teori pengetahuan, percakapan dan kelakuan Minangkabau yang akan digelintar tersebut akan teranjak ke hadapan dari segi teori dan kepenggunaannya. Kami telah menggali sedikit sebanyak apa yang kami namakan sebagai teori pengetahuan Minangkabau tersebut, lihat Mohammad Alinor (2014). Sekarang, kami mahu melanjutkan perbahasan dengan mengatakan bahawa teori pengetahuan, percakapan dan kelakuan inilah yang sepatutnya menjadi teras kepada pendidikan karekter golongan muda Minangkabau. Kenapa?

Kerana teras ini adalah teras yang digali dari kebudayaan sendiri, malahan akan ditunjukkan bahawa teras ini adalah terbandingkan dengan teori-teori Eropah semasa. Tidaklah nanti dirasakan keterasingan apabila berbicara tentangnya atau mendengarkan orang berbicara tentangnya. Bagaimanakah pula boleh dikatakan bahawa teori pengetahuan, percakapan dan kelakuan boleh menjadi teras kepada pendidikan karekter? Tidak mudah juga untuk menjawab soalan ini. Namun, kami mahu menjawabnya begini. Pendidikan karekter adalah jenis pendidikan yang bermanfaat untuk membentuk sekurangkurangnya tiga perkara penting kepada seseorang anak muda, iaitu pengetahuan, percakapannya dan kelakuannya. Untuk mendapatkan tahap percakapan (atau silogisme

dan retorik) yang baik dan berkualiti, seseorang perlu memiliki kaedah berfikir yang baik dan berkualiti juga.

Dengan kata lain, memiliki kaedah berfikir itu bermaksud beliau mestilah mampu menguasai teori-teori pengetahuan (atau epistemologi). Teori-teori pengetahuan inilah yang akan memandu lidahnya tatkala beliau mahu mengeluarkan penghujahan, sama ada tatkala mengeluarkan persoalan, menjawab persoalan, merasionalkan persoalan, memecahkan persoalan, menyelesaikan sub-sub soalan, menggabungkan penyelesaian, dll. Sehingga dikatakan bahawa yang difikirkan itu adalah seperti yang diujarkan. Ini adalah salah satu bidang utama kajian dekonstruktif (kaedah utama dalam gerakan pasca-moden), iaitu mengkaji apakah yang dicakapkan (terbitannya dituliskan) oleh seseorang adalah sepertimana yang difikirkannya. Menulis autobiografi termasuk dalam bidang ini. Begitu juga, teori pengetahuanlah yang memandu seseorang melakukan apa-apa yang mahu dilakukannya dengan anggota-anggota badannya. Dengan kata lain, apa yang difikirkannya adalah juga apa yang mahu dilakukannya. Ini tentunya masuk dalam perbahasan teori kelakuan (etika dan psikologi), iaitu apakah perbuatan seseorang itu selaras dengan apa yang difikirkan hendak dilakukannya?

Ringkasnya, teori pengetahuan, percakapan dan kelakuan adalah teras kepada pendidikan karekter. Malah, meletakkan teori pengetahuan sebagai sebahagian daripada pendidikan karekter akan memperkukuhkan percakapan dan kelakuan. Hal ini sebenarnya telah disentuh oleh Errington (1984), namun dalam bentuk perbahasan ynag lain, terutamanya pada Bahagian III : Adaik dan Epistemology. Sekarang, kami persembahkan apakah yang kami maksudkan sebagai teori pengetahuan Minangkabau.

5. 2. Unsur-Unsur Teori Pengetahuan Minangkabau

Sebelum kami membahas apakah teori pengetahuan Minangkabau, ada baiknya kami bawakan dahulu perbincangan berkenaan teori-teori pengetahuan yang telah mengalami proses kemajuan di Eropah. Tidak banyak sebenarnya buku-buku bidang teori pengetahuan di Eropah yang menghimpun dengan agak teliti sejarah teori pengetahuan Eropah. Namun, kami tidaklah pula mampu menyemak semuanya, ratusan jumlahnya. Apa yang kami mahu perturunkan disini adalah takrif-takrif pengetahuan yang dinyatakan oleh Bolzano (1837/1972).

Dalam usaha beliau untuk mengkritik kelemahan yang terdapat dalam pelbagai teori pengetahuan sebelumnya dan seterusnya mendapatkan sintesis teori pengetahuan yang baru, beliau telah mengelaskan teori-teori tersebut :

1. Pengetahuan adalah hukum-hukum yang menjelaskan kefahaman dan penghujahan, atau adalah hanya pemikiran (Kant (1755/1886), Sigwart, Kiesewetter, Krug, Tieftrunk, Calcer dan Esser).
2. Pengetahuan adalah untuk mempertajamkan dan menyempurnakan fakulti kognitif/ fikir melalui kaedah-kaedah tertentu (Clauberg dan Reusch).
3. Pengetahuan adalah untuk memeringkat dan memandu intelek atau fikiran manusia kearah mengenal benda (Keckermann, Wolff, Gaudin, Crusius, Darjes, Miotti dan Ulrich).
4. Pengetahuan adalah kebolehan menyempurnakan perbincangan untuk mencapai kebenaran (Melanchthon, Watt, Fonseca Peter Ramus, dan Hollmann).
5. Pengetahuan adalah prinsip pertama/mutlak untuk kefahaman manusia (Salomo Maimon).
6. Pengetahuan adalah kajian tentang sejarah, operasi dan kesan intelektual, atau pembentukan, persembahan, kombinasi dan deduksi idea, atau kajian tentang alat mendapat pengetahuan (Destutt de Tracy, Ernst Platner dan Beneke).
7. Pengetahuan adalah proses mengabstrak perwakilan benda-benda yang berbeza - beza. Pengetahuan adalah kaedah bagi mendapatkan kefahaman (Jacob). Pen-

getahuan adalah pembentukan pemikiran, yang bentuk pemikiran adalah kaedah bagaimana idea dibangunkan dalam pemikiran (Hoffbauer). Bentuk pemikiran adalah media mempersembahkan pemikiran, yang hanya boleh diperolehi melalui kesepaduan kesedaran (Metz). Pengetahuan adalah pemikiran formal, iaitu hubung-kait idea-idea tanpa merujuk langsung kepada benda-benda yang dirujuk (Krug).

8. Pengetahuan adalah pengelasan konsep (Herbert).
9. Pengetahuan merupakan antitesis kepada kesedaran. Pengetahuan adalah berkenaan penyamaan pemikiran dengan benda yang difikirkan, dan penyamaan benda yang difikirkan dengan pemikiran (Hegel (1812/1975)).
10. Pengetahuan adalah prinsip Identiti dan Percanggahan (Twesten).
11. Pengetahuan adalah doktrin dan intuisi (Fichte (1794/1970), Bolzano (1837/1972) dan Schelling).

Semua teori ini sebenarnya dibangunkan diatas analisis terhadap tiga atau empat unsur utama, iaitu benda-benda yang berada disekeliling, alat-alat badan yang mencerap sifat-sifat benda-benda tadi, proses menerima pengetahuan menerusi perwakilan benda-benda dan pengetahuan/konsep. Lalu, perkara-perkara inilah yang dimanfaatkan untuk sarjana-sarjana Eropah yang dinyatakan diatas untuk masing-masing merumuskan teori-teori pengetahuannya. Kami akan memanfaatkan perkara-perkara yang sama, tetapi mengutip maklumatnya daripada pustaka lisan Minangkabau.

5. 2. 1. Alat Menerima Pengetahuan

Kami sebenarnya menyedari bahawa Bangsa Minangkabau tersebut memiliki teori penge tahuannya sendiri, walaupun dipinjam daripada Kebudayaan Buddha India, sewaktu kami membahas Batu Bersurat Bukit Gombak dalam Bahasa Sanskrit dan Melayu Kuno ber-tarikh 1278S/1356M, nukilan Adityawarman, lihat Mohammad Alinor (2012 & 2013). Didalamnya didakwa Adityawarman memiliki "pancasadabhijna" pada baris yang ke-5. Istiawan (tt) merakamkan maksudnya sebagai "lima-enam jenis ilmu pengetahuan". Mudahnya, "*panca*" bermaksud "lima", "*sada*" bermaksud "enam" dan "*bhijna*" ber-maksud "ilmu/pengetahuan/ilmu pengetahuan". Gelintaran kami terhadap perkataan ini didalam kepustakaan Buddha India menemukan kami kepada jawapannya, iaitu "*cak-survijnanam*" (kesedaran mata), "*crotravijnanam*" (kesedaran telinga), "*ghranavijna-nam*" (kesedaran hidung), "*jihvavijnanam*" (kesedaran lidah), "*kayavijnanam*" (keseda-ran kulit) dan "*manovijnanam*" (kesedaran fikiran). Umumnya, mata, telinga, hidung, kulit dan lidah adalah alat-alat pada badan manusia yang berfungsi (kesedaran) terhadap perkara-perkara yang berlaku disekeliling manusia tersebut lalu mengambil maklumat daripada perkara-perkara tersebut tertakluk kepada fungsinya masing-masing. Fikiran juga kadang-kadang dianggap sebagai pancaindera ke-6, walaupun fungsinya bukanlah hanya mengambil maklumat yang berikan oleh lima pancaindera tadi, tetapi dirinya juga mengambil maklumat terhadap perkara-perkara yang berlangsung dialam idea, seperti pemikiran bawah sedar, mimpi, ilham, dll, dan juga berfungsi menganalisis maklumat-maklumat tersebut dan menyimpannya secara bersistem. Walaupun jaraknya mungkin 300 tahun, iaitu semenjak tarikh batu bersurat tersebut berbanding maklumat-maklumat yang dinyatakan secara lisan dibawah (dengan anggapan pustaka lisan ini dinukilkan dizaman setelah Islam masuk ke Minangkabau), namun kesamaan beberapa perkara daripada kedua-duanya amatlah jelas.

Apabila diteliti buku Datuk Madjo Indo (1999), pengarang mendapati semua hal yang disebutkan sebagai alat-alat menerima pengetahuan dan fungsinya juga dinyatakan dengan baik disini. Bait-bait yang pengarang ini petik dari XI : Raso Pareso dan persem-bahan secara tersusun adalah seperti berikut:

Nan dimakan raso
Nan dilihek rupo

Nan didanga bunyi
…….

Ini adalah penjelasan berkenaan tiga alat menerima pengetahuan, iaitu lidah, mata dan telinga. Kemudian "*Nan dimakan raso*" pula dijelaskan sebagai

Nak tahu dipadeh lado
Nak tahu diasin garam
Manauik sahabih gauang
Mamakan sahabih raso
…….

Manakala, "Nan dilihek rupo" dijelaskan sebagai,

Jauah bajalan banyak dilihek
…….

"*Nan didanga bunyi*" tidak dijelaskan. Walaupun tidak disebutkan diawalnya tadi, namun alat sentuhan iaitu kulit dijelaskan sebagai,

Ganggam-ganggam baro
Taraso angek dilapehkan
Sio-sio menjaring angin
Taraso lai dapek tidak.

Yang langsung tak dijelaskan adalah cium/hidu/bau iaitu menerusi hidung. Hal ini diulang dan diperbaiki dalam XXI : Aka (Akal) yang menjelaskan dengan tersusun apakah sebenarnya alat menerima pengetahuan dan fungsinya.

Caro manantukannyo ado ampek caronyo
Pertamo karano dilihek jo mato
Kaduo karano didanga jo talingo
Katigo karano disium jo hiduang
Kaampek karano dirasokan jo lidah
Atau dirasokan jo dek badan.

Semua ini sebenarnya terkait dengan beberapa istilah seperti "kaedah-kaedah tertentu (ii), kearah mengenal benda (iii), alat mendapat pengetahuan (vi), mengabstrak perwakilan benda-benda (vii), benda-benda yang dirujuk (vii) & benda yang difikirkan (ix)" yang dibahaskan dalam teori pengetahuan Eropah.

5. 2. 2. Jenis-Jenis Akal

Buku Dt. Madjo Indo (1999), XXI : Aka (Akal) juga membincangkan jenis-jenis akal, iaitu

Ado limo macam aka
Pertamo aka sumbarang aka
Kaduo aka manjala
Katigo aka takumpa
Kaampek aka tawaka
Kalimo aka sanaba aka

Penjelasannya agak lengkap seperti yang diberikan berikut :

Nan dikatokan aka sumbarang
Pio kiri pio kanan manjala hilie mudiak baiak
jauah atau dakek, baa kamandapak sajo.

Nan dikatokan aka menjala
Manjala hilie mudiak kiri kanan, sasiuik namuah
kaapi, salewai namuah kaaie, barang tagendeang namuah maambiak,
nan sajombo nak manuai, pilin jariang nak barisi,
pilin kacang nak mamanjek, aka nak mandapak sajo,
indak dapek kapai, kapulang disinggahi juo.

Nan dikatokan aka takumpa
Takalok tatalu mati, manyuruak talampau hilang,
angan lanteh paham tatumbuak, awak sanang sangketo tibo,
aka ado usaho ilang, manaruah sagan jo ragu.

Nan dikatokan aka tawaka
Apo nan datang dinanti sajo
basarah diri kapado nan Maha Kuaso
apo nan tibo ditarimo sajo, manyarah kepado nasib.

Nan dikatokan aka sabana aka,
Sagalo sesuatu diusahokan sampai dapek,
Kalaulah diusahokan indak barhasil
barulah basarah diri pado nan Maha Kuaso,
Indak manarimo takadie sajo, tapi bausaho sadapek mungkin,
Manyadari juo usaho jo kakuatan nan ado di dalam diri.

Bolehkah dikatakan "akal manjala" adalah fikiran yang menuruti al-Khwarizmi/algoritma/tatacara tertentu? Sebagaimana al-Khwarizmi dibina sebelum menulis aturcara komputer. Dan "aka takumpa" adalah fikiran yang tidak bergerak, mati logiknya dan buntu? Juga, semua yang dikutip diatas boleh diperbandingkan dengan istilah-istilah "kefahaman (i), (v) & (vii), mempertajamkan dan menyempurnakan fakulti kognitif/fikiran (ii), memeringkat dan memandu intelek dan fikiran (iii), sejarah, operasi dan kesan intelektual (vi), pembentukan, persembahan, kombinasi dan deduksi idea (vi), pembentukan pemikiran & bentuk pemikiran (vii), pemikiran (ix) & doktrin dan intuisi (xi)" yang dibahaskan dalam teori pengetahuan Eropah.

5. 2. 3. Jenis-Jenis Pengetahuan

Dt. MadjoIndo (1999), XXI : Aka (Akal) juga membahas jenis-jenis pengetahuan, iaitu

Timbuenyo dari ampek macam
Pertamo datang dari pikiran sendiri
Kaduo datang dari urang lain
Katigo datang dari ilham
Kaampek dari usaho, karano dipalajari.

Yang pertama itu sebenarnya adalah kaedah berfikir manusia, kedua itu adalah yang dipanggil khabar benar, yang ketiga itu kini dipanggil intuisi dan yang keempat itu pendidikan. Namun, semua ini sedikit berlainan daripada apa yang dibahaskan dalam XXII : Ulemu (Ilmu), yang juga mengutip perbincangan jenis-jenis pengetahuan

Ampek macam ulemu pangatahuan

Partamo ulemu pangatahuan tantang diri
Kaduo ulemu pangatahuan tahu tantang urang lain
Katigo ulemu pangatahuan tahu pado alam
Kaampek ulemu pangatahuan tahu pado nan Maha Kuaso

Setiapnya dibicarakan perinciannya sebagai berikut,

Nan dikatokan ulemu pangatahuan tantang diri
Manggunokan raso jo pareso, manimbang sakik jo sanang,
kalau dipiciak sakik di awak, di urang baitu pulo,
apo nan tajadi dirasokan kapado diri sandiri

Nan dikatokan ulemu pangatahuan tahu tentang urang lain
Dilihek pado panyababnyo bagai ulemu mamancing ikan,
lain lubuak lain ikannyo, lain ikan lain umpannyo,
babagai ragam alam, hitam putiah, tinggi randah,
indak disamo ratokan sajo

Nan dikatokan ulemu pangatahuan tahu pado alam
Jikok mamarentah dalam kampuang, jikok tarjadi silang sangketo,
tibo di nan saindu, atau di nan sapayuang, manyalasaikannyo indak buliah
barek sabalah (bapihak-pihak), luruih jo adie dipagunokan bana

Nan dikatokan pangatahuan tahu pado nan Maha Kuaso
Tahi diasa jo sapaiknyo dikaji sipaik nan mustahie sarato jo nan wajib,
basariaik bahakikaik, bahakikaik bamakripaiak.

"Pangatahuan tantang diri" itu kekadang disebut oleh Heidegger sebagai eksistensial manusia. Freud menggelarkan sebagai Ego. Manakala "pangatahuan tahu tantang urang lain" itu adalah psikologi kelakukan. Juga, pangatahuan tahu tantang alam" tidak pula bermaksud sains persekitaran, seperti yang kita fahami alam itu, tetapi bermaksud pengurusan.

5. 3. Teori Percakapan Minangkabau

Beberapa hal seperti yang ditakrifkan pada teori pengetahuan Eropah tersebut menyentuh bahagian perbincangan disini. Hal seumpama "kebolehan menyempurnakan perbincangan untuk mencapai kebenaran (iv)" dan "prinsip Identiti dan Percanggahan (x)" adalah sebenarnya berkaitan kepada percakapan/pengujaran/penghujahan. Menyempurnakan perbincangan merujuk kepada sekurang-kurangnya dua manusia rasional yang memulai berhujah tentang sesuatu perkara, yang salah seorang daripadanya atau kedua-duanya sekali samar pengetahuannya tentang perkara itu, sehinggalah kedua-duanya bersetuju bahawa mereka sampai kepada kefahaman tentang perkara tadi. Prinsip Identiti dan Percanggahan merujuk kepada kenyataan-kenyataan yang setara dan saling bertentangan maknanya dalam sesuatu penghujahan. Contohnya, "hujan sedang turun" setara maksudnya dengan "awan gelap sedang menurunkan hujan ke bumi". Manakala "air itu manis" bercanggah dengan "air itu rasanya masin". Maklumat-maklumat yang lebih khusus sebenarnya bolehlah ditelaah daripada Lewis (1960), Whately (1846) dan Blair (1793). Dt. Madjo Indo (1999), XIX : Kato merakamkan hal-hal berikut :

Ilmu kato ampek macamnyo
Pertama kato sama
Kaduo kato sadiak
Katigo bungkuak bana

Kaampek kato kurenah

"Kato sama" dijelaskan sebagai :

Nan dikatokan kato sama
Kato baiak nan diparbaiki
Binaso kato jikok dibinasokan
Sah kato jikok disahkan
Haruih kato jikok diharuihkan
Kato nan ditarimo indak salamonyo
tatap diharuihkan
Kato sarak atau kato adaik
ado duo tampeknyo
Ditampek salah atau ditampek bana.

"Kato baiak nan diparbaiki" mungkin bermaksud mendapatkan pernyataan-pernyataan logik yang lebih dasar berbanding sebelumnya. "binaso kato jikok dibinasokan" mungkin bermaksud manfikan sesuatu pernyataan. "Ditampek salah atau ditampek bana" pastinya bermaksud secara logik kebenaran "tidak/0" atau "ya/1". Seterusnya, "Kato sadiak" dijelaskan sebagai :

Nan dikatokan kato sadiak tamasuk kato bana juo
Dikuasai manuruik sarak atau manauruik adaik
Kadang mencapai kemuliaan
Ado kalonyo sampai pado mukasuiknyo sajo.

Ini adalah khabar benar yang dibincangkan dalam 2.3. Seterusnya, "Kato bungkuak bana" dijelaskan sebagai :

Nan dikatokan kato bungkuak bana ado duo tampeknyo
Ado nan sadaik bantuaknyo bana atuak suatu usaho
Tapi digunokannyo untuak kaparaluan pribadi.

"Kato kurenah" dijelaskan pula sebagai :

Nan dikatokan kato kurenah
Banyak curito pangalaman nan diliheknyo
atau didapeknyo dari nan tuo-tuo dahulunyo
jikok ado usaho nan bapaedah untuak dirinyo,
ingin maambiaknyo untuak mancapai sagalo mukasuiknya
Indak marugikan urang lain, nan paralu dirinyo sanang.

5. 4. Teori Kelakuan Minangkabau

Rujukan yang sepatutnya dimanfaatkan untuk dibandingkan dengan pungutan-pungutan dibawah adalah Kant (1785/1976 & 1788/1976), sebabnya di Eropah selepas beliau subjek etika menjadi suatu yang mendominasi. Pungutan Dt. Madjo Indo (1999), LXI : Kalakuan adalah seperti yang dinyatakan dibawah :

Laku nan elok sapuluah macamnayo
Pandai maratokan pergaulan indak dirandah ditinggikan
Pandai-pandai manengang raso dalam babue samo gadang
Pandai maagak maagiahkan dibaliak-baliak mangko dibalah

Pandai baliku di nan tarang pandai balinduang di nan paneh
Pandai maambiak patangahan laku elok baso katuju
Manapek-i sagalo janji tunduak patuh di nan bana
Elok parangai duduak tagak tabaoan taratik minum makan
Anggoto nan tujuah samo dijago balaku arif bijaksano
Mangarati jo tunduak ka undang-undang sarato ka adaik jo limbago
Banyak ilmu pangatahuan sabanyak bintang dilangik sapanuah aie dilautan.

Lawannya :

Laku nan buruak sapuluah macamnyo
Elok baso indak katuju
Baiak budi indak manantu
Gadang sanduak indak mambao
Gadang suok indak manganyang
Kareh hantak indak luluih
Elok tungkuih indak barisi
Banyak agak indak mamutuih
Gadang garogok indak bamalu
Kareh latuih indak barasok
Kuaik dantam indak babunyi.

5. 5. Lanjutan

Tidaklah semudahnya mahu dikatakan bahawa seseorang penyelidik mampu melakukan perbandingan diantara pendidikan karekter Minangkabau dengan pendidikan karekter Eropah, terutamanya menerusi teori pengetahuan, percakapan dan kelakuan. Wallaupun itu boleh dilakukan dengan bersusah-payah, namun, yang lebih utama daripada itu adalah keupayaan penyelidik tersebut untuk mendapatkan pemetaan tiga teori ini di bumi Minangkabau, beserta bukti-buktinya yang meyakinkan. Umum mesti mengetahui dari manakah sumbernya ketiga-tiga teori tersebut sehinggakan kualiti perbahasannya amatlah tinggi nilainya, terbandingkan dengan Eropah, juga pastilah dengan Islam (unsur-unsur Islam ada padanya) dan India (Hindu-Buddha). Ini mesti diselesaikan dalam jangka masa terdekat, agar hal-hal yang lain boleh turut diselesaikan.

5. 6. Rujukan

Blair, H. 1793. Lecture on Rhetoric and Belles Lettres. Dublin.
Bolzano, B. 1837/1972. Theory of Science : Attemp at a Detail and in the main Novel Exposition of Logic. Berkeley and Los Angeles : Univ of California Press.
Errington, F.K. 1984. Manners and Meaning in West Sumatra : The Sosial Context of Consciousness. New Haven : Yale university Press.
Fichte, J.G. 1795/1970. Science of Knowledge. Cambridge : CUP.
Hegel, G.W.F. 1812/1975. The Science of Logic. Oxford : The Clarendon Press.
Istiawan. tt. Selintas Prasasti dari Melayu Kuno. Manuskrip.
Kant, I. 1755/1886. Logic. London : Longmans, Green and Company.
---------. 1785/1976. Foundations of the Metaphysiscs of Moral. New York : Garland Publishing Inc.
---------. 1788/1976. Critique of Practical Reason. New York : Garland Publishing Inc.
Lewis, C.S. 1960. Studies in Words. Cambridge : CUP.
Dt. Madjo Indo, A.B. 1999. Kato Pusako : Pepatah, Patitih, Mamang, Pantun Ajaran dan Falsafat Minangkabau. Jakarta : Majelis Pembina Adat Alam Minangkabau Jakarta dan PT Rosda Karya.
Mohammad Alinor Abdul Kadir. 2012. Adityawarman Sebagai Ahli Falsafah. Seminar

Ratusan Tahun Pengalaman Minangkabau Negeri Sembilan. Padang : KAGUM & UNAND : 63-70.

----------. 2013. Adityawarman Sebagai Ahli Bahasa? Dewan Bahasa, Mac 2013 : 48-51.

----------. 2014. Teori Pengetahuan Bangsa Minangkabau. Diserahkan kepada Majalah GADANG.

Whately, R. 1846. Elements of Rhetorics : Comprising an Analysis of The Laws of The Evidence and of Persuasion, With Rules for Argumentative Composition and Elucation. 7th Edition. London : B. Fellows.

VI

Pemikiran Sir Thomas Stamford Raffles Tentang Perkembangan Budaya Teknologi di Negara Minangkabau Tahun 1817 - 1824

Harry Ramza

Pusat Studi Buya Hamka
Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. HAMKA, Jakarta, INDONESIA

Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

ABSTRAK

Perkembangan ketamadunan diasaskan oleh tumbuh – kembangnya kemajuan pemikiran bahagian – bahagian masyarakat yang sedia ada pada masa itu. Teknologi didalam Alam Melayu bukan sesuatu permasalahan yang baru atau sesuatu yang baru ada, tetapi teknologi itu sudah berkembang sejak zaman sebelum kedatangan Islam sehingga zaman klasik Melayu yang berasaskan Islam sebelum penjajahan eropah atau zaman kolonial. Keberadaan pakar nujum atau disebut juga ahli astronomi dan fizik serta ahli kimia di istana kerajaan serantau Melayu pada abad ke-13 tersebut sudah ada pakar sains Melayu dan menggunakannya sebagai teknologi Melayu. Pakar–pakar tersebut memang dididik di sekolah agama atau dikenal dengan Madrasah atau Pondok Pesantren supaya dapat mengajarkan agama tetapi dapat pula mengajarkan ilmu lainnya seperti; ilmu Matematika, ilmu Nujum (astronomi dan fizik) dan ilmu Kimia. Teknologi Melayu sudah tentu telah berkembang dari zaman purba, seperti teknologi Metalurgi dalam menghasilkan senjata keris dan pedang besi, teknologi pengairan pertanian seperti kincir air, teknologi Kelautan untuk menghasilkan kapal laut yang dapat berlayar mengarungi samudera serta teknologi angkutan darat sederhana seperti bendi atau sado yang ditarik oleh haiwan kuda. Pada zaman kolonial Inggeris dan Belanda, fungsi pakar – pakar ini digantikan dengan pakar – pakar daripada penjajah kolonial Inggeris dan Belanda dengan kelicikan pemerintah kolonial yang dimulai dengan proses sekularisasi pendidikan rakyat dengan membentuk pendidikan vernakularisasi dengan menghilangkan pendidikan yang sedia ada dengan sekolah yang bergaya dan corak pemerintah kolonial disertai dakwah Kristian pada abad ke – 19. Kertas kerja ini membahas tentang teknologi yang sedia ada, dikembangkan dan digunakan pada masa kerajaan Pagaruyung di negara Minangkabau (Menangkabu Country), Sumatera. Perbincangan pada kertas kerja ini merujuk pada pemikiran Sir Stanford Raffles pada masa ia berkunjung ke kawasan kerajaan Pagaruyung yang ditulis pada buku "Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles, F.R.S & C. particularly in the government of Java 1811 – 1816, and of Bencoolen and its dependencies, 1817 – 1824; with details of the commerce and resources of the eastern Archipelago, and selections from his correspondence by his widow" yang diterbitkan pada tahun 1830, London; John Murray, Albemarle Street. Kajian pemikiran

ini hanya merujuk bab 12 pada buku tersebut yang berhubungkait dengan pandangan – pandangan serta keputusan – keputusannya selama berkhidmat sebagai dari Leftenan – gabenor Sumatera sehingga menjadi Gabenor - Jeneral Hindia Belanda pada masa setelah Kerajaan Belanda dikuasai oleh Napoleon Bonaparte daripada Perancis.

6. 1. Keadaan Masyarakat Serantau Minangkabau Menurut Tulisan Raffles

Berasaskan catatan Raffles pada buku tersebut dengan muka surat 387 bahawa kawasan Minangkabau mempunyai wilayah hukum yang panjang hampir seluruh Sumatra pada masa dahulunya. Dipahami olehnya terletak sekitar 80 km ke daratan daripada Padang serta menjangkau arah barat pegunungan tinggi dengan perkiraan kawasan yang luas ditengah pulau Sumatra, sehingga silsilah bangsa Melayu ialah sebuah pertanyaan yang menarik bagi pemikirannya. Keadaan negara pada masa itu dimana kekuatan kerajaan Menangkabu menjanjikan kemajuan sehingga ia tidak dapat memastikan berapa lama Padang sebuah kawasan utama negara Minangkabau akan berada dalam koloni Inggeris kerana kerajaan tersebut telah berupaya dalam perdagangan hasil alam.

Minangkabau sebagai sebuah negara telah dikenal sejak period awal sejarah dengan kekayaan daripada lombong emas, biji besi and hasil mineral lainnya terutama yang berhampiran dengan kerajaan Siak dan kerajaan Sudragidi (pada masa ini sebagai daerah Indragiri) dan sungai – sungai Sunda dimana pedagang – pedagang emas dapat ditemui di daerah Malaka dalam kurun masa yang panjang (Raffles, 1835).

Pada muka surat 390; maklumat – maklumat yang diceritakan bahawa pada masa itu teknologi pengangkutan air telah dibina dengan baik iatu penggunaan perahu panjang atau perahu penduduk pribumi. Maklumat – maklumat yang disampaikan ini diceritakan oleh Raffles sebagai sebuah surat yang dikirimkan kepada Mr. Marsden pada bulan Julai tahun 1818.

Pada muka surat 420 (Raffles, 1835), Raffles menceritakan keadaan masyarakat di rantau negara Minangkabu setelah ia meninggalkan daerah Simawang (sekarang dikenal Simauang) bandar kedua daripada negara Minangkabu tersebut dan kawasan berhampiran Pagaruyung terlihat bahawa jalan – jalan yang terbentang terletak pada perbukitan primitif yang rendah serta panjang setiap jalan ialah 12 mil. Lembah Simawang dilalui oleh sungai serta dihubungkan dengan jambatan gantung yang selalu berayun – ayun. Pada perjalanan tersebut ianya masuk kedalam sebuah negara yang kuno atau sebaliknya terdiri daripada serpihan bahan kuno. Semasa melihat kawasan beberapa lembah tersebut, ia mengatakan lembah Simawang mengandungi emas dan melihat kawasan luas penggalian tersebut dimana pelombong – pelombong telah bekerja dan berada ditempat tersebut. Ditempat tersebut tidak boleh dianggap sebagai lombong biasa, dan pelombong – pelombong tersebut tidak menganggap sebagai kawasan yang sangat berharga. Penggalian emas walau bagaimanapun memberikan pandangan kepada Raffles terhadap sebuah peluang yang baik daripada catatan hala tuju lapisan masyarakat Minangkabau yang tertarik kepada bidang ilmu geologi.

Pada ketibaan Raffles di Suruasa (sekarang dikenal Saruaso) yang dimaklumkan pada muka surat 421 (Raffles, 1835), mereka mendapatkan tempat tinggal yang diberikan oleh fihak istana kerajaan negara Menangkabu di Pagaruyung, sebuah rumah papan kecil dengan panjang 30 kaki, dengan pemandangan yang indah di kawasan Soongy Amas (dikenal sebagai Sungai Emas). Kumpulan Raffles diperkenalkan kepada Tuanku Gadis (Virgin Queen) yang mentadbir negara Minangkabau pada masa itu. Mereka diterima dengan baik dan memuaskan sesuai dengan yang diharapkan. Kejadian ini membuat Raffles menjadi melankolik dan ia tidak dapat mencuba membayangkan keadaan sebenar pada masa tersebut.

Penduduk kerajaan Minangkabau yang luas dan budaya yang tinggi disekelilingnya, seolah – olah mengesahkan pandangan Raffles bahawa kerajaan tersebut telah terbentuk dan kekal, secara luas dapat dibaca melalui penyelidikan dan buku - buku sejarah Jawa ditulis oleh Raffles sendiri. Pernyataan tertulis serta bukti dan kajian – kajian-

nya menyatakan bahawa kerajaan Melayu tidak terbentuk baru – baru ini dan puncaknya mengikut tingkat perbandingan sejarah Jawa kontemporari (Raffles, 1835; Campbell, 1915).

Masyarakat – masyarakat Melayu selalu mempunyai semangat berfikir yang besar tentang keberadaan masyarakat tersebut pada masa itu berada dalam sebuah negara yang belum maju, tetapi dimana kita melihat sejarah masyarakat Melayu pada masa itu ?. Dalam komposisi naskah – naskah lama masyarakat Melayu selalunya merujuk jauh masa lampau berbanding memperkenalkan kefahaman Muhammad dan Islam, selain memberikan keterangan mengenai bahtera Nabi Nuh, atau beberapa kisah romantik atau tiada keterangan apapun.

Didalam tulisan tersebut (Raffles, 1835), Raffles menjelaskan bahawa masa itu Jawa dianggap sebagai tempat lahirnya seni dan sains, sejauh masyarakat diperkenalkan kedalam nusantara. Masyarakat Melayu dinyatakan berasal mula dari Jawa, dari perkataan Jawa iaitu "Malayu" yang bermakna berlari; mereka dikatakan berlari dan keluar dari pulau Jawa. Pada bahagian lain pula, Raffles bercerita kepada rakannya bahawa banyaknya kerugian – kerugian masyarakat Melayu yang dinyatakan pada jurnal Edinburgh Review nombor 41. Yang Mulia kerajaan Inggris dapat menilai dengan apa bentuk kepentingan Raffles dalam mengkaji sebuah negara, setidaknya sejauh pengamatannya ia dapat melihat kesamaan dengan Jawa dalam pemandangan dan budaya tempatan; serta dengan kepuasan pemikiran Raffles yang tidak disengaja pada setiap kejadian – kejadian dalam perjalanannya, walau tidak ada kejadian tetapi sebuah prasasti dalam huruf Kawi, tertulis pada sebuah batu menunjukkan sesuatu yang sangat menarik di pulau Jawa.

Sebaliknya dengan rumah atau istana yang digambarkan Raffles ialah Masjid sebuah bangunan kecil persegi empat, Didepan masjid muncul pada bahagian tepinya peninggalan – peninggalan kekuasaan Hindu yang berfungsi sebagai batu loncatan untuk menuju tempat ibadah moden iaitu kefahaman Muhammad. Raffles dapat mengesankan dengan cepat bahawa huruf – huruf tersebut sama dengan yang ia temui dikawasan Jawa. Seluruh peninggalan – peninggalan tersebut dikumpulkan. Dalam kira – kira masa satu jam mereka berjaya meletakkan batu rata keatas tanah, dan operasi menyalin semula prasasti dapat dimulakan pada hari Kamis tarikh 23 July 1818.

6. 2. Teknologi Tepat – Guna

Pada masa kerajaan negara Menangkabu teknologi yang digunakan oleh masyarakat selalunya bersifat tepat guna atau boleh digunapakai oleh masyarakat secara langsung. Sesuai dengan penjelasan diatas bahawa masyarakat di Menangkabu telah mengembangkan transportasi air seperti perahu atau kapal kecil (Raffles, 1835). Begitupula dengan teknologi pemanfaatan alam seperti lombong emas. Masyarakat negara Menangkabu telah mahir dalam membuat, mengolah dan membentuk perhiasan sampai dengan penggalian lombong emas yang dimaklumkan Raffles dikawasan lembah perbukitan Simawang. Pada masa itupula kerajaan Menangkabu mempunyai beberapa pakar dalam bidang geologi dan perlombongan, teknologi pertanian, teknologi metalurgi, teknologi pembuatan kain dan kerajinan kraf tangan.

Teknologi metalurgi telah dikenal oleh masyarakat kerana pada masa itu Negara Minangkabau terkenal dalam membuat keris. Pandai besi atau teknologi pengolahan besi telah dikerjakan secara turun – temurun atau waris kepandaian daripada nenek moyang sebelumnya. Teknologi pengolahan besi sehingga sekarang dapat dilihat pada kawasan daerah Pasumah (sekarang dikenal dengan nama Pasaman) serta beberapa daerah lainnya.

Pada bidang geologi, kawasan perlombongan emas yang ada dikawasan Simawang menjelaskan bahawa masyarakat telah bekerja dengan menggali kawasan tersebut secara berkumpulan. Sebahagian masyarakat itu pula boleh menentukan keadaan emas, serta cara memproses mendapatkan emas yang berkualiti.

Raffles memaklumkan daripada sungai Hulu Kuantan terlihat aliran air dari da-

nau di kaki bukit dengan kecepatan besar diatas bebatuan kerana angin disepanjang lembah. Keadaan danau yang tenteram dan tenang, tidak terasa hilangnya sokongan aliran air, kemudian air ditarik daripada sumber alirannya. Tidak jauh lima puluh meter daripada sumber sungai Hulu Kuantan, Raffles mengamati kincir air yang dibangun dengan baik oleh masyarakat negara Menangkabu. Kincir air dibuat dan diletakkan pada sumber pengairan sawah masyarakat dikawasan tersebut (Raffles, 1835). Kincir – kincir air terdiri dari bahan utama iaitu bambu dan direka sesuai dengan kapasiti aliran air. Kincir jenis bambu secara am digunakan di negara Menangkabu dan dapat dianggap sebagai perbaikan di bidang pertanian dimana kawasan Jawa belum maju dalam penggunaan kincir jenis bambu meskipun penghubungan kerjasama yang panjang dengan negara Cina .

Baik negara – negara Eropah maupun Cina sehingga sekarang teknologi kincir air telah menembusi negara Menangkabu dan penduduk asli sendiri. Selama berabad – abad setidaknya, negara ini memiliki sedikit teknologi kincir air walaupun masyarakat tidak ada berhubungan dengan orang – orang asing, kincir air bambu ini dapat dianggap penemuan asli. Raffles mempunyai kesempatan untuk melihat salah satu kincir air sungai Manna di negara Musi dan dikatakan bahawa masyarakat telah menggunakan sistem pengairan menggunakan kincir air. Kincir air ini berbeza dengan bentuk yang direka oleh masyarakat negara Menangkabu.

Untuk teknologi pembuatan kain, masyarakat Menangkabu telah dapat membuat alat atau mesin manual untuk membuat kain atau songket. Mesin pembuat kain dibuat secara sederhana menggunakan kayu dan menggunakan kuasa manusia. Masyarakat telah mampu membuat alat sesuai dengan keperluan manusia pada masa itu atau biasa dikenal sebagai teknologi tepat guna.

6. 3. Kemampuan dan Keadaan Sosial Masyarakat Negara Minangkabau

Sesuai dengan keadaan pada masa itu, dimana negara Minangkabau sebagai negara yang kaya sumber alam dan kemampuan masyarakat untuk mengembangkan ketamadunan, secara khasnya didalam dunia Melayu.

Kerajaan Minangkabau semenjak pemerintahan Adityawarman menjadi lebih terbuka kerana meninggalkan cukup banyak prasasti berkenaan dengan dirinya, walaupun dia tidak pernah mengatakan dirinya sebagai seorang Raja Minangkabau. Adityawarman memang pernah memerintah di daerah Pageruyong sebagai pusat pentadbiran kerajaan, sehingga dikatakan sebagai tokoh penting dalam sejarah Negara Minangkabau. Ia memperkenalkan sistem pemerintahan dalam bentuk Raja, sehingga membawa suatu sumbangan yang besar bagi alam Minangkabau.

Dalam keadaan semasa, sumbangan yang cukup penting itu adalah berkembangnya agama Buddha. Agama ini memang pernah mempunyai pengaruh yang cukup kuat di beberapa kawasan negeri – negeri dibawah pentadbiran Minangkabau, terbukti dari beberapa negeri seperti; Saruaso, Pariangan, Padang Barhalo, Candi, Biaro, Sumpur dan Selo.

Pertengahan abad ke 14 sepeninggal Adityawarman keadaan sosial masyarakat pada masa itu menjadi semakin kompleks, walaupun hubungan sejarah dengan Kerajaan Champa tetap berjalan seperti biasa. Hubungan negara Minangkabau dengan dunia luar, terutama Negara Acheh semakin intensif serta menguasai keadaan politik hampir seluruh kawasan pentadbiran negara Minangkabau.

Monopoli politik oleh negara Acheh mempengaruhi setiap kegiatan perekonomian di negara Minangkabau. Selaras dengan monopoli politik dan ekonomi serta semakin intensif hubungan kedua kerajaan, suatu nilai baru mulai ditanamkan di kerajaan Minangkabau dan nilai – nilai tersebut menjadi sebuah asas yang begitu kukuh melandasi kehidupan sosial – budaya masyarakat di negara Minangkabau. Nilai baru yang dimaksudkan disini ialah Agama Islam.

Merujuk pada tambo Salisilah Raja – Raja Minangkabau, Negeri Sembilan dan

Keluarga Dato' Jannaton (terlampir), bahawa penerapan asas agama Islam mulai dikenal pada abad 14 atau dikirakan sekitar selepas tahun 1375. Pada masa tersebut perubahan raja pentadbir oleh Maharaja Ananggawarman menjadi Majlis Basa IV Balai – Rajo Duo Selo. Majlis ini menjelaskan bahawa keadaan Negara Minangkabau dalam keadaan tidak mempunyai Raja sebagai pentadbir sebuah negara.

Dimulai pada tahun 1550 dengan perubahan kerajaan dengan asas agama Islam yang diperintah oleh Yang Di Pertuan Sakti Sultan Bakilap Alam Tuanku Raja Bagewang I sebagai Raja Alam XXII. Pada masa ini dimulailah pentadbiran yang menyertakan fungsi agama Islam kedalam kerajaan. Masa pentadbiran kerajaan yang dilaksanakan oleh Tuanku Raja Bagewang I berakhir pada tahun 1616. Keadaan masyarakat semasa perkembangan ketamadunan masyarakat telah berkembang sesuai perkembangan Islam serta penerapan sains dan teknologi. Perkembangan ketamadunan pada tahun tersebut pengaruh Agama Islam yang sangat kuat tidak hanya di kawasan Negara Minangkabau serta seluruh Nusantara.

6. 4. Kesimpulan

Dalam laporan kepada Yang Mulia kerajaan Inggeris ada beberapa pemikiran dan pandangan yang bersifat objektif dan subjektif. Pandangan – pandangan ini digunakan Raffles sebagai kepentingannya untuk melakukan perubahan – perubahan pemikiran masyarakat tentang kehidupan sosial dan keagamaan di negara Menangkabu.

Didalam muka surat 422 (Raffles, 1835) seperti yang telah diterangkan pada bahagian awal mengatakan bahawa tidak ada fakta – fakta atau peninggalan dalam bentuk seni dan budaya dalam bentuk sajak atau syair serta dalam patung – patung, prasasti kuno menunjukkan tentang keberadaan masyarakat Melayu di serantau Nusantara. Raffles membuat kesimpulan bahawa masyarakat Melayu berasal daripada Jawa kerana melihat secara makna kata "Melayu" dihubungkan dengan bahasa Jawa. "Malayu" bermakna pergi, hijrah atau berpindah; orang – orang atau masyarakat yang berpindah keluar daripada daerah Jawa (Raffles, 1835; Campbell, 1915).

Pernyataan Raffles ini sangat bercanggah dengan rujukan atau tulisan yang lainnya, seperti percanggahan budaya dan kemajuan yang berkembang pada masyarakat di negara Menangkabu. Percanggahan ini dapat dilihat daripada tulisan J. T. Newbold bertarikh May 1835, naskah yang ditulis oleh C. O. Blagden pada tahun 1916 dan naskah yang ditulis oleh R. C. Majumdar pada tahun 1927. Surat – surat dan buku yang dituliskan oleh Raffles kepada pemimpin kerajaan Inggeris hanya membincangkan perkembangan perubahan sosial masyarakat yang dilakukannya sebagai Gabenor Jeneral di kawasan Nusantara.

Matlamat penguasaan orang Eropah di Nusantara khususnya Inggeris dan Belanda ialah mengumpulkan kekayaan dan merubah pola kehidupan masyarakat melalui penyebaran Agama Kristian dan Yahudi di pulau Jawa bahagian Timur serta pulau Selebes (Sulawesi) bahagian Utara. Cara – cara yang digunakan oleh Raffles sangat berbeza dengan penguasa Belanda iaitu pengembangan pendidikan atau ilmu pengetahuan. Raffles berfungsi sebagai Misionari dan pakar dalam ilmu tumbuhan serta mempelajari tentang sosiologi masyarakat secara khas masyarakat Melayu di Nusantara.

Didalam buku Raffles menjelaskan sangat terperinci bahawa negara Minangkabau secara sejarah perkembangan alam mempunyai sumber mineral dengan bukti – bukti penyelidikan persimpangan vulkanik yang dikumpulkan oleh Raffles sendiri. Begitupula penyelidikan mengenai tanaman, Raffles menemukan tidak kurang 41 jenis tanaman yang tidak ada di kawasan pulau Jawa.

Daripada surat Raffles kepada Mr. Marsden bertarikh 15 ogos 1818 di Bencoolen (dikenal sebagai Bengkulu) mengatakan jumlah populasi rakyat disekitar kawasan Pagaruyung tidak melebihi 1 juta, tetapi perkembangan pertanian telah berkembang berbanding di kawasan pulau jawa dan keadaan tanah serta iklim di Sumatera sama dengan pulau Jawa. Buah – buahan yang pertama kali ditanam pada kawasan lembah dan menjadi

bekalan tetap didaerah Bengkulu ialah buah kentang sehingga buah tersebut di impor daripada kawasan lainnya.

Penjelasan – penjelasan surat – surat Raffles serta kertas kerja yang dibuat untuk Yang Mulia Kerajaan Inggeris menunjukkan bahawa ianya juga sebagai seorang pakar. Konsep – konsep pendidikan dan teknologi Melayu digantikan kedalam bentuk pendidikan vernakularisasi dengan menghilangkan konsep agama Islam seperti yang ditanamkan pada madrasah atau pesantren.

Pendidikan vernakularisasi disini merupakan proses pendidikan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan membezakan bahasa komunikasi yang tidak berasal kepada populasi masyarakat tempatan. Sehingga rujukan dan pedoman pendidikan pada masa itu mengambil konsep pemikiran eropah dan menjadikan ilmu pengetahuan dan teknologi Melayu melalui madrasah atau pesantren semakin hilang dan tidak digunakan oleh masyarakat. Kesan yang timbul ialah ilmu pengetahuan dan teknologi bukanlah daripada konsep Islam atau pakar – pakar Islam.

6. 5. Rujukan

Raffles. S. S. 1835, "Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles, F.R.S & C. particularly in the government of Java 1811 – 1816, and of Bencoolen and its dependencies, 1817 – 1824; with details of the commerce and resour ces of the eastern Archipelago, and selections from his correspondence by his widow", Jil. 1., James Duncan, 37 Paternoster-Row, London, sumber: http://www.sa brizain.org/malaya /library/index.html.

Raffles. S. S. 1835, "Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles, F.R.S & C. particularly in the government of Java 1811 – 1816, and of Bencoolen and its dependencies, 1817 – 1824; with details of the commerce and resour ces of the eastern Archipelago, and selections from his correspondence by his widow", Jil. 2., James Duncan, 37 Paternoster-Row, London, sumber: http://www.sabrizain.org/malaya /library/index.html.

Shaharir, M. Z. 2012, Banyaknya alam mengikut sains moden serasi dengan islam?, *Kesturi* 2 : 30 – 63.

Wan Ramli, W. D. 2012, Pembinaan sains dan teknologi Melayu, *Kesturi* 2 : 64 – 74.

Coupland. R. 1934, *Raffles 1781 – 1826*, 2nd Ed, Oxford University Press, Humphrey Milford Publisher, London, sumber: http://www.sabrizain.org/malaya/library/index. html.


Campbell. D. M. 1915, *Java: Past and Present*, Vol. 1, William Heinemann Publisher, London, sumber: http://www.sabrizain.org/malaya/library/index.html.

Newbold. J. T, Sketch of the four Menangkabowe States, in the interior of the Malayan Peninsula, *Jour of The Asiatic Soc*, No.41, Vol. 4, May, (1835), sumber: http://www. sabrizain.org/malaya/library/index.html.

Blagden. C. O. 1916, An early reference to Menangkabau", *Jour. Straits Branch R. A. Soc*., No. 73, hal 127 – 128, sumber: http://www.sabrizain.org/malaya/library /index. html.

Majumdar. R. C. 1927, *Ancient indian colonies in the far east, CHAMPA*, Vol. 1, Greater India Society Publication, No. 1, The Punjab Sanskrit Book Depot Publisher, Lahore, sumber: http://www.sabrizain.org/malaya/library/index.html.

Lampiran
(*Anonimous*)



VII

Respon Komunitas Islam Moderen Terhadap Aplikasi Ritual Islam Tradisional Di Sekitar Makam Sjech Burhanuddin Di Ulakan Pariaman

Afrinaldi

Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bukittinggi
Sumatera Barat, INDONESIA

Jabatan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

ABSTRAK

Berziarah ke makam Sjech Burhanuddin pada hakikatnya bagi komunitas Islam tradi sional Ulakan diyakini sebagai ibadah ritual. Puncaknya dilakukan satu kali setahun pada kegiatan bulan syafar (basafa) yang dimensi ibadahnya mempunyai dua arah, (1) pengabdian pada Khaliq dan (2) penghormatan pada guru. Tradisi Islam lokal ini disertai prosesi ritual keagamaan yang berjalan secara khitmat di sekitar makam sjech, perilaku ini merupakan khazanah tradisi Islam khas Ulakan yang memiliki corak tersendiri dibandingkan dengan daerah lain. Karena eksistensinya yang "tak lapuk oleh hujan dan tak lekang oleh panas" telah menempatkan Ulakan sebagai lokus peradaban Islam Nu santara. Kehadiran kaum modernis untuk "membujuk" kaum tradisionalis yang diwakili oleh komunitas tareqat syatariyah untuk melakukan puritan (pemurnian) idiologi keisla-man dengan tidak mencampuraduk antara adat istiadat dengan agama (singkretis) be-lum mampu secara signifikan mempengaruhi paradigma berfikir kaum taradisionalis ini. Walaupun menurut catatan yang ada Sumbar adalah salah satu daerah yang paling cepat merespon keberadaan komunitas Muhamadiyah sebagai organisasi modernis dan dak-wah. Namun perilaku sosial masyarakat Pariaman sangat sulit untuk "menghindar" dari perilaku singretisme yang sudah melembaga sangat lama di tengah komunitas mereka. Tradisi Islam lokal seperti *basafa, manigo hari, manujuah hari, maampek puluah* dan *maratuih hari*, pasca kematian, *malamang* dan *salawaik dulang* pada acara peringatan maulid Nabi Muhammad SAW, praktek khutbah bahasa Arab di Masjid-masjid tarekat syatariah, malapeh niaik dengan cara mengunjungi makam disertai dengan membawa makanan, sedekah alakadarnya untuk penjaga makam Sjech yang diyakini sebagai peng-hantar doa-doa yang disampaikan kepada Sjech untuk dikirimkan kepada Allah SWT. Perilaku sosial ini sudah berlangsung pasca kematian Sjech Burhanuddin dan sampai sekarang masih berlangsung dengan ketradisionalannya, yang belum mampu terbantah-kan oleh arus pemodernan oleh komunitas moderen/pembaharu. Penelitian ini melihat

tradisi kultural keislaman bercorak tradisional secara komprehensif dan holistik dan kemudian mengungkap bagaimana respon kaum moderen menyikapi perilaku sosial unik khas Ulakan serta tidak terbantahkan oleh zaman dari satu generasi ke generasi berikutnya. Adapaun pendekatan yang dipakai dengan kualitatif dan sarana pengumpulan data melalui observasi dan wawancara. Untuk operasional di lapangan, rujukan teori sosiologi agama dan psikologi sosial dijadikan sebagai pijakan analisis.

7. 1. Pendahuluan

Ulakan merupakan lokasi yang terpenting dalam sejarah penyebaran Islam di Minangkabau. Wilayah ini merupakan basis pergerakan Islam yang dimotori oleh tokoh sentral ulama terkenal, yaitu Sjech Burhanuddin. Pemegang otoritas tariqat satariyah pada pertengahan abad ke-17 di Minangkabau ini adalah murid dari Sjech Abdur Rauf Singkel. Dalam gerakannya, Burhanuddin telah membuat peta kekuatan Islam di Ulakan sehingga wilayah pantai Sumatera menjadi pusat kemajuan Islam pertama di Minangkabau (Djokosuryo et al. 2001).

Pengaruh Burhanuddin yang begitu kuat dikalangan masyarakat Pariaman tidak mudah dimasuki oleh idiologi selain tarekat satariyah. Kehadiran kaum modernis yang diwakili oleh komunitas Muhammadiyah sudah mencanangkan tujuan organisasinya sebagai kaum pembaharu/modernis . Kaum modernis dan sekelompok elit agama yang pernah menimba ilmu pengetahuan diperantauan seperti Timur Tengah ini sangat concern dengan pemberantasan penyakit masyarakat yang sangat populer dengan istilah takhyul, bid'ah dan khurafat (TBC). Namun kehadiran mereka belum mampu merobah paradigma berfikir kaum tradisionalis secara signifikan.

Kedatangan kaum modernis diyakini sebahagian orang untuk "membujuk" kaum tradisionalis yang diwakili oleh komunitas tareqat syatariyah untuk melakukan puritan (pemurnian) idiologi keislaman dengan tidak mencampuradukan antara adat istiadat dengan agama (singkretis). Walaupun menurut catatan yang ada Sumbar adalah salah satu daerah yang paling cepat merespon keberadaan komunitas Muhamadiyah sebagai organisasi modernis dan dakwah. Namun perilaku sosial masyarakat Pariaman yang berdekatan dengan tepi pantai itu sangat sulit untuk "menghindar" dari perilaku singretisme yang sudah mengejewantah bertahun-tahun secara turun temurun.

Sebagai contoh tradisi Islam lokal warisan Burhanuddin yang masih eksis sampai hari ini adalah acara manigo hari (3 hari), manujuah hari (7 hari), ampek puluah hari (40 hari) dan maratuih hari (100 hari) pasca kematian seseorang, seolah-olah sudah menjadi pakaian tradisi orang Pariaman secara turun temurun dari sejak masuknya Islam ke Pariaman, tradisi makan bajamba, mambawo lamang dengan menghadirkan nyayian salawaik dulang (menyanyikan salawat kepada nabi diiringi dengan tepuk-tepuk dulang) dalam perhelatan penyambutan maulid nabi, menyambut tradisi hoyak tabuik yang diyakini sebagai upacara ritual memperingati kematian Hasan dan Husein cucu nabi Muhammad SAW, menurut kajian para peneliti tradisi ini mirip dengan kaum syiah di Timur Tengah.

Kemudian lagi tradisi basafa (bulan safar) yang dimulai dengan sholat 40 hari 40 malam dan tidak boleh terputus yang dilaksanakan di Surau Burhanuddin dan surau-surau yang beraliran tarekat syatariah. Kemudian puncaknya datang beramai-ramai mengunjungi makam Sjech Burhanuddin yang berlokasi di Ulakan, bahkan masih ada anggapan sebahagian masyarakat "kalau datang ke makam Sjech Burhanuddin sebanyak 7 x itu nilai ibadahnya sudah sama dengan 1 x naik haji ke Makkah". Tentu saja paham-paham semacam ini sangat ditentang oleh paham kaum modernis, karena secara sosial perilaku ini sudah bercampur baur antara ajaran agama dengan tradisi (budaya) lokal masyarakat. Jika dianalsis pernyataan di atas mungkin sangat cocok dizaman ketika Burhanuddin masih hidup tujuannya untuk memotivasi masyarakat untuk beribadah, tapi untuk konteks kekinian tentu saja sangat tidak relevan dan tidak rasional lagi untuk dipertahankan.

Kebiasaan lain juga bisa kita lihat pada praktek khutbah jum'at, orang Pariaman yang beraliran tarekat syatariah masih mempertahankan "khutbah membaca teks berbahasa Arab" sampai hari ini dibeberapa daerah belum bisa tersentuh oleh kaum modernis, alim ulama, cendikiawan dan pemuka masyarakat perantauan yang pernah menimba ilmu di Luar Negeri seperti Timur Tengah untuk menukarnya ke dalam bahasa Indonesia. Hebatnya tradisi khutbah Bahasa Arab ini tetap langgeng dan sampai hari ini tidak bisa dipatahkan oleh kaum modernis. Namun gerakan kaum modernis sebagai organisasi pembaharu tetap memberikan warna kehidupan tradisi Islam lokal di Pariaman sebagai alternatif bagi orang-orang bercorak "moderen" dalam mengamalkan ritual Islam.

Namun karena kuatnya tradisi Islam lokal dengan pengamalan paham idiologi melalui aliran tarekat syatariah maka secara terang-terangan kehadiran kaum modernis tidaklah terlalu nampak. Tradisi keberislaman yang berdimensi tarekat menyebabkan gerakan kaum modernis tidak dapat mengembangkan sayapnya secara baik, khususnya ketika masa-masa awal kedatangannya di daerah Pariaman.

Untuk mengembangkan misinya, kaum modernis menyelenggarakan pengajian dari rumah ke rumah, hal ini dilakukan mengingat kurangnya sambutan masyarakat yang didominasi kaum tradisionalis terhadap kehadiran organisasi ini. Gerakan kaum modernis dari hari ke hari tetap mendapat tantangan keras dari pemuka masyarakat yang sudah lama mengamalkan ajaran tarekat syatariah sebagai pusaka peninggalan dari tokoh penyebar Islam terkemuka Sjech Burhanuddin yang bermakam di Ulakan Kabupaten Padang Pariaman.

Mengingat ketokohan sekaligus sebagai orang yang terpandang dan berjasa dalam penyebaran Islam pertama di Sumatera Barat itulah maka kultur Islam lokal Pariaman pada waktu itu yang sangat identik dengan ajaran tarekat syatariah sulit dirobah dengan pendekatan gerakan "modrenisasi" yang sangat komit dengan pemberantasan takhayul, bid'ah dan khurafat jelas akan bertolak belakang dengan kebiasaan/tradisi masyarakat Pariaman secara umum.

Pergerakan kaum modernis yang semula kurang diminati dapat diapresiasi oleh masyarakat setempat yang berkultur Islam "tradisional" dengan paham murtabah tujuh yang kental serta praktek Islam yang lazimnya oleh kaum modernis dipandang bid'ah perlahan-lahan diterima oleh masyarakat setempat, pertentangan "idiologis" yang dahulunya mengental perlahan-lahan mencair (M. Alifuddin: 2003). Perkembangan kaum modernis di Pariaman pasca tahun 1990-an sudah mulai diterima dan mendapat apresiasi luar biasa dari masyarakat luas.

Kaum modernis mengkonsentrasikan pergerakannya dengan cara mendidirikan lembaga pendidikan, layanan publik, panti sosial dan amal usaha sebagai lahan dakwah. Hal itu bisa dilihat dari pesatnya perkembangan bangunan fisik aset kaum modernis seperti: Rumah Sakit Aisyah, TK Aisyah, Madrasah Ibtidaiyah Muhammadiyah (MIM), Madrasah Tsnawiyah Muhammadiyah (MTsM) dan Madrasah Aliyah Muhammadiyah (MAM), Panti sosial dan Amal Usaha dalam bentuk koperasi dan BMT. Lembaga ini dijadikan sebagai langkah awal untuk memperkenalkan pergerakan kaum modernis untuk mendapatkan "simpati" kaum tradisionalis agar paradigma berfikir mereka bisa dipengaruhi secara berlahan-lahan.

7. 2. Metode Penelitian

Fokus penelitian ini berlokasi di Ulakan Kab.Padang Pariaman, Sumatera Barat. Penelitian ini juga menjelaskan tentang "respon komunitas Islam moderen terhadap aplikasi ritual Islam tradisional disekitar makam Sjech Burhanuddin Ulakan Paraiaman", kemudian juga akan didalami "mengapa tradisi Islam lokal ini tak terbantahkan oleh proses perubahan dinamika keislaman yang bercorak murni (puritan) dan modernis".

Menurut Jhon Lofland dan Lyn H. Lofland sumber data utama dalam penelitian kualitatif adalah kata-kata dan tindakan. Data lain seperti dokumen, foto, dan data-data tertulis merupakan data tambahan. Sumber data kata-kata dalam penelitian ini antara

lain adalah: Kabid Kesbang Linmas Kabupaten Padang Pariaman Armaizal, BA, Sekretaris Camat Ulakan Tapakis Syamsuar, BA beserta staf-staf, Angku Labai penunggu makam Syekh Burhanudin, Etek Rosni, pedagang di sekitar makam, Tuangku Mudo Zainal, pimpinan Pondok Pesantren Nurul Yakin dan Kepala MDA & TPSA Punggung Kasik Lubuk Alung, Cak Ni, Elok, Uni Janewar, Mak Tarakin: peziarah setia makam Sjech Burhanudin.

Data Tindakan yang diamati dalam penelitian ini adalah para peziarah yang mengunjungi makam Sjech. Peziarah umumnya datang tidak sendirian melainan rombongan. Mereka ke makam Sjech selain untuk ziarah, membaca shalawat, yasinan juga minta berkah dan menepati janji (malapeh) niat. Biasanya mereka membawa bekal seperti kemenyan, nasi bungkus, air mineral, lamang, beras, bungo tujuh ragam, ayam dan tak lupa sedekah ala kadarnya.

Data-data tertulis yang cukup dominan dalam penelitian ini adalah: Duski Samad (2002) dan Salmadanis dengan Duski Samad (2003). Sumber tersebut penulis dapatkan di lokasi sekitar makam. Makam Sjech Burhanuddin memberikan kontribusi yang cukup bagi masyarakat dari segi ekonomi. Selain menjual berbagai keperluan untuk ziarah juga menyediakan berbagai macam buku tentang Sjech dan makam.

Penelitian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Travers (1978) dan Gay (1976) dalam Consuelo G. Sevilla, dkk (1993:71) mendefisinikan metode penelitian deskriptif sebagai kegiatan yang meliputi pengumpulan data dalam rangka menguji hipotesis atau menjawab pertanyaan yang menyangkut keadaan pada waktu yang sedang berjalan dari pokok suatu penelitian. Bogdan dan Taylor (1975): mendefinisikan metodologi kualitatif sebagai prosedur penelitian akan menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan prilaku yang dapat diamati. Pendekatan ini diarahkan pada latar dan individu secara holistik (utuh). Pendekatan kualitatif lebih mampu menjelaskan fenomena secara holistik, seperti dikatakan oleh Hebermas (1996:15). Penelitian ini melihat hubungan dialektika agama dan dinamisasi sosial.

Data penelitian dikumpulkan melalui survey, wawancara, dan observasi (pengamatan). Consuelo G. Sevilla (1993: 71) yang menyatakan bahwa terdapat beberapa cara untuk memperoleh suatu informasi deskriptif, yaitu: melalui wawancara pribadi atau melalui survey surat menyurat, pengamatan, dan menggunakan alat-alat atau instrumen. Pengamatan dilakukan terhadap perilaku masyarakat yang ziarah disekitar makam Sjech. Setiap hari makam Sjech ramai dikunjungi oleh masyarakat yang menaruh kepercayaan akan "keramat" yang dimiliki Sjech, sehingga terdapat semacam ekosistem kehidupan di sana. Makam dikerangkeng dengan rapi dan selalu dijaga oleh salah seorang petugas "penjaga makam" sekaligus berfungsi sebagai penerima tamu Sjech. Kepada mareka, masyarakat menyampaikan unek-unek yang diyakini masyarakat akan disampaikan dan dikabulkan Sjech. Wawancara dilakukan dengan tidak bersruktur dengan alasan diharapkan wawancara seperti ini akan berkembang dan peneliti akan lebih banyak mendapat informasi-informasi atau data-data dari informan yang diwawancarai. Hasil wawancara dan observasi akan menjadi data primer.

Sebagai usahawan, harta yang diperoleh daripada hasil mata pencaharian sendiri dan ini merupakan dan ini merupakan harta waris pusaka tinggi. Beliau sama sekali tidak mahu apa yang ditinggalkan dijual oleh sesiapapun atau dipindah – tangan kepada orang lain, kecuali bila diserahkan untuk amal ibadah, seperti pembinaan masjid, rumah anak yatim, rumah sakit dan keperluan sosial bagi kemaslahatan umat sesuai dengan harapannya. Untuk menjaga hasil daripada kerjayanya tidak sia – sia, ia membuat legalitas syarikat dalam bentuk CV (Maatschappij) yang didirikan pada tahun 1896 dengan maksud usaha syarikat dapat berlanjut serta dinikmati oleh anak – anak, cucu – cucu serta kerabatnya. Secara khas untuk harta milik tidak bergerak seperti rumah dan tanah sudah diwariskan secara adil kepada anak – anak lelaki dari beberapa isteri dan saham – saham Maatschappij dibagikan secara adil pula untuk anak – anak perempuan yang masih kecil.

Didalam riwayat hidup Moehammad Shaleh cukup banyak dilakukannya, seperti membuat Musholla atau Surau berbagai tempat untuk anak – anak yang belajar mengaji, mengatasi pengangguran dengan memberikan pekerjaan baik diperkebunan mahupun dipabriknya, memberikan peralatan perahu – perahu kecil bagi nelayan untuk menangkap ikan dan member bantuan dalam hal kelaparan. Hal yang paling penting ialah membimbing orang berusaha di belbagai desa dengan memberikan modal kecil dan lain – lainnya.

Matlamat kesemua yang dilakukan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta berupaya mengembangkan ekonomi masyarakat dan berputar lebih cepat.

8. 6. Kesimpulan

Sebagai usahawan, Moehammad Shaleh bukan sahaja seorang pencipta nilai tambah dalam perniagaan tetapi juga membina pengurusan resiko yang jelas. Begitupula dengan pengalaman perniagaan bahawa keberjayaan usaha perniagaannya sangat bergantung; pertama pada Kemahiran Individu iaitu kemahiran dan sikap pribadinya termasuk kemampuan dalam mengkawal setiap aktifiti. Kedua pada pengetahuan tentang usaha yang dijalankannya, baik mengenai teknikal mahupun manfaat apa yang diusahakan sehingga mampu menunjukkan hal yang menarik. Ketiga membangunkan tujuan usaha iaitu kemantapan dalam menentukan tujuan usaha serta mempunyai visi dan misi usaha yang dijalankan dengan jelas. Begitupula kemampuan untuk menentukan halatuju usaha serta bagaimana mengembangkan perniagaan.

Akhlak dan tindak – laku yang harus dihindari dan dihilangkan sebagai usahawan berjaya serta sebagai umat Islam bagi Moehammad Shaleh iaitu; 1. Sifat egois dan tidak peduli penderitaan orang lain, penderitaan umat Islam, seperti disabdakan Rasulullah SAW: "Bagi sesiapa tidak pedulikan umat Islam, maka ia tidak termasuk golongan mereka".; 2. Sifat pemboros, konsumtif dan suka berfoya – foya, perilaku ini akan terlihat dalam kehidupan sehari – hari seperti memasak makanan yang berlebih sehingga banyak yang terbuang (membazir), belanja yang berlebihan dimana kegunaannya yang kurang diperlukan.; 3. Orang yang bersifat kikir, kedekut atau bakhil, iaitu sifat menunjukkan betapa susahnya mereka dalam member sedekah, membayar infak dan membayar zakat padahal karunia Allah SWT sudah diperolehnya.; 4. Sifat takabbur dengan perilaku sombong merupakan sifat buruk yang perlu disadari. Orang yang menganggap dirinya hebat atau merasa lebih berbanding orang lain, hal ini terjadi kerana beberapa faktor seperti keturunan bangsawan, orang kaya, orang berpangkat dan sebagainya.; 5. Perilaku yang suka menghina atau memandang rendah pada orang. Sifat ini menunjukkan bahawa seseorang itu seolah – olah berkuasa. Mereka menganggap dirinya lebih baik berbanding orang lain. Kadang – kadang mereka memanggil orang dengan sebutan atau gelar yang buruk dan tidak sepatutnya.; 6. Sifat yang selalu mempunyai sangkaan buruk dan mencari kesalahan orang lain.

8. 7. Rujukan

N. Usman, *Cermin kehidupan Moehammad Shaleh Datoek Rangkayo Basa Saudagar Muslim Pariaman, Minangkabau Abad XIX*, ed.1, Penerbit CV. Infomedika, Jakarta, 2014.

T. Kato, "A Social change in a centrifugal society: The Minangkabau, West Sumatera", Thesis PhD, Cornell University, Cornell, 1977.

T. Kato, "Change and Certainity in the Minangkabau Matrilineal System", *Indonesia*, No. 25 April 1978.

Christine Dobbin, "Economic change in Minangkabau as a factor in the rise of the padri movement", *Indonesia*, pp. 1784 – 1830, No.23, April, 1977.

Taufik Abdullah, Minangkabau 1900 – 1927: Preliminary studies in social develop ment, MA Thesis, Cornell University, 1967.

Mansoer, et.al, *Sedjarah Minangkabau*, Penerbit Bharata, Djakarta, 1970.

S. H. Beaver, et.al, *Netherland East Indies*, Vol.1, London Great Britain Naval Inteili gence Division, 1944.

E. de Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio – Politic Structure in Indonesia*, Martinus Nijhoff, Den Haag, 1952.

IX

Hamka dan Falsafah Tinggi, Pendekatan Ammi

Muhamad Hanapi Jamaludin

Ikatan Cendekiawan Minangkabau Malaysia
Kuala Lumpur, Malaysia

9. 1. Pengenalan

Pada kebanyakan karangan falsafah, tidak ramai yang ikut meraikan khalayak awam untuk menempatkan mereka pada pemahaman yang tinggi melalui kaedah yang ammi (kebanyakan). Kaedah kebanyakan yang dimaksudkan ialah, lisan yang diungkapkan dalam rutin sehari-hari masyarakat, diucapkan, mampu dicerna dengan bersambil-sambil, kemudian difahami, lalu dapat beramal pula dengannya. Manakala, pemahaman yang tinggi tentulah bersamanya persoalan falsafah, haqiqat dan hikmah yang telah diatur di segala lapangan kejadian yang di sekeliling alam dan kehidupan. Kesemua ini, tidak terkecuali, terlingkung dalam sumbangan seorang Hamka, sebagai seorang ahli falsafah yang merakyat, yang membumikan falsafah secara tinggi kepada ammi. Setidaktidaknya dalam penulisan serba ringkas ini, ada beberapa perkara yang mempengaruhi beliau sebagai demikian yang akan dilanjutkan dalam perbincangan ini.

9. 2. Alam Terkembang Jadikan Guru

Beliau lahir di Sungai Batang, Maninjau. Terletak di tengah-tengah kelikatan budaya dan falsafah Alam Minangkabau. Pengenalannya terhadap warisan leluhur seperti perbilangan, kias ibarat, khususnya "tambo" (sebuah prosa sastera lisan yang mengandungi nilai sejarah, pendidikan, undang-undang, falsafah hidup) adalah suatu hal yang lazim kepada masyarakat di Minangkabau sepertinya. Seperti halnya dengan ungakapan "Alam Terkembang Jadikan Guru", pepatah ini hanya merupakan kata-kata purba yang ditemui dalam tambo, dilihat sebagai tidaklah lain, hanya kata-kata tua Melayu untuk menghimbau semangat berbudaya dan berpusaka. Ianya akan berterusan menjadi kata-kata biasa jika tidak dihadam atau dilintasi dengan penuh penghayatan. Berbeza dengan Buya Hamka, beliau dengan jelas ; pertama, berinteraksi dengan alamnya, berdendang dengan puisi bangsanya, tambo – sebuah pusaka yang menyelip kata-kata bernisbahkan alam, lalu mendirikan jati dirinya yang kekal ampuh.

Alam, sebuah daripada tanda-tanda besar yang membuktikan akan kebesaran Allah, disebaliknya ada pelajaran, hikmah, falsafah dan kebijaksanaan yang mahu dikurniakan oleh pemilikNya kepada sesiapa yang dikehendaki. Alam ialah ayat, ayah (baca. Arab) yang mengidentifikasi kewujudan rasa bertuhan yang meruntun jiwa dan aqal untuk bertafakur dan merenung sejauh mahunya tentang bagaimana kejadiannya sehingga melahirkan takjub, takzim yang membawanya untuk menyerahkan segala puji kepada

penciptaanya. Orang begini, mendapat dua penghormatan ; pertamanya, telah ia dapatkan nikmat yang mencurah-curah daripada Tuhannya, kerana erti syukurnya, dia juga bakal menjadi muqarrabin yang tidak jemu berzikir atas nama Tuhannya dengan melihat pada ayat-ayatnya yang terhampar. Keduanya, dia mendapatkan ketenangan, kehalusan jiwa, ketinggian budi, kerukunan pekerti, pandangan yang jelas dan terang, serta semangat yang berkobar. Alam adalah pengubat jiwa-jiwa buntu, penyegar mata dan hati.

9. 3. Alam Sebagai Tanda : Jajaran Maninjau ke Ufuk Kejayaan

Saya titipkan di sini, Buya Hamka dilahirkan di sebuah desa kecil bernama Sungai Batang di pesisir Danau Maninjau. Tiadalah dapat disangka kehidupan kecil di desa tercorok itulah yang telah meneguh peribadinya yang bertalian hingga mencetaknya menjadi tokoh besar. Beberapa catatan tentang desa kecil itu dirakamkan :

"*SAYA sangat terkesan pada desa kelahiran saya. Saya sudah sering keliling dunia, tapi rasanya tidak ada pemandangan yang seindah Maninjau. Desa itu pun mempunyai arti penting bagi hidup saya. Begitu indahnya seakan-akan mengundang kita untuk melihat alam yang ada dibalik pemandangan itu...*" (Kenang-kenangan 70 tahun Buya Hamka).

"*Keindahan alam Maninjau, kampung Hamka, menggerakkan tangan mantan Presiden RI Ir. Soekarno, yang juga sahabat Hamka, menulis sebait pantun, "Jika adik memakan pinang, makanlah dengan sirih hijau, jika adik datang ke Minang, jangan lupa singgah ke Maninjau...*"

Alam kelahiran beliau telah memberi inspirasi luhur kepadanya untuk menganyam kias ibarat daripada "guru-guru" berkenaan bagi memberikan pemahaman terhadap khalayak masyarakat terutamanya mengenai persoalan agama yang memerlukan contoh bandingan yang dapat membantu. Jika dahulunya, persoalan agama sering berlegar daripada hal sah, batal, halal, haram dan berkait dengan hukuman, kini telah semakin luas "alam" dan lapanganya. Persoalan yang tinggi dan rumit seperti falsafah ketuhanan yang biasanya berdengung di pondok-pondok pengajian atau di kuliah-kuliah universiti disantuni oleh beliau dengan bahasa dan jalan fikiran yang membumi. Lihatlah karangan beliau dalam Falsafah Ketuhanan, walaupun sederhana, tetapi telah melapangkan halwa pendengaran kaum pembacanya yang meluas ke seluruh Nusantara. Percontohan daripada alam sering diadun di dalamnya. Masyarakat kebanyakan, golongan ammi yang tidak akan memahami perbahasan yang tinggi-tinggi dengan mencedoknya sendiri, akan mudah menghadam apa yang diutarakan oleh Buya Hamka dengan perlambangan alam sekitar yang mesra.

9. 4. Kitab Alam dan Kehidupan.

Anjuran terhadap berinteraksi dengan alam dapat dilihat dalam banyak ayat-ayat al-Quran. Antaranya yang saya petik di sini :

"*Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang, terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang berakal*"
(Surah A-li'Imraan Ayat 190)

"*(Mereka adalah) orang yang mengingati Allah sambil berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami! Tiadalah Engkau menciptakan ini sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka*". (Surah Ali-'Imraan Ayat 191).

Kepentingan memahami alam dan gejala-gejalanya menatijahkan peribadi yang luhur.

Pengamatan terhadap para penghuni alam yang sentiasa "berpusing", "bergerak" dalam alam-alam yang terpisah tetapi saling berhubungan. Penghuninya daripada sel-sel dalam organ tubuh, hingga ke orbit besar di bima sakti, semuanya berpusing dan bergerak dengan tindakan melawan. Dan alam terus berjalan sebagai wasilah kepada para peneroka dan pengembara mengutip selautan rahsia yang tersembunyi daripadanya.

Begitulah Hamka, beliau mewarisi pendidikan Islam yang baik daripada ayahnya, seorang ulama tersohor di Indonesia abad ke – 19. Pendidikan Islam yang bersifat naqliyyah, yang bersumberkan ehwal normatif Islam yang bersifat tekstual (al-Quran dan al-Hadith) dan sentiasa pula menempatkan aqliyyah pada resamnya yang wajar. Beliau menggalakkan ummat Islam menggunakan aqal sejalan dengan peranannya untuk menangkap rahsia kehidupan buat meningkatkan lagi keyaqinan dan keimanan. Melalui aqal menurut beliau, agama dan iman akan hidup.

9. 5. Falsafah Ketuhanan

Dalam sebuah karya beliau yang tidak jarang dibincangkan berjudul Falsafah Ketuhanan, beliau membawakan secara kronologi, seolah-olah sedang menonton fiksyen genre teologi ketika mana beliau bercakap akan ADAnya yang ADA dikalangan manusia daripada zaman primitif sampai kepada zaman pengetahuan moden. Beliau menerangkan secara fitrah, bagaimana jiwa dan aqal yang murni manusia itu pada awal mulanya bangkit memandu, membawa pertanyaan asasi mengenai kuasa yang menjadikannya dan mengaturkan alam ini. Daripada zaman manusia menamakan Tuhan dengan pelbagai sempena seperti bulan, bintang, matahari, dewa, gunung, pokok sehinggalah kepada munculnya risalah Islam yang membawa mereka kepada fitrahnya yang haq. Apabila aqal sudah mulai menerka, fikiran sudah mulai berjalan, maka manusia mula memikirkan akan alam tempat bertinggal, langit yang meneduh, gunung yang mendinding, siapakah yang mengatur-ciptanya?

Karya beliau ini tentu ditujukan kepada masyarakatnya yang beragam, muslim pada tasdiq dan 'amilin, muslim abangan dan muqallid, kaum yang belum beragama, kaum atheis, golongan agnostik, semua disantuninya. Namun, tumpuannya pada dua, yakni muslim abangan yang tidak berilmu dan juga para saintis atheis. Kepada kaum muslim abangan dan muqallid yang menjalani agama hanya pada ikut-ikutan, beliau mengutarakan dengan bahasa agama yang sederhana supaya mereka dapat disiramkan tentang mereka adalah sedari fitrahnya mengakui akan kebesaran zat yang meninggikan langit dan membentangkan bumi!

Katanya :

> "Alam terbentang luas dan manusia hidup di dalamnya. Dengan pancaindera dan akal yang ada padanya, manusia dapat mempersaksikan Alam itu dalam segala sifat dan lakunya. Ada kebesaran, keajaiban dan keindahan, dan ada perubahan-perubahan yang tetap. Kehidupan manusia itu sendiri tidak dapat diceraikan dengan Alam itu. Maka yang mula-mula timbul pada manusia itu adalah perasaan bahawa ada sesuatu yang menguasai Alam ini. Dia yang mengatur dan yang menyusun perjalanannya. Dia yang menjadikan segalanya. Dia Yang Maha Kuasa atas setiap sesuatu yang ada. Kesan Pertama bahwa Ada Yang Maha Kuasa itu meratalah pada segenap manusia. Kerana kesan inilah yang tumbuh bilamana akalnya sudah mulai berjalan. Di zaman akal itu mulai bertumbuh (primitif), khayalnya akan Adanya yang Ada itu diberinya berupa, menjadi perlambang daripada perasaannya sendiri. Macam-macamlah perasaan yang timbul di sekeliling kesan tentang Yang Ada itu. Kadang-kadang timbullah takut padanya, dan kadang-kadang timbul pula rasa terharu melihat keindahan dan kebesaran bekas

perbuatannya. Maka diadakanlah pemujaan kepada benda-benda yang seram. Kepada batu, pohon kayu seumpama beringin. Gunung atau nyatalah kelihatan bagaimana berkembangnya pemujaan kepada yang gaib itu menurut pengaruh keadaan hidup pada masa itu. Semasa kehidupan gua, disembahlah keseraman rimba dan kayu-kayan dan batu. Kemudian itu disembah gunung. Dan setelah hidup berpindah dari gua batu ke tepi sungai, disembahlah air yang mengalir, dipuja pasang naik dan pasang turun. Dan kadang-kadang disembah juga ikan. Dan di zaman perburuan dipujalah binatang-binatang yang dirasa ada hubungan dengan suku. Apabila kehidupan itu telah maju, dan telah pindah ke zaman bercucuk tanam, mulailah dirasa pertalian yang rapat di antara langit dan bumi, kerana kesuburan tumbuh-tumbuhan bertali dengan hujan dari langit. Maka mulailah mata menengadah ke langit. Di sanalah agaknya terletak rahasia yang Maha Kuasa itu.. (1950, 1-2).

Orang yang tidak mengerti pun akan turut jadi mengerti apabila dibawa meneroka ke dalam diri sendiri tentang perasaan berhutang yang ditanggung oleh diri. Maka ia memerlukan agama sebagai pembimbing menuju zat yang telah mencipta dan mengirimnya sebagai ‘abid di muka bumi.

Melalui petikan di atas juga dapat dilihat bahawa, HAMKA membawa sebuah pertanyaan yang tidak akan berlepas daripada nasib seseorang yang berjiwa. Pertanyaan yang pasti mengelilinginya samada ia mencapai atau tidak pendakian menemuiNya.

9. 6. Cukuplah Dengan Alam

Hamka tidaklah menggunakan kaedah ilmu tauhid yang halus dan sangat teliti membahaskan tentang wujudnya Tuhan. Kaedah ini tentunya mensyaratkan seseorang itu perlu melalui beberapa rutin pengajian yang tentunya memerlukan usia. Beliau menggunakan hujah logika dan alamiah seperti yang dijelaskan sebagai tanda. Bagi kaum muslim sederhana di zamannya, cukuplah dengan mengutarakan apa yang dapat dilihat oleh pancaidera yang sihat untuk memperakukan akan wujudnya yang ADA itu.

Alam Indonesia yang cukup indah dan mengagumkan dengan belahan pulau-pulau, gunung-gunung, bukit, danau yang memang menggamit gelodak rasa yang sangat lain. Beliau mengambil kesempatan demikian. Falsafah ketuhanan yang bicara sebetulnya amat tinggi dan kompleks, beliau mudahkan dengan mengambil sedikit juzuk sahaja daripada bahasa ketuhanan yang tinggi itu. Alam. Beliau menerangkan :

> “Rasa seni akan bangkit melihat fajar menyingsing, dan tidak lama kemudian matahari pun terbit dan margasatwa berbunyi bersahut-sahutan. Engkau lihat embun pagi me-nyentak naik, dan semangat baru meliputi alam di sekitarmu. Engkau seakan-akan puas meskipun tidak minum. Engkau seakan-akan kenyang, meskipun tak makan. Bahkan hempasan ombak ke tepi pantai diiringkan oleh angin lautan yang nyaman, seakan-akan memandikan jiwa kita sendiri. Bilamana hari telah malam, kita lihat pula bintang berselerak di halaman langit. Dia berkelap-kelip, seakan-akan orang tersenyum, dan yang disenyumi ialah kita. Melihat itu semuanya, bukanlah sedikit kesannya kepada jiwa kita sendiri. Seakan-akan kita telah menjadi ahli waris dari Alam itu, dan kita pun jatuh cinta kepadanya. Kerana dari dialah timbul keindahan yang telah merekam jiwa kita. Kesudahannya kita pun cintalah kepada diri kita sendiri, sebab diri itu mencintai Alam. Dalam terharu yang bersangatan, lantaran terpesona oleh Keindahan Alam, tidak semena-mena terlompatlah dari mulut kita ucapan yang betul-betul keluar dari hati :”ALLAH”

Siapalah yang tidak terkesan dengan kehalusan kata-kata yang beliau ungkapkan begini. Terasalah kita ini cukup akrab dengan alam, menyatu dengan bahasanya yang penuh rahsia, seperti katanya "seakan-akan kita telah menjadi waris dari alam itu".

9. 7. Penutup.

Nama yang baik adalah kehidupan kedua kepada seseorang. Itulah yang setepatnya digambarkan kepada peribadi ini yang tiada henti berdakwah dalam konteks sudut pandang masyarakatnya yang terdiri daripada kelompok ammi (kebanyakan). Secara halus dan lunak, beliau menyantuni pemahaman soal ghaibiyyat yang tinggi-tinggi mencungap dengan bahasa "kita" yang tentu mudah difahami oleh "kita". Karya, sumbangan, data dan fakta mengenai perjuangannya akan terus digali dan disebarluaskan sebagai putera Melayu yang tersohor dalam lipatan beberapa benua. Semoga Allah merahmati nya. Tulisan serba ringkas ini akan dikemaskan lagi pada masa akan datang,

Bibliografi

HAMKA, 2006. (ed. Terkini). Falsafah Ketuhanan, Kuala Lumpur: Pustaka Dini Sdn Bhd.

HAMKA, 1982 (ed. 5). Falsafah Hidup, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.

HAMKA, 1982 (ed. PN). Studi Islam, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

HAMKA, 2001 (ed. Bahasa Malaysia). Tasauf Moden, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man.

HAMKA, 2006 (ed. Terkini). Islam dan Adat Minangkabau, Kuala Lumpur: Pustaka Dini Sdn Bhd.

X

Persiapan Masyarakat Minangkabau Menuju Masyarakat Ekonomi ASEAN Melalui Tradisi Merantau dan Berniaga

Arif Murti Rozamuri

Jabatan Ekonomi Pembangunan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

Kalimat "*Satu Visi Satu Identitas Satu Komunitas*" menjadi visi dan komitmen bersama yang hendak diwujudkan oleh negara - negara ASEAN pada tahun 2020. Tetapi, Apakah mungkin cita-cita tersebut dapat diwujudkan oleh negara-negara ASEAN (Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Brunai Darussalam, Kamboja, Vietnam, Laos dan Myanmar) dalam masa kurang dari satu dasawarsa?. Berdasarkan catatan dan laporan dari berbagai sumber menunjukkan bahwa cita-cita bersama yang terintegrasi dalam suatu komuniti yang disebut Masyarakat Asean (Asean Community) ini masih menghadapi berbagai - bagai tantangan dan rintangan yang terdapat pada masing-masing negara anggota. Beberapa tahapan awal mesti diwujudkan untuk merealisasikan target atau sasaran bersama Masyarakat Asean tersebut, di antaranya adalah melalui penerapan Masyarakat Ekonomi Asean (Asean Economic Community - AEC) pada tahun 2015.

AEC adalah bentuk keterpaduan ekonomi ASEAN dalam makna adanya sistem perdagangan bebas antara setiap negara ASEAN. Indonesia dan sembilan negara anggota lainnya telah membuat kesepakatan perjanjian Masyarakat Ekonomi ASEAN (MEA) atau ASEAN Economic Community (AEC). Pada KTT (Konferensi Tingkat Tinggi) di Kuala Lumpur pada Desember 1997, para pemimpin ASEAN memutuskan untuk mengubah ASEAN menjadi kawasan yang stabil, makmur, dan sangat kompetitif dengan perkembangan ekonomi yang adil, mengurangi kemiskinan dan kesenjangan sosial-ekonomi. Pada KTT di Bali pada bulan Oktober 2003, para pemimpin ASEAN menyatakan bahwa MEA akan menjadi tujuan dari integrasi ekonomi regional pada tahun 2020.

ASEAN Security Community dan Komunitas Sosial-Budaya ASEAN dua pilar yang tidak terpisahkan dari Komuniti ASEAN. Semua fihak diharapkan untuk bekerja secara kuat dalam membangun komunitas ASEAN pada tahun 2020 mendatang. Selanjutnya, Pertemuan Menteri Ekonomi ASEAN yang diselenggarakan pada bulan Agustus 2006 di Kuala Lumpur, Malaysia, sepakat untuk memajukan MEA dengan target yang jelas dan jadual untuk pelaksanaan program ini. Pada KTT ASEAN ke-12 pada bulan Januari 2007, para pemimpin menegaskan komitmen kuat untuk mempercepat pembentukan komuniti ASEAN pada tahun 2015 yang dicadangkan dalam visi ASEAN 2020 dan ASEAN Concord II serta menandatangani Deklarasi Cebu tentang percepatan pembentukan Komunitas ASEAN pada tahun 2015. Secara khusus, para pemimpin sepakat untuk mempercepat pembentukan Komunitas Ekonomi ASEAN pada tahun 2015 dan untuk mengubah ASEAN menjadi daerah dengan perdagangan bebas barang, jasa, pela-

buran, tenaga kerja terampil dan aliran modal yang lebih bebas.

MEA atau AEC adalah realisasi matlamat akhir dari keterpaduan ekonomi yang difahamkan dalam Visi 2020, yang diasaskan pada kepelbagaian kepentingan negara-negara anggota ASEAN untuk memperdalam dan memperluas integrasi ekonomi melalui inisiatif yang ada dan baru dengan batas masa yang jelas. Didalam mendirikan MEA, ASEAN harus berjalan sesuai dengan prinsip-prinsip keterbukaan, orientasi ke luar, inklusif, orientasi pasar ekonomi yang konsisten melalui aturan multilateral serta kepatuhan terhadap sistem serta pelaksanaan komitmen ekonomi yang efektif berbasis aturan.

MEA akan membentuk ASEAN sebagai pasar atau basis produksi tunggal membuat ASEAN lebih dinamis, kompetitif dengan mekanisma aturan yang disepakati. Berapa langkah-langkah untuk memperkuat pelaksanaan inisiatif ekonomi; (a). mempercepat integrasi regional di sektor-sektor prioritas; (b). membina fasiliti pergerakan perniagaan, tenaga kerja terdidik, terampil dan bakat; (c). memperkuat agensi yang membentuk mekanisma komuniti ASEAN ini. Sebagai langkah awal untuk mewujudkan MEA. Pada masa yang sama, MEA akan memberikan jawaban mengenai kesenjangan pembangunan dan mempercepat keterpaduan terhadap Negara Kamboja, Laos, Myanmar dan Vietnam melalui inisiatif kawasan ASEAN. Bentuk Kerjasamanya adalah,

1. Pengembangan sumber manusia melalui peningkatan kapasiti pendidikan dan kepakaran.
2. Melakukan iktiraf atau akuan kualifikasi profesional.
3. Perbincangan lebih dekat mengenai keputusan makro ekonomi dan keuangan.
4. Melakukan langkah-langkah pembiayaan perniagaan.
5. Meningkatkan infrastruktur dan pengembangan transaksi elektronik melalui sistem e-ASEAN.
6. Melakukkan integrasi industri di seluruh wilayah ASEAN untuk mempromosikan sumber asli daerah.
7. Meningkatkan sektor swasta untuk membangun Masyarakat Ekonomi ASEAN.

MEA menjadi tantangan dan peluang tersendiri bagi Indonesia dan kawasan lainnya. Dengan kelebihan demografi tentu akan menjadi peluang. Salah satu masyarakat atau suku yang terkenal di Indonesia yang memiliki kekuatan dalam ekonomi dan memiliki tradisi merantau dan berniaga ialah masyarakat Minangkabau.

10. 1. Legenda Singkat Minangkabau

Perkataan Minangkabau merupakan dua perkataan, iaitu, *minang* yang bermaksud "menang" dan *kabau* untuk "kerbau". Berdasarkan legenda istilah nama ini diperoleh dari perselisihan antara masyarakat Minangkabau dengan seorang putra dari Jawa yang meminta pengakuan kekuasaan di kawasan Melayu. Untuk menghindari dari perpera ngan, masyarakat Minangkabau mencadangkan pertandingan beradu kerbau. Putra tersebut setuju dan membawa kerbau yang besar dan ganas. Rakyat minangkabau membawa seekor anak kerbau yang lapar tetapi dengan tanduk yang telah ditajamkan. Dalam pertandingan pertandingan, anak kerbau yang kelaparan dengan tidak sengaja telah merodok tanduknya di perut kerbau putra itu karena ingin mencari puting susu untuk meghilangkan kelaparannya. Kerbau putra tersebut mati dan rakyat minangkabau berhasil menyelesaikan perselisihan mengenai tanah dengan aman.

10. 2. Merantau.

Selain daripada itu di masyarakat Minangkabau ada budaya yang dikenal dengan sebutan merantau. Merantau sesungguhnya tak bisa dipisahkan dari masyarakat Minangkabau. Asal usul kata "merantau" itu sendiri berasal dari bahasa dan budaya Minangkabau yaitu "rantau". Rantau pada awalnya bermakna : wilayah-wilayah yang berada di

luar wilayah inti Minangkabau (tempat awal mula peradaban Minangkabau). Peradaban Minangkabau mengalami beberapa periode atau pasang surut. Wilayah inti itu disebut "*darek*" (darat) atau *Luhak nan Tigo*. Aktifitas orang orang dari wilayah inti ke wilayah luar disebut "*marantau*" atau pergi ke wilayah rantau. Lama kelamaan wilayah rantau pun jadi wilayah Minangkabau. Akhirnya wilayah rantau menjadi semakin jauh dan luas, bahkan pada zaman modern sekarang ini wilayah rantau orang Minangkabau bisa disebut di seluruh dunia, walaupun wilayah tersebut tak akan mungkin masuk kategori wilayah Minangkabau namun tetap disebut "rantau".

Pendidikan menjadi salah satu faktor dan penyebab pelajar untuk berpindah dari suatu negara ke negara lain. Faktor lain yang membuat individu pindah dari suatu negara ke negara yang lain ialah faktor pekerjaan. Tradisi "Merantau" sangat melekat dengan adat minang. Anak muda minangkabau telah dididik dari usia muda untuk merantau. Tradisi merantau ini sebenarnya memberikan kesan yang positif dan juga baik. Hal ini dapat dilihat apabila merantau setiap individu dituntut untuk pandai beradaptasi, bersosialisasi dan berkomunikasi. Tradisi dari budaya minang ini perlu diteruskan untuk menghasilkan anak muda yang mandiri, komunikatif, kreatif, dan pekerja keras.

Orang Minangkabau atau Minang adalah kumpulan etnik nusantara yang berbahasa dan menjunjung adat minangkabau. Wilayah yang melaksanakan kebudayaannya meliputi Sumatera Barat, sebagian darat Riau, bahagian utara Bengkulu, bahagian barat Jambi, dan juga Negeri Sembilan diMalaysia. Kebudayaannya adalah bersifat keibuan (matrilineal), dengan harta dan tanah diwariskan dari ibu kepada anak perempuan, sementara untuk urusan agama dan politik merupakan urusan kaum laki-laki (walaupun sesetengah wanita turut memainkan peranan penting dalam bidang ini). Kini sekitar separuh orang Minangkabau tinggal di rantau, kebanyakan di kota besar seperti Indonesia, Brunei, Philipina dan Malaysia. Orang Melayu di Malaysia banyak yang berasal dari minangkabau, kebanyakannya tinggal di Negeri Sembilan dan Johor. Minangkabau kental dengan nilai ke-Islamannya. Hal ini terlihat di dalam pepatah mereka, *Adat basandi syara', syara'basandi Kitabullah*, yang bermaksud, adat (Minangkabau) bersendi hukum Islam dan hukum Islam bersendi Al Qur'an. Ada beberapa contoh yang menunjukkan minangkabau sangat mengutamakan pemahaman islam :

1. *Fahaman Islam*: Menimba ilmu adalah wajib. *Fahaman Minangkabau*: Anak-anak laki-laki mesti meninggalkan rumah mereka untuk tinggal dan belajar dengan di surau (Masjid).
2. *Fahaman Islam*: Mengembara adalah digalakkan untuk mempelajari dari tamadun-tamadun yang kekal dan binasa untuk meningkatkan iman kepada Allah. *Fahaman Minangkabau*: Remaja mesti merantau (meninggalkan kampung halaman) untuk menimba ilmu dan bertemu dengan orang dari berbagai tempat untuk mencapai kebijaksanaan, dan untuk mencari penghidupan yang lebih baik. Falsafah merantau juga berarti melatih orang Minang untuk hidup berdikari, kerana ketika seorang pemuda Minang berniat merantau meninggalkan kampungnya, dia hanya membawa bekal seadanya.
3. *Fahaman Islam*: Tidak ada wanita yang boleh dipaksa untuk berkahwin dengan laki-laki yang dia tidak mahu berkahwin. *Fahaman Minangkabau*: Wanita menentukan dengan siapa yang mereka ingin berkahwin.
4. *Fahaman Islam*: Ibu berhak dihormati 3 kali lebih dari bapak. *Fahaman Minang kabau*: Bundo Kanduang adalah pemimpin/pengambil keputusan di Rumah Gadang.

10. 3. Berniaga.

Selain daripada itu orang Minangkabau juga sangat unggul dibidang perniagaan/usaha, sebagai profesional dan intelektual. Minangkabau mempunyai masakan khas yang popular dengan sebutan masakan Padang, masakan Kapau, masakan Padang Panjang. Selain daripada itu Minangkabau perantauan merupakan istilah untuk orang Minangkabau yang hidup di luar wilayah Sumatera Barat, Indonesia.

Berniaga melalui merantau merupakan proses interaksi masyarakat minangkabau dengan dunia luar. Kegiatan ini merupakan sebuah petualangan pengalaman dan geografi dengan meninggalkan kampung halaman untuk mengadu nasib di negeri orang. Keluarga yang telah lama mempunyai tradisi merantau, biasanya mempunyai saudara di hampir semua di kota besar Indonesia, Brunei, Philipine dan Malaysia. Keluarga yang paling kuat dalam mengembangkan tradisi merantau biasanya datang dari keluarga peniaga/pengusaha-pengrajin dan penuntut ilmu agama.

Para perantau peniaga biasanya telah pergi merantau sejak usia remaja, baik sebagai peniaga ataupun penuntut ilmu. Bagi sebahagian besar masyarakat Minangkabau, merantau merupakan satu cara yang ideal untuk mencapai kematangan dan kejayaan. Dengan merantau tidak hanya harta kekayaan dan ilmu pengetahuan yang didapati, namun juga kehormatan individu di tengah-tengah persekitaran adat. Dari hasil yang diperoleh, para perantau biasanya menghantar sebahagian hasilnya ke kampung halaman kemudian bekerja dalam usaha keluarga, yakni dengan memperluaskan hak milik sawah, uang dari para perantau biasanya juga dipergunakan untuk memperbaiki sarana-sarana nagari, seperti masjid, jalan, ataupun pematang sawah. Didalam berniaga ini juga ada faktor-faktor yang menjadi penyebab dan alasannya. Diantaranya ialah :

1. Faktor Budaya.

Ada banyak penjelasan terhadap fenomena ini, salah satu penyebabnya ialah sistem kekerabatan matrilineal. Dengan sistem ini, penguasaan harta pusaka dipegang oleh kaum wanita sedangkan hak kaum laki-laki dalam hal ini cukup kecil. Selain itu, setelah masa akil baligh para pemuda tidak lagi dapat tidur di rumah orang tuanya, kerana rumah hanya diperuntukkan untuk kaum wanita beserta suaminya, dan anak-anak.

Para perantau peniaga yang pulang ke kampung halaman, biasanya akan mence ritakan pengalaman merantau kepada anak-anak kampung. Daya tarik kehidupan para perantau inilah yang sangat berpengaruh di kalangan masyarakat Minangkabau sedari kecil. Siapa pun yang tidak pernah coba pergi merantau, maka ia akan selalu direndah oleh teman-temannya. Hal inilah yang menyebabkan kaum laki-laki Minang memilih untuk merantau. Kini wanita Minangkabau pun sudah lazim merantau. Tidak hanya kera na alasan ikut suami, tetapi juga kerana ingin berdagang, meniti karier dan melanjutkan pendidikan.

Menurut Rudolf Mrazek, sosiologi Belanda, dua tipologi budaya Minangkabau, yakni dinamisme dan anti-parokialisme melahirkan jiwa merdeka, kosmopolitan, egaliter, dan berpandangan luas, hal ini menyebabkan tertanamnya budaya merantau pada masyarakat Minangkabau. Semangat untuk mengubah nasib dengan mengejar ilmu dan kekayaan, serta pepatah Minang yang mengatakan *Ka ratau madang di hulu, babuah babungo alun, marantau bujang dahulu, di rumah paguno balun* (lebih baik pergi merantau kerana dikampung belum kepada) mengakibatkan pemuda Minang untuk pergi merantau dari sejak muda.

2. Faktor Ekonomi

Penjelasan lain adalah pertumbuhan penduduk yang tidak diiringi dengan bertambahnya sumber daya alam yang dapat diolah. Jika dulu hasil pertanian dan perkebunan, sumber utama tempat mereka hidup boleh menghidupkan keluarga, maka kini hasil sumber daya alam yang menjadi pendapatan utama mereka itu tak cukup lagi memberi keputusan untuk memenuhi keperluan bersama, karena harus dibagi dengan beberapa keluarga.

Selain itu adalah tumbuhnya kesempatan baru dengan dibukanya daerah perkebunan dan pertambangan. Faktor-faktor inilah yang kemudian mendorong orang Minangkabau pergi merantau mengadu nasib di negeri orang. Untuk pertama kalinya ke perantauan, biasanya para perantau menetap terlebih dahulu di rumah saudara yang dianggap sebagai induk semang. Para perantau baru ini biasanya berprofesi sebagai pedagang kecil.

10. 4. Persiapan Terhadap Masyarakat Ekonomi ASEAN

Melalui tradisi merantau dan berniaga tersebut menunjukkan masyarakat Minangkabau sudah siap - sedia menjadi "pemain utama" didalam masyarakat ekonomi ASEAN. Didalam tradisi merantau dan berniaga sudah diajarkan bagaimana untuk bersaing secara sehat dengan pasar yang terbuka. Salah satu yang menjadi pendorong diwujudkan Masyarakat Ekonomi ASEAN (MEA) adalah untuk memperkuat dan membangun ekonomi masyarakat ASEAN pada sektor usaha industri kecil dan menengah.

Hal ini sejalan dengan salah satu alasan merantau dan berniaga bagi masyarakat Minangkabau. Oleh karena itu atas dasar perspektif dan landasan yang sama masyarakat Minangkabau sudah siap - sedia menuju Masyarakat Ekonomi ASEAN dengan menciptakan peluang dan membangun ekonomi yang lebih baik. Selain itu, MEA akan dimanfaatkan oleh masyarakat Minangkabau untuk memperluas jaringan bisnis, eskspor produk dan kraf tangan serta membuka peluang dan kesempatan untuk membangun bisnis di negara-negara ASEAN.

10. 5. Rujukan

Josselin de Jong, P.E. de, (1960), Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia, Jakarta: Penerbit Bhatara.

Kato, Tsuyoshi (2005). Adat Minangkabau dan merantau dalam perspektif sejarah, Jakarta: PT Balai Pustaka.

http://www.sumbarprov.go.id/

http://www.academia.edu/9060383/masyarakat_ekonomi_ASEAN_2015_MEA_2015

http://www.popline.org/node/468602

http://id.wikipedia.org/wiki/Merantau

http://blogilmupendidikan.blogspot.com/2013/01/merantau-dan-pengorbanan.html

LAMPIRAN

Prasasti Minangkabau

Padang Rojo (Melayu Kuno, 1208S/1286M)
Transkripsi (Kern, 1906)

1. Swasti Sakasatita 1208, bhadra pada masa, ti thiprati pada sukla paksa, mavulu, vage, vrhaspati vara, mandankunan, grahacara nairitistha, vicaka na ksatra, cakra (devata ma)ndala, cubha.
2. yoga, kuvera parbeca, kinsthugna muhurtta, kanva raci nan tatkala paduka bharala arryamoghapaca lokecvara caturdacamitha saptaratna sahita, diantuk dari bhumi java ka svarnabhumi dipratistha didharmacraya, akan
3. punya sri vicvarupa kumara, prakaranan dititah paduka crima ha rajadhiraja sri krtanagaravikrama dharmmottunggadeva manirinkan paduka bharala, rakryan mahamantri dyah
4. samagat payanan han diparikaradasa, rakryan damun puvira, kemari punyeni gogya dianumodanannjaleh sukapraja dibhumi malayu, brahmanah ksatriya vaicya sudra, aryymadhyat, sri maharaja srimat tribhuvanaraja maulivarmenadeva pramukha.

Pagarruyung (Melayu Kuno, 1316-1347M?)
Transkripsi (Casparis, 1995)

1. …..
2. punarapi yawat paduka sri maha
3. [r]ajadhiraja srimat sri akarendra [wa]
4. rmma maharajadhiraja lagi tida bara
5. … ta bartanna mwah brampat suku d
6. … nagari pramukha tuhann aryya
7. … unganan tuhan parpatih sa (su?)
8. … lagi tida bu … su
9. twyata … kumpati
10. … han di parhyanan di kota ma
11. … ung mahameru punarapi yang mambawa
12. dhatya paduka sri maharajadhi
13. raja tuhann aryya parakra[ma]
14. makuda (ta?), tuhan mantri het
15. sumpah saglan
16. wi tuhan nampu dharmma so
17. …… rekha.

Arca Manjusri, Candi Jago (Sanskrit, 1265S/1343M)
Transkripsi (Hardjowardojo, 1966)

(Depan)

1. Aryyawancadhirajana Manjusri
2. Supratisthitah pancasaddwica
3. cankabde dharmmawrddhyai
4. Jinalaye.

(Belakang)

1. Rajye Sriwararajapatniwijiteh
2. tadbancajahasuddhadhih cakre
3. Jawamahitale waragunair Adityawar
4. mmapy asau mantri praudhataro
5. Jinalayapure prasadam atyadbhutam
6. mata suhrjjanam samasukham
7. netum bhavat tat parah
8. i Saka 1265.

Kapalo Bukit Gombak (Sanskrit, 1269S/1347M)
Transkripsi (Hardjowardojo, 1966)
Dvare rasa bhuje rupe gatau varsacca Kartike suklah pancatithis Some bajrendra.

Terjemahan (Hardjowardojo, 1966) :
Pada tahun 1269, yang telah lalu, pada bulan Kartike, bahagian bulan terang, pada hari kelima, Isnin, vajra Yoga, Indra Karana Bava.

Bukit Gombak (Sanskrit dan Melayu Kuno, 1278S/1356M)
Transkripsi (Hardjowardojo, 1966)

1. Swasyamtu prabhu (m)adwayadwajanrpa adityawarman criya, wangcacari amararyya
2. Wangsapati aradhita maitritwam karuna mupaksa mudita satwopa
3. karaguna, yatwam raja sudharmmaraja krtawat lekhesi(t)tisthati.
4. sri kamaraja adhimukti sadas (trakintha) (r)a myabhisekasutathagata bajta(w) aya a
5. (g)ajna pancasadabhijna supernna (gatra) adityawarmanrpate adhirajarajah. Swasti
6. srimat sri ayadityawarma pratapaparakrama rajendramolimaniwarmmadewa maharajadhi
7. raja, sakalokajanapriya, dharmmarajakulatilaka saranagatabajrapanjara ekanggawira, du
8. sta(ri) grahacrista paripalaka saptanggaraja sayada manguddharana patapustaka pratimalaya yam ta
9. l(l)ah jirna padasapta swarnna bhumi, diparbwatkan bihara nanawiddhaprakara sahatambak gopura kalampura
10. nan pancamahacabda, jalanda barbwat maniyammakrayadipaurnnamawasya di sanmuka
11. k bramhana(w)aryyopaddyana tyada kopadra wa tyada mulisamun, tyada rabut-trentak
12. Sakala pya sampurna sakyanyam mahima diwasak dadatu, ya datra punyambarum yam ha
13. ndak barbwinaca sasanenan sapapanam gohattya sapapanam matapitadrori sapapanam
14. swamidrohi gurudrihi, tulu ta yam mangumodana dharmmenan sapunyanam yam nguram (ma) mr

15. ta nana annadana, ya punyana yam nguram matapitabhakti, swamibhakti
16. gurubhakti, dewabhakti, sapunyana nguram maraksa cilapurnamawasya, antya(t)ama
17. nubhawa samyak sambuddhamargga. Satwopakarakrta punya sudana dharm-mam jirnno
18. (lama) ya janacraya punyawrksamanittya pratapakiranai sadalokacri, adi
19. tyawarmmanpate maniwarmadwa. Subham astu gate sake, wasur mmuni bhuja sthalam
20. waicakha pancadacake, site buddhacca ranjyatu. Krtiriyam acaryya a
21. mpuku dhammaddhwajanama dheyassya, abhicekakarunabajra.

Arca Amoghapaca, Padang Candi (Melayu Kuno, 1284S/1362M)
Transkripsi (Kern, 1906)

1. Subhamastu caddharmacca suwarddhanatmamahimasobhagyawan silawan
2. sastrajna suwisuddhayogalaharicobhaprawrddhasate saundaryyegirika
3. ndaranwitagaje sandohawanipra ma yawairitimicradhikkrtamaha
4. nadityawarmmodayah o tadanugunasamrddhih ssastrasastra prawrddhih
5. jinasamayagunabdhih karyyasamrambha buddhih tanumadanawisuddhih atyata
6. sarwwasiddhih dhanakanakasamaptih dewatuhan prapatih o pratisthoyam
7. sugatanam acaryyandharmma sekarah namna gagana ganjasya Manju
8. cririva sauhrdi o pratisthoyam hitatwaya sarwwasa
9. twasukacraya dewairamoghapasesah crimadadityawarmmanah o
10. muladwaucarane patangacarane nardantasake suge bhasmat karkkatakedinai
11. rapitayapurnnenduyogayate tarairuttara siddhiyogaghatikakarunyamurttaswara
12. t jirnairuddharita samahita lasatsambhoda marggartthibhih o swasti samastab-huwana
13. dharahatara bhawacaramagrhabicarada o aparamahayanayogawijnanawinoda o apicadha
14. radhipapratirajabikata samkata kiritakoti sangha nikata manidwayanataka ka-rana o crimat
15. cri udayadityawarmma pratapaparakrama rajendramauli mali warmmadewa-maharajadhiraja sa bijneya
16. majnan karoti o bihangamatangabilasasobhite kantara saugandhi surudramak-ule surangana
17. lakhitakancanalaye matanginisasuradirghikagate anubhawadhibicesonma-dasan-dohahaha
18. akiladitisutanandewa bidyadharesah apimadhukaragitairnnarttyabhogasitinam acalaticalati
19. rttassobhamatanginiso o hahahuhu kanena sambhramalasatlokarttabhumyaga-tah saundaryyesasi
20. purnnawat kusalabhe hrtsobhatalankrte namna uddhayawarmmagupta-sakalak-sonipatinayakah sahtyaktwajinaru
21. pasambhramagato matanginisunyaha o raksannah ksayata wasundharamidam-matanginipatraya bhaksetsattriyawairimarggaca
22. ritasarwwaswa samharakrt sakset ksantibalabilasidamane sambhrantakulossada patih pratyada lanane prakati
23. takrurai palacannati bajraprakaramaddhyasta pratimayam jinalayah crimanna-moghapasesah ha
24. rih udayasundarah o surutaruditapanissatyasangitawanih ripunrpajitakirrtih puspadhanwastramurtih ma
25. layapurahitartthah sarwwakaryyassamartthah gunaracilawibhatih dewatu-hannapatih o udayaparwwata
26. sobhitarupatih udayabhti nareswaranayakah udayawairibalonnatamr ddhyate udayasundaraki

27. rttimahitale o.

Prasasti Adityavarman, Batusangkar (Sanskrit, 1350-1400?)
Transkripsi (Casparis, 1975)

1. jana kalpatarurupa-
2. m madana // a // Adi-
3. tyavarmmam bhupa kulisa-
4. dharavansa / o / pra-
5. tiksa avatara
6. sri lokesvara

8. Kubu Rajo (Sanskrit, 1300S/1378M)
Transkripsi (Kern, 1913)
(1) Om mamla viragara
(2) Advayavarmma
(3) mputra Kanaka
(4) medinindra
(5) sukrta a vila
(6) bdhakusalaprasa
(7) ||dhru|| maitri karu
(8) na a mudita u
(9) peksa a || yacakka
(10) janakalpatarurupa
(11) mmadana ||a|| Adi
(12) tyavarmma mbhupa kulisa
(13) dharavansa |o| pra
(14) tiksa avatara
(15) srilokesvara
(16) deva || mai

Buku ini merupakan kumpulan pemikiran-pemikiran Ikatan Cendekiawan Minangkabau yang berada di serantau nusantara. Tujuan dan cita-cita yang disandarkan berasaskan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW untuk kepentingan umat Islam dan masyarakat awam. Masyarakat Minangkabau merupakan bahagian daripada masyarakat Melayu yang selalu berfikir terbuka dan menerima kemajuan zaman atau tamadun teknologi.

Masyarakat Minangkabau sebagai masyarakat yang mampu menunjukkan jati diri sebagai masyarakat yang santun, cekap dan cergas di tengah masyarakat.

Penerbit

KEMALA INDONESIA
Jakarta
www.kemalapublisher.com

ISBN No:
978-602-14781-2-7

9 786021 478127